


# JURNAL PERADABAN

Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya

ISSN 1985-6296

Jilid 12, 2019



**UNIVERSITI  
M A L A Y A**



Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur

**Ketua Editor:**

Prof. Madya Gs. Dr. Rosilawati Zainol

**Sidang Editor:**

Prof. Dr. Mohd Nazari Ismail  
Universiti Malaya, Malaysia

Prof. Dato' Dr. Wan Ramli Wan Daud  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Dr. Zuraidah Abdullah  
Universiti Malaya, Malaysia

Prof. Madya Dr. Salinah Ja'afar  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Arba'iyah Mohd Noor  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Alwani Ghazali  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Siti Nor Awang  
Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Prof. Dr. H. Tobroni M.Si  
Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia

**Pengurus Jurnal dan Penerbitan**

Dr. Leeana Ismail  
Pegawai Projek, Pusat Dialog Peradaban. Universiti Malaya

Dr. Alwani Ghazali  
Timbalan Pengarah, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya

**Jualan & Pemasaran**

S Rozita Shaari

Jurnal Peradaban merupakan satu platform untuk berdialog tentang pelbagai isu berdasarkan pengamatan dan penilaian yang kritis oleh penulis-penulis. Jurnal Peradaban merupakan terbitan tahunan yang berwasit oleh Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, yang menyiarkan makalah yang berfokus kepada dimensi peradaban.

Pengumuman: **Jurnal ini telah mendaftar untuk dipertimbangkan untuk diindex oleh ESCI**

--

**ISSN:** 1985-6296

**eISSN:** 2636-9257

**Kekerapan:** Setiap tahun

**Bahasa:** Bahasa Malaysia

**Pertanyaan:** [adab@um.edu.my](mailto:adab@um.edu.my)

## Kandungan

**Pemikiran Kebahagiaan Dalam Tamadun Yunani Klasik 470 S.M-529 M.: Satu Analisis Ringkas** ..... 1  
Mohd Annas Shafiq Ayob

**Perhiasan Pending: Analisis Perbandingan Reka Bentuk Pending Melayu Dan Baba Nyonya** ..... 26  
Hayati Mohamad Zawawi, Sabzali Musa Kahn, Raja Suriaty Raja Ahmed

**Keberkesanaan Program Kerajaan Dalam Sektor Pelancongan: Penerokaan Melalui Reaksi Pengusaha Penginapan Kecil Dan Sederhana** ..... 48  
Nor Syuhada Zulkefli, Mastura Jaafar, Azizan Marzuki

**Politik Islamofobia Dalam Wacana Keanggotaan Turki Ke Dalam Kesatuan Eropah: Sebuah Sorotan** ..... 75  
Safwan Saparudin, Russli Kamarudin

**Sejarah Bukit Puteri Sebagai Tapak Warisan Kebudayaan Semulajadi di Negeri Terengganu** ..... 103  
Mohd Nur Shafiq Harun, Mohd Samsudin

# **PEMIKIRAN KEBAHAGIAAN DALAM TAMADUN YUNANI KLASIK 470 S.M-529 M.: SATU ANALISIS RINGKAS**

Mohd Annas Shafiq Ayob\*

*Pusat Asasi, Universiti Teknologi Mara UITM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil,  
43800 Dengkil, Selangor, Malaysia*

## ***Abstract***

*Happiness is one of the main topic that dominantly discussed in philosophy of ethics. The concept of happiness is discussed from the beginning of philosophy in the classical Greek civilisation around 470 BC until around 529 AD. The question of happiness arises when philosophers try to find answers to the ultimate and highest goal of human life. Various concepts and meanings about happiness are introduced to find solution to these issues. We analyse those concepts of happiness by dividing it into specific periods starting from pre-Socrates, Sophist, Socrates, Plato, Aristotle and another school of thought later such as Epicureans and Stoics. Each concept of happiness is shown to have its weaknesses.*

***Keywords:*** *happiness, ethics, classical Greeks, virtue, eudaimonia.*

## **Abstrak**

Kebahagiaan merupakan salah satu topik utama yang mendominasi wacana falsafah etika. Konsep kebahagiaan mula dibincangkan sejak munculnya falsafah pada zaman Yunani klasik, bermula sejak falsafah dibincangkan dalam tamadun Yunani klasik kira-kira tahun 529 M. Persoalan kebahagiaan timbul apabila para ahli falsafah cuba mencari jawapan mengenai matlamat akhir dan tertinggi bagi

---

\* Penulis untuk dihubungi: annasshafiqayob@gmail.com

kehidupan manusia. Berbagai-bagai konsep dan makna mengenai kebahagiaan diketengahkan bagi mencari penyelesaian terhadap persoalan tersebut. Konsep kebahagiaan diperihalkan dan dianalisis dengan membahagikan kepada zaman Pra-Socrates, Sofis, Socrates, Plato, Aristoteles dan juga pada zaman Yunani klasik kemudian khususnya Epicurus dan Stois. Setiap konsep kebahagiaan ditunjukkan kelemahannya.

**Kata kunci:** kebahagiaan, etika, Yunani klasik, fadilah, eudaimonia.

## **Pendahuluan**

Falsafah Yunani diiktiraf sebagai falsafah terawal yang berkembang di dunia iaitu bermula lebih kurang pada abad ke-6 S.M Walau bagaimanapun, falsafah telah wujud lebih awal di tempat lain seperti di India dan China, namun falsafah Yunani diiktiraf sebagai falsafah pertama kerana bersifat tersusun dan sistematik (Sunawari, 2008). Ini dapat dilihat menerusi penulisan karya-karya awal falsafah Yunani yang membincangkan mengenai alam semula jadi dan sumber-sumber nilai moral (Al-Attar, 2010). Secara umumnya perkembangan falsafah etika Yunani klasik dapat dibahagikan beberapa peringkat. Dalam makalah ini dibincangkan falsafah etika dan perbincangan kebahagiaan dalam kalangan ahli falsafah Yunani klasik bermula dari era Pra-Socrates sehingga Aristoteles. Perkembangannya seperti berikut; pertama, pra-Socrates (600-450 S.M.). Kedua, era Sofis. Ketiga, era Socrates. Keempat, era Plato dan kelima, era Aristoteles. Era pertama merupakan era awal kemunculan falsafah Yunani di samping falsafah etika dan dinamakan sebagai pra-Socrates kerana era ini berlaku sebelum kemunculan Socrates.

Perbincangan kebahagiaan sangat penting kerana menjadi inti bagi setiap perbincangan etika dalam kalangan ahli falsafah Yunani klasik. Perbincangan tersebut bertitik-tolak dari persoalan apakah tujuan akhir dalam kehidupan manusia. Secara umumnya kebanyakan manusia menerima kebahagiaan sebagai tujuan terakhir dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun penilaian dan

ukuran kebahagiaan bagi setiap individu adalah berlainan disebabkan kebahagiaan bersifat relatif bagi setiap individu. Menurut Holowchak (2004), kebahagiaan yang dibincangkan oleh setiap ahli falsafah Yunani seperti sebuah teka-teki yang perlu dicantumkan kerana kepelbagaian pandangan berkenaan kebahagiaan. Sebagai contoh, Plato mengaitkan kebahagiaan dengan keadilan, Aristoteles menganggap kebahagiaan berkait rapat dengan tingkah-laku yang baik, manakala golongan Epicurusisme dan Cynosisme menganggap keseronokan punca kebahagiaan. Namun kesemua mereka bersetuju kebahagiaan sebagai suatu kebaikan. Justeru, tumpuan makalah meninjau aspek kebaikan dalam setiap perbincangan kebahagiaan serta cara mendapatkan kebahagiaan bagi setiap tokoh dan aliran pemikiran ahli falsafah Yunani yang pelbagai, seterusnya makalah ini menganalisis kelebihan dan kekurangan teori kebahagiaan di antara ahli falsafah Yunani. Pengkaji memfokuskan secara umum perbincangan kebahagiaan ahli falsafah Yunani bermula 470 S.M sehingga 529 M.

### **Kaedah Penyelidikan**

Pengkaji mengutip data menggunakan kajian berbentuk tekstual dengan pengumpulan data bersumberkan karya ahli falsafah Yunani yang menjadi sumber primer dan sekunder. Pengumpulan data melalui bahan-bahan perpustakaan digunakan dalam kajian ini dengan memfokuskan perbincangan berkenaan konsep kebahagiaan. Analisis turut memfokuskan kepada aspek kebaikan dalam setiap perbincangan kebahagiaan ahli falsafah Yunani. Pengumpulan data utama melalui analisis dokumen berkaitan serta mengkaji maksud kebahagiaan dan cara mencapai kebahagiaan.

### **Pra-Socrates Dan Kebahagiaan**

Antara ahli falsafah terkenal dalam era ini adalah Thales, Democritus, Anaximander, Anaximenes, Pythagoras, Parmenides, Heraclitus dan sebagainya (Nasir, 2010). Ketika era ini perbincangan falsafah masih dalam peringkat permulaan

terutamanya falsafah etika yang membincangkan kebahagiaan. Falsafah etika Yunani berkembang lebih sistematik dibawah Socrates, bermula pada kurun ke-5 sebelum Masihi. Namun sebelum Socrates, kemungkinan sudah ada ahli-ahli falsafah melakukan perbincangan yang menyentuh isu-isu etika walaupun tidak secara jelas, sekurang-kurangnya memberi idea dan konsep asas kepada Socrates dan ahli falsafah seterusnya. Manakala konsep kebahagiaan belum dibincangkan secara mendalam melalui penghasilan karya tertentu oleh ahli falsafah era ini.

Wujud beberapa teori para ahli falsafah yang boleh dihubungkan dengan perbincangan etika seperti perbincangan Pythagoras yang mengasaskan sekolah Pythagorasan, beliau membincangkan masalah konsep roh dan konsep pertengahan, manakala pandangan Democritus mengenai kebaikan turut mengandungi konsep pertengahan. Perbincangan etika di dalam falsafah Yunani berkembang seiring dengan kewujudan falsafah Yunani sendiri. Thales lebih menumpukan persoalan alam jasmani seperti persoalan hakikat dan asal segala sesuatu (Stumpf, 1994).

Tema untuk mencapai kebahagiaan turut diketengahkan oleh ahli falsafah semenjak zaman pra-Socrates lagi. Perbincangan mengenai konsep kebahagiaan berkembang seiring perbincangan mengenai etika dan akhlak. Konsep kebahagiaan tidak banyak dibincangkan pada awalnya, namun ada beberapa ahli falsafah seperti Democritus menyebut sedikit berkenaan kebahagiaan. Menurut beliau kebahagiaan adalah milik jiwa dan tempatnya terletak di dalam jiwa manusia iaitu kebahagiaan adalah milik jiwa manusia. Konsep kebahagiaan menurut beliau ada kaitannya dengan pertengahan (*mean*) menerusi pandangannya iaitu seseorang mendapat nasib yang baik melalui perlakuannya yang berpada-pada (sederhana) (Freeman, 1996). Konsep kebahagiaan bermula dari jiwa oleh Democritus ini telah mempengaruhi ahli falsafah setelahnya seperti Plato yang menyatakan kebahagiaan terletak dalam jiwa. Bagi Annas (2016), Democritus langsung tidak mengaitkan kebahagiaan dengan nalaran dan jasmani kerana jiwa lebih penting dari nalaran dan jasmani. Sebagai contoh, orang yang mempunyai kekayaan tetap tidak akan merasakan kebahagiaan jika jiwanya tidak merasa bahagia.



## **Era Sofis Tentang Kebahagiaan**

Seterusnya, perkembangan falsafah etika memasuki peringkat kedua iaitu era Sofis yang mewarnai aliran pemikiran orang-orang Yunani pada abad ke-5 sehingga abad ke-4 sebelum Masihi (Nasir, 2010). Namun sesetengah ahli falsafah meletakkan era Sofis masih lagi di dalam peringkat pra-Socrates (Kenny, 2006). Masyarakat Yunani mula cenderung terhadap persoalan amali seperti seni, kebudayaan dan perbincangan yang dapat memberi faedah ilmu kepada masyarakat sehingga melahirkan golongan Sofis. Sofis adalah gelaran yang bermaksud golongan cerdik pandai yang mengajar dari bandar ke bandar. Mereka pada asalnya mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti penyair, doktor dan pemerintah, namun mereka menetapkan syarat mengajar dengan membayar gaji kepada mereka (Brehier, 1963). Golongan Sofis tidak banyak menumpukan perbincangan mengenai konsep kebahagiaan, namun ukuran kebahagiaan menurut mereka adalah dengan kekayaan dan kejayaan dalam kehidupan umum bermasyarakat. Kebahagiaan dapat dicapai dengan keseronokan dan pencapaian individu dari sudut kebendaan dalam kehidupan. Bahkan, kebahagiaan boleh dicapai sekiranya seseorang mengalami keseronokan tanpa kebaikan moral sekalipun (Curnow, 2008).

Golongan Sofis dituduh sebagai bukan ahli falsafah yang sebenar atas beberapa sikap mereka dan kritikan ke atas mereka oleh ahli falsafah Yunani seperti Socrates, Plato dan Aristotle. Mereka mengajar mengikut keperluan dan permintaan masyarakat ketika itu dan tidak serius mendalami mana-mana bidang disiplin ilmu falsafah (Nasir, 2010). Sikap sebegini amat dicela dan bertentangan dengan etika kerana hanya ingin mengaut keuntungan tanpa mengajar dengan keikhlasan kerana mereka mengajar kerana wang. Mereka dituduh oleh Plato sebagai kalangan guru yang mencari kebenaran dan kebaikan dengan menghambakan nafsu mereka mencari duit dan sanggup berhujah dengan apa cara sekalipun (Sunawari, 2008). Bagi Sofis, tidak ada masalah dengan tindakan sebegini selagi mana kebahagiaan boleh dicapai. Manakala Aristoteles pula menuduh mereka sebagai menjejaskan kekayaan

melalui pengajaran falsafah yang tidak benar. Sebagai contoh, Protagoras sendiri telah dibayar oleh Pericles, pemerintah Athens ketika itu untuk mengajar warga Athens (Kenny, 2006).

Isu-isu yang berkaitan dengan etika yang menjadi fokus utama golongan Sofis adalah mengenai soal kebaikan atau fadilah yang dikagumi oleh masyarakat Yunani ketika itu. Protagoras dari Abdera, seorang Sofis yang terkenal hanya menumpukan bidang pengajaran bagi melahirkan ahli politik yang berjaya (Kenny, 2006). Pengajaran Protagoras yang berbentuk amali akhirnya memberi kesan kepada kehidupan berpolitik masyarakat Yunani pada masa tersebut (Stumpf, 1994). Walaupun golongan ini mengajar soal-soal kebaikan, tetapi aspek fadilah/kebaikan tersebut hanyalah kebaikan/fadilah yang dikagumi oleh masyarakat pada masa tersebut, seperti kebaikan/ fadilah yang berkisar disekitar kemampuan seorang individu melaksanakan tanggungjawab terhadap negara (politik) (Nasir, 2010). Aspek inilah yang dikritik oleh Socrates kerana bagi Socrates, kebaikan/ fadilah sahaja tidak mencukupi kerana kebaikan mestilah dengan ilmu pengetahuan yang betul. (Rahman, 2000).

Seterusnya, kesan ajaran falsafah Sofis menyebabkan lahirnya fahaman-fahaman negatif yang berlaku dalam kalangan masyarakat Yunani ketika itu. Golongan warga muda telah terpengaruh dengan ajaran Sofis sehingga merebaknya fahaman skeptisisme, relativisme dan subjektifisme. Faham-faham ini kelihatan jelas apabila kita menyelidiki beberapa ajaran mereka. Kenyataan Protagoras iaitu manusia adalah ukuran segala sesuatu (Stumpf, 1994). Teori tersebut dapat difahami bahawa manusia adalah pengukur semua perkara. Ini bermaksud jika seseorang manusia mencapai kebahagiaan dengan cara salah sekalipun dari sudut etikanya, tidak menjadi satu kesalahan di sisi golongan Sofis. Namun teori ini turut dikritik banyak ahli falsafah kemudian seperti Socrates, Plato dan Aristoteles kerana mewujudkan fahaman yang negatif. Apa yang dapat disimpulkan oleh ‘pengukur semua perkara’ adalah tidak tertakluk sama ada perkara baik atau buruk (Nasir, 2010). Oleh itu setiap perbuatan tidak kira baik atau buruk bergantung kepada persepsi masing-masing sehingga menjadikan ukuran kebenaran dan keburukan bercelaru, tidak bersifat objektif dan nilai ukuran suatu perkara tidak bersifat mutlak.

## Socrates Dan Kebahagiaan

Seterusnya, perkembangan falsafah etika memasuki peringkat ketiga iaitu zaman kemunculan Socrates. Beliau bertanggungjawab dalam mengembalikan suasana kehidupan dan pemikiran Yunani yang sebelum ini dikuasai oleh golongan Sofis kepada pemikiran objektif dan kritis (Sunawari, 2008). Namun beliau dijatuhkan hukuman mati kerana dituduh cuba menyeleweng pemikiran masyarakat Athens. Socrates boleh dikatakan sebagai pengasas kepada ilmu etika secara rasmi menerusi perbincangan beliau mengenai pemikiran etika. Socrates turut membincangkan konsep kebahagiaan dan beliaulah di antara ahli falsafah awal yang membincangkan konsep kebahagiaan secara sistematik dan antara ahli falsafah terawal yang menyatakan bahawa tujuan ilmu etika adalah kebahagiaan (Mahmud, 1992). Socrates, tidak seperti ahli falsafah Yunani lain pada masa tersebut yang lebih suka membincangkan mengenai konsep metafizik, lebih berminat untuk membincangkan konsep etika dan isu sosial.

Socrates sendiri tidak menghasilkan karya dan penulisan. Pemikiran beliau kebanyakannya ditulis oleh anak muridnya seperti Aristophanes, Plato dan Xenophon. Pemikiran Socrates mengenai etika banyak diambil dari siri dialog bersama Plato seperti konsep keadilan dalam *Republic* dan kebaikan/ fadilah dalam *Protagoras* (Al-Attar, 2010). Memandangkan golongan Sofis gemar memutarbelitkan kata dan kenyataan, lalu timbullah reaksi daripada Socrates yang mengajarkan falsafah etika berpaksikan kepada pernyataan beliau yang terkenal iaitu 'kebaikan/ fadilah terletak pada ilmu pengetahuan' (Rahman, 2000). Socrates berpandangan bahawa kebaikan/ fadilah dapat menyempurnakan fungsi seseorang. Oleh itu, perkara yang menghalang untuk mencapai kebahagiaan adalah kejahilan dan ketidaktahuan. Menurut Socrates, perbuatan salah laku merupakan hasil daripada kejahilan seseorang. (Stumpf, 1994). Justeru, menurut Socrates kebaikan merupakan keutamaan, dan keutamaan itu ialah pengetahuan. Maka sesiapa yang berpengetahuan pastilah seseorang itu baik, dan sesiapa yang tidak berpengetahuan pastilah seseorang itu dalam kejahatan.

Seterusnya, bagi mengelak salah laku terjadi, bagi Socrates seseorang mestilah mengetahui pengetahuan yang benar mengenai apa yang diinginkan oleh tabiat manusia untuk mencapai kebahagiaan (Stumpf, 1994). Dari sini dapat difahami seseorang itu tidak akan melakukan kebaikan/ fadilah melainkan dia mengetahui dan memahami apakah kebaikan/ fadilah tersebut. Kesenambungan daripada itu, seseorang melakukan kesalahan kerana dia tidak mengetahui dan tidak berilmu dan seseorang melakukan kebaikan disebabkan mempunyai pengetahuan. Justeru salah laku merupakan hasil dari kejahilan dan ianya tidak dapat menghasilkan kebahagiaan. Namun konsep etika Socrates dikritik kerana tidak semua orang berpengetahuan dan berilmu akan melakukan kebaikan. Teori etika Socrates mungkin tidak sesuai untuk dipraktik pada zaman ini disebabkan banyak kes jenayah telah berlaku dalam kalangan ilmuwan dan bijak pandai.

Teori kebahagiaan Socrates bersangkut paut dengan prinsip kebaikan/ fadilah dengan pengetahuan (*virtue and knowledge*) serta kejahatan dengan kejahilan (*vice and ignorance*). Di dalam Euthydemus, sebuah tulisan yang merekodkan perbincangan dan pengajaran Socrates oleh Plato, Socrates mengajukan persoalan kepada sahabatnya iaitu apakah terdapat makhluk yang tidak menginginkan kebahagiaan. (Stumpf, 1994). Sudah tentu semua manusia menginginkan kebahagiaan, namun bagaimana manusia mencapai kebahagiaan. Perbincangan etikanya mengenai kebahagiaan dengan bertanyakan sama ada kita semua mahukan kehidupan yang baik atau mahukan bahagia (Irwin, 1995). Ini mungkin dipersetujui oleh semua orang bahawa manusia ingin memiliki kualiti hidup yang baik dan bahagia. Beliau juga sependapat dengan tanggapan umum bahawa manusia inginkan kebahagiaan. Justeru persoalan seterusnya adalah bagaimana seseorang dapat mencapai kebahagiaan sebagai tujuan hidup.

Socrates menjelaskan bahawa seseorang dapat mencapai kebahagiaan dengan kehidupan yang baik disertai dengan beberapa faktor luaran dan pengaruh kebaikan/ fadilah. Antaranya kekayaan; kesihatan dan kecantikan jasmani; kedudukan dan pengaruh yang baik dalam sesebuah masyarakat iaitu berpengetahuan dan adil serta berani, bijaksana, dan mendapat tuah serta bernasib baik (Irwin,

1995). Berdasarkan kenyataan Socrates tersebut, pengaruh kebaikan/ fadilah yang disenaraikan oleh Socrates tersebut tidak akan membawa apa-apa makna kebahagiaan sekiranya tidak disertai dengan nasib yang baik dan bertuah. Kekayaan, kesihatan dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat tetap tidak akan menjamin kebahagiaan seseorang tanpa adanya nasib yang baik. Walau bagaimanapun, apa yang dimaksudkan dengan 'nasib yang baik' atau tuah tidak dibincangkan oleh Socrates.

Kebahagiaan menurut Socrates juga boleh diperolehi menerusi usaha manusia sendiri. Menurut beliau lagi, setiap manusia di dalam jiwa mereka mempunyai keinginan untuk bahagia atau kehidupan yang baik. Cara untuk menggapai kebahagiaan atau kehidupan yang baik adalah hanya dengan memilih perbuatan atau tingkah laku yang sesuai. Kebahagiaan juga merupakan satu motif dan tujuan seseorang untuk melakukan kebaikan/ fadilah (Copleston, 1950). Berdasarkan kenyataan Socrates tersebut, manusia sememangnya mempunyai keinginan untuk bahagia dalam setiap jiwa mereka, dan manusia harus memilih perbuatan agar perbuatan tersebut dapat memandu manusia menuju kebahagiaan. Namun Socrates tidak menghubungkan kebahagiaan dengan jiwa manusia. Memilih perbuatan atau tingkah laku yang sesuai dengan pengetahuan yang benar sahaja tidak mencukupi untuk mencapai kebahagiaan jika mengabaikan hubungan jiwa dan kebahagiaan. Justeru, hubungan kebahagiaan dengan jiwa telah disentuh dalam fasa seterusnya oleh Plato.

## **Plato Dan Kebahagiaan**

Seterusnya, perkembangan falsafah etika memasuki peringkat keempat iaitu era Plato (sarjana dalam Tamadun Islam merujuk Plato sebagai Aflatun). Beliau merupakan anak murid Socrates yang terkenal dan mewarisi pemikiran Socrates. Beliau telah membuka sebuah institusi pendidikan yang bernama Akademi bagi menyebarkan pemikiran dan teorinya serta mengembangkan pemikiran Socrates (Nasir, 2010). Konsep etika Plato juga lebih terarah kepada eudaimonia, iaitu bagaimana cara untuk mendapatkan kebaikan/ fadilah yang tertinggi dalam kehidupan

manusia, dalam erti kata lain kedudukan yang manakah bagi seseorang mencapai kebahagiaan (Mahmud, 1992). Plato juga menyebutkan mengenai eudaimonia di dalam karyanya iaitu *Philibus*, kebahagiaan merupakan kebaikan/ fadilah yang tertinggi. Perkara yang berkaitan eudaimonia menurut beliau ialah intelektualisme dan hedonisme. Merujuk kepada intelektualisme, pengetahuan merupakan kebahagiaan. Manakala menurut hedonisme ialah keseronokan merupakan kebahagiaan. Keduanya dapat difahami dalam konteks eudaimonia sebagai komponen yang dapat memberi kehidupan yang bahagia, oleh yang demikian itu pengetahuan dan keseronokan merupakan kebaikan/ fadilah. Namun menurut beliau, seorang yang ingin kekal dalam keadaan hedonistik iaitu selalu merasa keseronokan yang berpanjangan, perlulah mempunyai rasa keseronokan yang maksimum, maka seseorang itu akan digelar sebagai eudaimonestatos. Walau bagaimanapun, Plato hanya menyebutkan sebanyak tiga kali eudaimon di dalam *Philebus* (Aufderheide, 2011).

Menurut Plato, kebahagiaan dan kebaikan/ fadilah adalah sama iaitu kedua-dua komponen tersebut terhasil daripada keseimbangan yang harmoni terhadap tiga bahagian jiwa (*soul*) manusia (Marar, 2003). Plato membahagikan jiwa kepada tiga bahagian di dalam Republicnya iaitu nalaran (*reason*), semangat (*spirit*) dan keinginan (*appetite*). Beliau menyatakan seseorang yang dapat bersikap adil adalah hasil dari tiga bahagian tersebut yang di dalam jiwanya dapat memenuhi fungsinya dengan baik (Copleston, 1950). Nalaran menjadikan pengetahuan sebagai matlamat manusia yang utama. Manakala semangat manusia mewakili cita-cita dan matlamat hidup manusia sebagai jalan yang utama. Kemudian keghairahan manusia mencari kekayaan mewakili keinginan atau hawa nafsu hanyalah untuk kepuasan diri dan keseronokan (Wiener, 1973). Justeru seseorang yang mempunyai sifat adil dan jiwanya berfungsi dengan baik maka sebenarnya seseorang itu sudah mencapai kehidupan yang baik dan bahagia tidak seperti orang lain. Ini adalah ukuran menurut Plato iaitu keadilan dan kebahagiaan mempunyai hubungan antara satu sama lain.

Teori Socrates mengenai kebahagiaan menekankan pengetahuan, berbeza dengan Plato yang mengaitkan kebahagiaan

dengan keadilan. Prinsip kebahagiaan Plato seperti yang ditulis dalam *Republic* adalah perlunya sebuah bandar menekankan ciri kebahagiaan sejagat dan menyeluruh kepada penduduknya, maka kebahagiaan dapat tercapai iaitu dengan menekankan prinsip keadilan. Tambah Plato, keadilan adalah berkaitan kebahagiaan seperti mana yang telah disebutkan merupakan satu komponen yang diinginkan oleh semua manusia dan merupakan salah satu komponen untuk manusia hidup bahagia. Plato menekankan bahawa keadilan dan kebaikan/ fadilah moral lebih berfaedah dan banyak membantu seseorang itu dalam usaha mencapai kebahagiaan. Menurut Plato lagi, tanpa kedua-dua usaha tersebut manusia tidak akan bahagia (Wiener, 1973). Maka tidak hairan apabila Plato menekankan konsep keadilan kerana beliau menekankan konsep hidup bernegara dan bermasyarakat di dalam *Republic* dan akhirnya konsep keadilan sejagat dapat memberi kepuasan dan kebahagiaan kepada setiap individu dalam sesuatu masyarakat.

Walaupun bagaimanapun, pada pandangan pengkaji, kelemahan bagi teori Plato ialah beliau memberi dua pilihan bagi mencapai kebahagiaan iaitu intelektualisme dan hedonisme. Namun beliau tidak membincangkan sama ada intelektualisme atau hedonisme yang sepatutnya menjadi pilihan mencapai kebahagiaan. Walaupun kebahagiaan ada hubungannya dengan intelektualisme, namun Plato tidak mengaitkannya dengan perbincangan akal seperti yang dibincangkan oleh Aristoteles. Dalam hal ini, sepatutnya manusia perlu mencapai kebahagiaan dengan mengambil kira faktor intelektualisme atau pengetahuan sebagai kebahagiaan yang utama. Namun tidak semua manusia mempunyai asas pengetahuan yang sama. Ini kerana tidak semestinya orang tidak berpengetahuan tidak boleh mencapai kebahagiaan. Tambahan lagi, Plato terlalu mementingkan aspek keadilan dalam kehidupan bernegara. Hakikatnya jika sesebuah negara gagal menekankan dan menjalankan konsep keadilan sejagat, persoalan yang timbul adalah adakah negara tersebut gagal memberi kepuasan dan kebahagiaan kepada setiap individu dan sebaliknya.

## Aristoteles Dan Kebahagiaan

Perkembangan falsafah etika khususnya perbincangan mengenai kebahagiaan memasuki fasa seterusnya iaitu era Aristoteles. Perbincangan pada ketika ini boleh dikatakan sebagai kemuncak dan pelengkap bagi perbincangan kebahagiaan Yunani klasik. Ini kerana Aristoteles merupakan seorang ahli falsafah Yunani klasik yang membincangkan mengenai kebahagiaan secara lengkap dan sistematik. Perbincangan kebahagiaan merupakan perbincangan falsafah etika oleh beliau yang dibahaskan dalam tulisan iaitu *Nicomachean* dan *Eudemian* (Sunawari, 2008). Eudaimonia merupakan konsep yang dibincangkan secara khusus oleh Aristoteles merujuk kepada konsep kebahagiaan.

Perbincangan eudaimonia dimulakan dengan persoalan iaitu apakah tujuan akhir dan kebaikan/ fadilah tertinggi bagi manusia. Menurut pemikiran Aristoteles, semua manusia bersetuju kebaikan/ fadilah tertinggi bagi manusia merupakan kebahagiaan. Justeru secara umumnya bagi Aristoteles matlamat dan tujuan hidup setiap manusia ialah untuk mencapai eudaimonia, beliau menyebut kebahagiaan adalah sesuatu yang muktamad dan mandiri, dan kebahagiaan sebagai matlamat akhir tindakan seperti yang disebut di dalam *Nicomachean* menerusi kerangka kebahagiaan adalah sesuatu yang muktamad, merupakan akhir bagi setiap tindakan. (Aristotle, 1962). Berbeza dengan Plato yang tidak membincangkan apakah tujuan akhir manusia seperti Aristoteles, Plato hanya mengaitkan kebahagiaan sebagai kebaikan tertinggi serta menekankan keseronokan dan keadilan seperti yang dibincang sebelum ini.

Aristoteles menyatakan tiada sesiapa yang memilih nilai kebahagiaan untuk mencari tujuan-tujuan utama seperti kemegahan dan kemuliaan, tetapi tujuan-tujuan utama tersebut dicapai oleh manusia kerana untuk mencapai kebahagiaan seperti yang disebut dalam *Nicomachean*: Tiada siapa yang memilih kebahagiaan demi keseronokan dan kehormatan. Ini merupakan respon Aristoteles terhadap kenyataan (reality) ramai manusia yang mencari kemegahan dan kemuliaan demi kebahagiaan. Aristoteles juga menyatakan bahawa setiap kebaikan/ fadilah moral merupakan



tujuan utama dan terakhir dalam setiap perbuatan kita dan bukan kebahagiaan sahaja sebagai tujuan utama (Aristotle, 1962). Tidak dinafikan segelintir ahli falsafah etika yang berpendapat Aristoteles telah menegaskan bahawa semua perbuatan kita sama ada dilakukan secara sukarela atau sengaja mempunyai satu, dan hanya satu tujuan sahaja iaitu tujuan utama.

Menurut Aristoteles, kebahagiaan juga dapat dicapai apabila manusia dapat menjalankan fungsi khasnya dengan baik untuk mencapai sesuatu tujuan. Selagi manusia tidak menjalankan fungsi khasnya dengan baik, selagi itu manusia tidak mencapai kebahagiaan. (Aristotle, 1962). Sebagai contoh, tujuan terakhir bagi seorang penari adalah menari dengan baik dengan menjalankan fungsi khasnya, sama juga dengan seorang pemain muzik dapat bermain muzik dengan baik dan tukang kasut dapat membuat kasut dengan baik. Justeru jika manusia menjalankan fungsi khasnya sebagai manusia dengan baik, maka manusia tersebut dapat mencapai tujuan terakhirnya iaitu kebahagiaan. Namun apakah fungsi khas yang berkait rapat dan menggerakkan semua perlakuan manusia tersebut? Fungsi khas tersebut adalah akal (akal). Akal ialah keunggulan bagi manusia berbanding makhluk lain, dalam erti kata lain manusia mencapai kebahagiaan dengan menjalankan kegiatan rasionalnya iaitu akal secara paling baik (Bertans, 2003). Justeru, untuk mencapai *eudaimonia*, seseorang mestilah dapat memenuhi fungsinya secara sempurna, iaitu merujuk kepada keupayaan akal untuk berfikir dan berhujah. Tidak seperti ahli fasafah sebelum Aristoteles seperti Socrates dan Plato, mereka tidak menyentuh aspek akal sebagai komponen kebahagiaan.

Seterusnya, manusia mencapai kebahagiaan dengan menjalankan kegiatan aqalnya dengan secara paling baik kerana sememangnya manusia dikurniakan akal untuk melakukan sesuatu perbuatan. Beliau menyebut manusia dicipta untuk berfikir dan dengan menggunakan akal dengan menyempurnakan keupayaan tersebut, manusia dapat mencapai kebahagiaan. Menurut Aristoteles, proses akal penting untuk mencapai kebahagiaan. Akal digerakkan oleh dua keutamaan iaitu keutamaan intelektual dan keutamaan moral. Keutamaan intelektual menyempurnakan akal, manakala keutamaan moral, akal menjalankan pilihan yang perlu

dalam kehidupan seharian. Aqal yang rasional dilihat menentukan jalan tengah di antara dua ekstrem yang bertentangan. (Açikgenç, 2008). Dua ekstrem bertentangan ini bermaksud dua keadaan yang bersifat pro dan kontra, suatu keadaan yang bersifat kurang dan terlalu banyak atau berlebihan. Namun Aristoteles tidak membincangkan bagaimana untuk membentuk aqal yang rasional dalam memilih jalan tengah yang membentuk pertengahan. Dalam hal ini, pada pandangan pengkaji, aqal rasional sudah tentu tidak ada pada kanak-kanak kerana belum mencapai dan melalui proses tertentu dan kematangan. Lantaran itu, bagaimanakah kanak-kanak dapat mencapai jalan pertengahan sebagaimana yang dibincangkan Aristoteles?

Menurut Aristoteles, dua ekstrem bertentangan ini bermaksud dua keadaan yang bersifat pro dan kontra, suatu keadaan yang bersifat kurang dan satu sifat terlalu banyak atau berlebihan. (Açikgenç 2008) Sebagai contoh keberanian merupakan salah satu contoh jalan tengah antara ketakutan, yang mewakili sifat kekurangan, manakala tekad dan membabi buta, mewakili sifat berlebihan. Namun, ada sesetengah kebaikan/fadilah yang diamal dalam sesetengah ajaran agama seperti ajaran Islam kelihatan bertentangan dengan dua sifat yang bertentangan Aristoteles seperti amalan berpuasa dengan tidak makan dan berpuasa yang mewakili kekurangan sebagai salah satu keadaan yang dianggap tidak baik. Melalui kaedah perubatan, umum mengetahui berpuasa menurut aturannya yang betul merupakan salah satu cara untuk menyihatkan tubuh badan. Malah dalam Islam menjelaskan berpuasa merupakan salah satu cara untuk membersihkan rohani dan jiwa serta membebaskan tubuh dari penyakit. Bagaimanapun, menuntut ilmu dan beribadat tidak termasuk dalam tuntutan pertengahan ini kerana ia tanggungjawab penuh kepada Tuhan dan manfaat manusia sepanjang zaman. Ertinya, seseorang tidak boleh secara ekstrim atau berlebih-lebihan dalam urusan keduniaan atau urusan kehidupan, kecuali terhadap Tuhan. Bahkan, sifat melebihi-lebih atau ekstrim tidak memberikan kebahagiaan dalam hidup, baik ia berupa niat, perasaan, pengumpulan harta benda, mencari kepopularan, nama mahupun pangkat (Ismail, 2016).

## **Kebahagiaan Pasca-Aristoteles**

Perbincangan kebahagiaan pasca-Aristoteles bermula dengan kejatuhan dominasi budaya dan politik Athens dalam tamadun Yunani klasik disebabkan wabak penyakit dan peperangan yang berlaku antara Athens dan Sparta. Zaman kegemilangan kawasan ketamadunan Yunani klasik dan Athens berakhir apabila ditawan oleh Philip dari Macedonia, iaitu bapa kepada Iskandar Agung, pada tahun 327 S.M. (Kenny, 2006). Walaupun negara kota Yunani klasik seperti Athens dan Sparta mengalami kejatuhan politik dan budaya, Iskandar Agung berjaya menghidupkan kembali dominasi kebudayaan Yunani di seluruh kawasan jajahan takluknya seperti di Asia dan Afrika sehingga zaman tersebut dipanggil sebagai zaman kebudayaan keyunanian (*Hellenistic*). Terma *Hellenistic* bermaksud 'seperti Yunani' kerana masyarakat bukan Yunani menerima budaya Yunani dalam bahasa, seni dan falsafah. Selepas Aristoteles tidak ada tokoh falsafah Yunani yang berpengaruh dan meninggalkan kesan yang mendalam kecuali beberapa aliran yang timbul seperti Cynosisme, Epicureanisme dan Stoikisme (Russel, 1989). Pada era juga ini memperlihatkan perpindahan pemikiran falsafah dari teoretikal kepada praktikal. Falsafah semakin lama semakin menjadi suatu seni hidup. Terdapat beberapa aliran yang timbul yang berbincang dan berusaha menentukan cita-cita dan hala tuju manusia.

## **Cynosisme Dan Kebahagiaan**

Antisthenes yang hidup dalam tahun 445-360 S.M dan Diogenes dari Sinope yang hidup dalam tahun 400-325 S.M merupakan tokoh utama dalam Cynosisme (*Cynicism*). Nama Cynos di ambil dari perkataan Cynosarges, satu tempat di mana Antisthenes mengajar falsafahnya (Branham, 1996). Pemahaman golongan Cynosis terhadap penafsiran kebahagiaan direkodkan sebagai antara pemahaman yang ekstrem dan keras. Antisthenes pernah menjadi murid Socrates dan pengagum beliau, dan Antisthenes sangat tertarik dengan kefakiran hidup Socrates (Borchert, 2006). Golongan Cynosis menafsirkan kebahagiaan dari penafsiran yang agak ketat,

ini dapat dilihat daripada pernyataan mereka iaitu keseronokan merupakan satu kejahatan. Cynosis tidak mengidentitikan kebahagiaan sebagai keseronokan (Sayre, 1945). Manusia, menurut Cynosis, sepatutnya menahan kehendak diri dan kemahuan. Manusia juga haruslah mencari sifat baik kerana ianya adalah sifat terpuji yang tertinggi. Bagi Cynosis, kebahagiaan hanya dapat dicapai melalui perbuatan baik. Justeru, bukan itu sahaja pandangan Cynosis, malah mereka berpandangan bahawa manusia mestilah bebas dari perbuatan negatif yang dicirikan oleh mereka iaitu bebas dari kehendak, kemahuan, keinginan, kepentingan diri dan kejayaan peribadi, kebendaan yang menyenangkan dan hubungan dengan masyarakat (Bellioti, 2004). Ciri-ciri ini menyerlahkan Cynosis sebagai satu golongan yang mendekati nilai zuhud atau asetisisme yang keras dalam cara hidup bagi mencapai kebahagiaan.

Golongan Cynosis menegaskan bahawa kebahagiaan yang sebenarnya tidak terdapat dalam kelebihan atau kemewahan luaran, seperti kemewahan kebendaan, kuasa politik atau kesihatan yang baik. Kekayaan merupakan sumber ketakutan dan boleh menghilangkan kebahagiaan (Desmond, 2008). Kebahagiaan yang sebenarnya terletak kepada ketidakbergantungan kita pada benda yang tidak kekal itu. Oleh sebab kebahagiaan tidak bergantung pada manfaat kebendaan seperti itu, maka kebahagiaan dapat dicapai oleh semua manusia. Oleh yang demikian, kebahagiaan tidak akan hilang daripada manusia. Golongan Cynosis percaya bahawa manusia tidak perlu bersusah-susah tentang kesihatan mereka. Malah penderitaan dan kematian pun tidak mampu mengganggu golongan ini. Mereka juga tidak perlu berasa sedih kerana memikirkan tentang penderitaan orang lain (Borchert, 2006). Walau bagaimanapun kelemahan golongan Cynosis ialah mereka memandang rendah dan hina kepada orang yang mempunyai kehendak dan keinginan yang murni terhadap harta, sehingga terbit anggapan yang salah seperti tidak terlalu bersusah-payah menjaga kesihatan, walhal kesihatan dan harta sangat penting bagi manusia untuk mengecapi kebahagiaan. Mereka mengamalkan cara hidup yang terlalu ketat atas alasan untuk mencari kebahagiaan memungkinkannya tiada sesiapa yang mampu untuk mengikuti ajaran Cynosisme.

## **Epicurusisme Dan Kebahagiaan**

Aliran ini diasaskan oleh Epicurus dari keluarga pembesar di Athens lahir sekitar tahun 306 S.M. Istilah epicurusisme pada kebiasaannya merujuk kepada mereka yang mencari keseronokan sebagai cara hidup. Tidak dinafikan bahawa Epicurus yang memperkenalkan konsep kebahagiaan dalam keseronokan sebagai fitrah dan tujuan hidup yang utama (Afridi, 2007). Epicurus meletakkan falsafah sebagai etika dan meletakkan tujuan falsafah ialah supaya dapat memandu manusia mencapai kebahagiaan hidup. Bagi membolehkan mencapai kebahagiaan, seseorang itu mestilah membuang segala jenis kerisauan dan rasa takut lebih-lebih lagi takut dengan kematian Menurut Epicurus, manusia sangat takutkan kematian dan oleh sebab itu, manusia berusaha untuk mencari kekayaan dan kuasa supaya dapat melengahkan waktu kematian (Kenny, 2006). Rasa takutkan kematian sememangnya menjadi lumrah manusia kerana takut perbuatan tidak baik yang telah dilakukan semasa hidup akan dibalas dan takut untuk merasai kesakitan ketika menghadapi kematian.

Perbincangan kebahagiaan Epicurus bertunjangkan Keseronokan kerana bagi Epicurus keseronokan ialah permulaan dan pengakhiran bagi kehidupan yang bahagia. Namun, keseronokan yang dinikmati mestilah didahului dengan kepuasan terhadap segala keinginan (DeWitt, 1964). Pada pandangan pengkaji, semua keinginan perlulah dipenuhi terlebih dahulu barulah mendatangkan rasa keseronokan. Keseronokan menurut Epicurus adalah keseronokan yang dinikmati dengan tidak melampaui batas dan keseronokan hidup merupakan nilai paling tinggi. Hakikatnya tidak semua keinginan manusia dapat dipenuhi kerana semua keadaan setiap manusia berbeza-beza.

Mencari keseronokan hidup tidak bererti memiliki dan menikmati kekayaan dunia sebanyak-banyaknya tanpa menghiraukan orang lain. Oleh sebab itu, tiada kesan kesusahan atau kesakitan selepas menikmati keseronokan. Sebagai contoh, seseorang yang meminum arak hanya dengan sedikit sahaja, seseorang yang menikmati muzik tanpa mengganggu perasaannya dan seseorang yang menikmati makanan tanpa berlebihan. Justeru

Epicurus menganjurkan suatu pola hidup berpada-pada (sederhana) iaitu keseronokan dan kepuasan dilihat haruslah dibataskan dan dapat menghasilkan keseronokan yang tertinggi. Menurut beliau, pola berpada-pada yang dapat memberi keseronokan adalah seperti persahabatan. (Graham, 2004). Secara tidak langsung, teori Epicurus telah melahirkan satu aliran falsafah etika iaitu hedonisme di atas teorinya tersebut yang meletakkan keutamaan pada keseronokan. Epicurus mengajar konsep kebahagiaan sebagai matlamat utama dengan mencapai kebahagiaan individu sebagai matlamat dan harus dicari. Namun Epicurus tidak memberikan cara bagaimana untuk mengawal keseronokan tersebut, kerana keseronokan boleh menyebabkan seseorang melampaui batas. Justeru wujud kelemahan dalam teori Epicurus.

### **Stoisisme Dan Kebahagiaan**

Pengasas kepada aliran pemikiran Stois ialah Zeno, anak kepada Mnaseas, yang dilahirkan di bandar Citium, Cyprus. Beliau berminat dengan falsafah Socrates dan mempelajari falsafah dan mempelajarinya di Athens. Pengajaran beliau bermula kira-kira pada tahun 300 S.M di tempat di sebuah anjung yang dipanggil Stoa. Para pengikut Zeno pada awalnya dinamakan sebagai Zenonian, kemudian dikenali dengan Stois sebagai simbolik tempat pengajaran Zeno di Stoa (Stephens, 2007). Sebuah mazhab pemikiran Stois telah diasaskan oleh beliau di Athens selepas sembilan belas tahun kematian Aristoteles dan terus berkembang sebagai sebuah pusat falsafah yang aktif selama kira-kira lima ratus tahun sehingga penghujung abad kedua Masihi. Antara anak muridnya ialah Cleanthes dan Diogenes yang telah memindahkan pusat pemikiran Stoik dari Athens ke Rom (Borchert, 2006).

Golongan Stois bersifat eudaimonis sama seperti golongan terdahulu sebelum mereka seperti Plato, Aristoteles dan aliran yang semasa dengan mereka iaitu Epicurusanisme, Mereka juga mengkaji apakah objektif utama keinginan manusia dalam kehidupan. Seperti Aristoteles yang membincangkan eudaimonia, golongan Stois juga membincangkan teori etikanya mengenai apakah kebahagiaan dan bagaimana untuk mencapai kebahagiaan sebagai *telos* atau tujuan

terakhir. (Long, 1996). *Telos* atau tujuan akhir menurut definisi Zeno seperti yang disebutkan oleh Stobaeus, ialah salah satu situasi hidup secara tekal (konsisten) iaitu hidup secara harmoni (Rist, 1977).

Zeno menyatakan kebahagiaan ialah satu jalan kehidupan yang baik atau hidup dalam sebuah ikatan, segala yang baik menjamin kebahagiaan. Ini dijelaskan lagi oleh Cleanthes, seorang ahli falsafah Stoik dengan teori iaitu kehidupan mestilah seiring dengan fitrah. Dalam tradisi falsafah Yunani klasik disebut sebagai "*Homologoumenos tei phusen zein*" (Gass, 2000). Chrysippus, seorang tokoh falsafah Stoik yang dianggap sebagai pengasas kedua selepas Zeno, mengambil teori tersebut dan menambah bahawa kebahagiaan hidup mengikut pengalaman yang dirasai dan sesuai mengikut fitrah manusia (Harward, 1930). Menurut Stobaeus, tujuan akhir kehidupan menurut Stoik adalah mencapai keadaan bahagia dan kebahagiaan yang diiringi dengan penuh rasa kepuasan. *Telos* juga menurut Zeno mestilah memenuhi fitrah manusia dan fitrah manusialah yang membezakannya dari makhluk lain (White, 1979).

Chrysippus juga menyatakan wujud hubungan antara fadilah/kebaikan dan kejahatan dalam kebahagiaan. Kebaikan/Fadilah yang dilakukan akan menghasilkan kebahagiaan. Kejahatan merupakan intipati kepada rasa tidak bahagia, manakala kebaikan/fadilah merupakan intipati kebahagiaan (Rist, 1977). Berdasarkan kenyataan Chrysippus, apabila kita membuat satu kejahatan atau dikuasai oleh kejahatan, maka kita tidak akan bahagia, dan apabila kita melakukan kebaikan/fadilah maka kita akan mendapat kebahagiaan. Tidak seperti aliran Epicurusanisme yang mengukur keseronokan sebagai kebahagiaan. Menurut golongan Stois, hidup perlu selaras dengan tatacara dan sistem yang sudah menjadi kebiasaan dunia dan jika seseorang hidup sesuai dengan akalunya, maka dia akan mencapai kebahagiaan (Annas, 2007).

Falsafah etika aliran Stois istimewa kerana tokoh-tokoh Stois sama-sama berpendirian secara tetap merujuk kepada maksud kebahagiaan iaitu untuk mencapai kebaikan/fadilah dan kebahagiaan dalam hidup mestilah hidup dalam keadaan

berpandukan semata-mata dengan fitrah tanpa bertentangan dengan fitrah. Asal mula teori ini berpandukan Zeno yang bersandarkan kepada kehidupan yang selaras dengan fitrah. (Gass, 2000). Keselarasan yang dimaksudkan adalah hidup yang tidak bertentangan dengan fitrah manusia dengan tidak menyalahi norma dan etika. Namun menurut Stoics kebahagiaan bukanlah tujuan hidup, kebahagiaan hanyalah akibat dari satu perbuatan semata-mata. Pandangan Stoicisme sangat bertentangan dengan kebanyakan pandangan ahli falsafah Yunani yang lain yang menyatakan kebahagiaan merupakan tujuan akhir hidup manusia. Ahli falsafah Stoikisme tidak menjelaskan secara terperinci apakah yang dimaksudkan dengan frasa ‘semua keadaan yang baik boleh menjamin kebahagiaan’. Boleh jadi kekayaan atau kesihatan suatu kebaikan, namun adakah dengan memiliki harta yang banyak adalah suatu keburukan? Di sini jelas golongan Stoikisme tidak membincangkan kaedah memilih kebaikan secara tuntas.

## **Kesimpulan**

Sistem falsafah etika Yunani klasik mempunyai tapak yang kukuh sejak ribuan tahun lampau merentai sempadan geografi kawasan Yunani sendiri. Perbincangan etika wujud apabila timbulnya persoalan-persoalan kepada masalah penyelesaian tingkah-laku dan tidak-tanduk manusia. Persoalan utama yang menjadi pokok perbincangan dalam setiap aliran etika adalah mengenai tujuan akhir kehidupan manusia. Justeru timbul satu bentuk hidup atau konsep yang disepakati oleh masyarakat Yunani klasik pada masa tersebut dinamakan sebagai eudaimonia. Berbagai tanggapan perbincangan mengenai eudaimonia, namun konsep eudaimonia tidak dapat merungkakan permasalahan apakah yang mahu dicapai di pengakhiran hidup manusia sama ada bahagia, kesenangan, keseronokan atau sebagainya. Tradisi masyarakat Yunani yang membincangkan falsafah mula berubah ke arah perbincangan etika disebabkan perkembangan tamadun dan masyarakat Yunani klasik. Mereka memikirkan bagaimana untuk membentuk manusia yang bersifat baik dan dapat memenuhi kehendak negara dan penting untuk memberi kebahagiaan kepada manusia. Justeru kebaikan dan



kebahagiaan tak dapat dipisahkan, lantas lahirlah pelbagai prinsip kebahagiaan seperti oleh Socrates dan prinsip pengetahuannya yang membawa kepada kebahagiaan, Plato dengan prinsip keadilan dalam negara serta, Epicurus dan teori keseronokan dan sebagainya. Ahli falsafah terkemudian kebanyakannya mengembangkan teori ahli falsafah terdahulu. Apa yang kurang dalam perbincangan kebahagiaan ahli falsafah Yunani ialah hubungan kebahagiaan dengan aspek ketuhanan. Ahli falsafah Islam seperti Ibn Miskawayh dan al-Ghazali telah pun mengaitkan kebahagiaan dengan ketuhanan dalam konsep *al-sa'adah al-quswa* dan *al-sa'adah al-ukhrawiyyah* iaitu kebahagiaan bukan semata-mata dicapai di dunia sahaja, bahkan yang lebih penting adalah kebahagiaan yang ada hubungkait dengan ketuhanan dan kebahagiaan selepas kematian (Ibn Miskawayh, 1977 dan al-Ghazali, 1968). Kajian kebahagiaan dalam ekonomi tidak juga berasaskan pada falsafah kebahagiaan Yunani atau Tamadun Islam tetapi menumpu kepada isu kaitan kebahagiaan individu dengan kepuasan hidup yang dikaitkan dengan pekerjaan, kebajikan dan kekayaan hingga menerbitkan indeks kebahagiaan Domestik Kasar (KbaDK) dan Kebahagiaan Nasional Kasar (KbaNK) (Anielski 2007, Bruni dan Porta 2008).

## Rujukan

- Açikgenç, A. (2008). Aristotelian and Islamic Moral Philosophy A Comparative Ethics. *Al-Shajarah*, 13 (2), 125-146.
- Afridi, M.R.K et. al. (2007). *History of Islamic Philosophy*. New Delhi: Pentagon Press.
- Al-Attar, M. (2010). *Islamic Ethics: Divine Command Theory in Arabo-Islamic Thought*. New York: Routledge.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1968). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Mu'assasah al-Halabi.
- Anielski, M. (2007). *The Economic of Happiness: Building Genuine Wealth*. Canada: New Society Pub.

- Annas, J. (2007). Ethics in Stoic Philosophy. *Phroneses*, 52 (1), 58-87. doi:10.1163/156852807X177968 (12 September 2015)
- Annas, J. (2016). Democritus and Eudaimonism. Dlm. Caston, V. & Graham, D. W. (Pnyut.). *Presocratic Philosophy: Essays in Honour of Alexander Mourelatos* (169-182). New York: Routledge.
- Aristotle. (1962). *Nicomachean Ethics*. terj. Martin Oswald. Indianapolis: Bobbs, Marill.
- Aufderheide, J. (2011). *The Value of Pleasure in Plato's Philebus and Aristotle's Ethics*. Tesis doktor falsafah University of St. Andrew.
- Belliotti, R. A. (2004). *Happiness is Overrated*. Oxford: Rowman & Littlefield Publishers.
- Bertans, K. (2003). *Etika dan Moral untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Borchert, D. M. (ed) (2006). *Encyclopedia of Philosophy* 9. U.S.A: Thomson Gale.
- Branham, R. B. (1996). *The Cynics: The Cynic Movement in Antiquity and Its Legacy*. Berkeley: University of California Press.
- Brehier, E. (1963). *The History of Philosophy: The Hellenic Age*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Bruni, L. & Porta, P.L. (ed.) (2008). *Handbook on the Economics of Happiness*. Edward Elgar Pub.

- Copleston, F. C. (1950). *A History of Philosophy*. London: Search Press.
- Curnow, T. (2008). Were the Sophist Philosopher? Dlm. O'Grady, Patricia (Pnyut.). *The Sophist: an Introduction* (185-193). London: Gerald Duckworth.
- Desmond, W. (2008). *Cynics*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- DeWitt, N. W. (1964). *Epicurus and his Philosophy*. United States of America: University of Minnesota.
- Freeman, K. (1996). *Anchilla to the Pre-Socrates Philosophers: a complete translation of the Fragments in Diels, Fragmente der Vorsokratiker*. Harvard University Press.
- Gass, M. (2000). Eudaimonism and Theology in Stoic Account of Virtue. *Journal of History of Ideas*, 61 (1), 19-37. doi: 10.2307/3654040 (3 Jun 2015).
- Graham, G. (2004). *Eight Theories of Ethics*. London: Routledge.
- Harward, J. (1930). The Early Stoic. *Australasian Journal of Psychology and Philosophy*, 8 (4), 271-289. doi: 10.1080/00048403008541329 (8 Ogos 2015)
- Holowchak, M. A. (2004). *Happiness and Greek Ethical Thought*. London: Continuum.
- Ibn Miskawayh. (1977). *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: Dār Maktabah al-Hayat.
- Irwin, T. (1995). *Plato's Ethics*. New York: Oxford University Press.

- Ismail, H., Hassan, K., & Zakaria, M. N. (2016). Kesederhanaan ke Arah Perpaduan Kaum di Malaysia. *Journal of Techno Social*, 8 (2), 70-84.
- Kenny, A. J. P. (2006). *An Illustrated Brief History of Western Philosoph.* Oxford: Blackwell Publishing.
- Long, A.A. (1996). *Stoic Studies.* Cambridge: Cambridge University Press.
- Mahmud H. Z. (1992). *Muqaddimah fi Ilm al-Akhlaq.* Kaherah: t.p.
- Marar, Z. (2003). *The Happiness Paradox.* London: Reaktion Book.
- Nasir M. O. (2010). *Falsafah Akhlak.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman A. A. (2000). *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur.* Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Rist, J. M. (1977). Zeno and Stoic Consistency. *Phronesis*, 22 (2), 161-174. Diambil dari [https://www.jstor.org/stable/4182012?readnow=1&refreqid=excelsior%3A5be1f62d097ac2cd0218e757d83348ce&seq=1#page\\_scan\\_tab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/4182012?readnow=1&refreqid=excelsior%3A5be1f62d097ac2cd0218e757d83348ce&seq=1#page_scan_tab_contents) (5 Ogos 2015).
- Russel, B. (1989). *A History of Western Philosophy.* London: Unwin Paperbacks.
- Stephens, W. O. (2007). *Stoic Ethics: Epictetus and Happiness as Freedom.* London: Bloomsbury Publishing.
- Stumpf, S. E. (1994). *Philosophy: History and Problems.* New York: McGraw Hill.
- Sunawari A. L. (2008). *Sejarah Falsafah.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syre, F. (1945). Greek Cynicism. *Journal of the History of Ideas* 6 (1), 113-118. doi: 10.2307/2707062 (5 Ogos 2015).

White, N. P. (1979). The Basis of Stoic Ethics. *Harvard Studies in Classical Philology* 83. 143-178. doi: 10.2307/311098 (15 Julai 2015)

Wiener, P. P. (1973). *Dictionary of History of Ideas Studies of Selected Pivotal Ideas* 2. New York: Charles Scribner's Son.

# **PERHIASAN PENDING: ANALISIS PERBANDINGAN REKA BENTUK PENDING MELAYU DAN BABA NYONYA**

Hayati Mohamad Zawawi\*  
Sabzali Musa Kahn  
Raja Suriaty Raja Ahmed

*Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

## ***Abstract***

*Buckle is a cultural object or a cultural product that symbolises the identity of a nation. Many countries in South East Asia such as Malaysia, Indonesia and Thailand use buckle as a personal decorative accessory for their traditional wear. In Malaysia, it is used by the Malays, Baba Nyonyas, Indians and Ibans. We examine the design features of the Malay and Baba Nyonya buckle collection at the Department of Museums Malaysia. This study uses qualitative methods. Seven factors are studied to find similarities and differences in the buckle design of the Malays and the Baba Nyonyas. The result of this analysis shows that there are similarities and differences in the buckle design of the Malays and the Baba Nyonyas. The visible similarity is that both buckle collections have the same basic function and structure. The selection of traditional Chinese motifs such as animals and figures reflect the identity of the Baba Nyonya. The Malay buckle utilises more floral motifs as well as calligraphy motifs, fauna motifs and geometric motifs to design their patterns. The comparative feature found on the design of both collections has highlighted the buckle identity of the Malays and the Baba Nyonyas.*

**Keywords:** *Malay buckle, Baba Nyonya buckle, buckle designs, buckle as an identity of a nation, comparison of Malay buckle and Baba Nyonya buckle.*

### **Abstrak**

Pending merupakan objek budaya kebendaan atau produk budaya yang melambangkan identiti sesebuah bangsa. Kebanyakan negara di Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand menggunakan pending sebagai aksesori perhiasan diri untuk busana tradisi mereka. Di Malaysia, perhiasan diri ini digunakan oleh masyarakat Melayu, Baba Nyonya, India dan Iban. Kami mengkaji ciri perbandingan reka bentuk yang terdapat pada koleksi pending Melayu dan Baba Nyonya di Jabatan Muzium Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Tujuh faktor dikaji untuk mencari persamaan dan perbezaan pada reka bentuk pending Melayu dan Baba Nyonya. Hasil daripada analisis yang dijalankan menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan pada reka bentuk pending Melayu dan Baba Nyonya. Persamaan yang dapat dilihat ialah kedua-dua koleksi pending mempunyai fungsi dan struktur asas yang sama. Perbezaan paling jelas adalah motif yang dipilih sebagai reka corak atau seni hias pada permukaan pending. Pemilihan motif tradisi Cina seperti haiwan dan figura mencerminkan identiti Baba Nyonya. Manakala pending Melayu lebih banyak menggunakan motif berunsurkan flora selain motif kaligrafi, motif fauna dan motif geometri untuk reka coraknya. Ciri perbandingan yang ditemui pada reka bentuk kedua-dua koleksi telah menonjolkan identiti pending Melayu dan Baba Nyonya.

**Kata kunci:** pending Melayu, pending Baba Nyonya, reka bentuk pending, pending sebagai identiti bangsa, perbandingan pending Melayu dengan pending Baba Nyonya.

## Pengenalan

Perhiasan diri dipakai oleh manusia bertujuan untuk mencantikkan fizikal diri mereka. Pemakaian perhiasan diri pada tubuh manusia adalah bersifat sementara (DeMello, 2007). Ini kerana pengayaan perhiasan diri boleh ditukar atau dipelbagaikan bagi memenuhi keperluan dan cita rasa manusia. Penggunaan perhiasan diri dalam sesebuah peradaban dilihat melalui peranannya dalam bidang agama, sosial, penggunaan mengikut jantina dan sebagai identiti bangsa itu sendiri (Cirafelli, 2010). DeMello mengatakan pemakaian perhiasan diri seharusnya mencapai piawaian kecantikan tertentu bagi kebudayaan, agama dan kehendak sosial dalam sesebuah bangsa. Ini menjelaskan kepentingan perhiasan diri dalam membentuk identiti peribadi seseorang individu, sesebuah bangsa dan peradaban.

Masyarakat Melayu dan Baba Nyonya mempunyai perhiasan diri yang melambangkan identiti mereka. Perhiasan diri merupakan salah satu bentuk budaya kebendaan bagi masyarakat Melayu dan Baba Nyonya. Definisi budaya kebendaan oleh Schlereth (dipetik daripada Blandy dan Bolin, 2012) mengatakan bahawa “*material culture is that segment of humankind’s biosocial environment that has been purposely shaped by people accroding to culturally dictated plan* (budaya kebendaan adalah segmen persekitaran biososial manusia yang telah dibentuk secara sengaja oleh manusia mengikut rancangan budaya yang ditetapkan)”. Penyataan ini menjelaskan setiap budaya kebendaan dicipta untuk memenuhi keperluan kebudayaan sesebuah komuniti. Ini selaras dengan penyataan Wahid dan Aziz (2007) yang menyatakan ciri khas budaya kebendaan Melayu dan Baba Nyonya itu dapat dilihat pada perhiasan pending.

Menurut *Kamus Dewan*, pending bermaksud sejenis perhiasan yang diperbuat daripada emas, perak, tembaga, suasa atau kayu yang dipakai di dada atau tali pinggang. Pending asli dihasilkan daripada bengkung atau lipatan kain yang dibentuk sebagai tali pinggang. Manakala penggunaan pending pada tali pinggang atau bengkung itu adalah sebagai kepala tali pingggang. Perhiasan diri ini dikategorikan sebagai perhiasan pinggang yang



digunakan pada tubuh manusia. Pending merupakan alat ‘kepala kain’ dan berfungsi sebagai pengukuh ikatan kain sarung atau sampin (Siti Zainon, 1990).

Sejarah pending yang bermula sejak abad ke-15M dipaparkan dalam Kassim (1988,1997), Yusof (1984) dan Siti Raudhah drk (2016). Pending diraja diperihalkan oleh Sheppard (1972) dan pending sebagai pakaian rasmi untuk semua lapisan masyarakat diperihalkan oleh Wahid dan Aziz (2007). Pending juga dipakai sebagai perisai dan senjata seperti yang diceritakan oleh Nizam (2018). Cara pemakaian pending dihuraikan oleh Siti Zainon (1990) dan Syahrul (2018)

Berbeza dengan reka corak pending Melayu, reka corak pending Baba Nyonya terdapat dalam bentuk simetri dan tidak simetri. Namun secara keseluruhan, reka bentuk pending Baba Nyonya adalah seimbang, tersusun dan mempunyai daya tarikan visual yang menarik.

Mengikut sumber internet, [http://www.peranakan-kl.org/?page\\_id=945](http://www.peranakan-kl.org/?page_id=945), penggunaan cucuk sanggul adalah lebih popular di kalangan Nyonya di Pulau Pinang berbanding pending berikutan terdapatnya pengaruh dari negara jiran iaitu Thailand. Perkara yang menarik perhatian kami ialah tentang adanya pending Nyonya yang diperihal oleh Hanapi dan Ajid (2004), Wahid dan Aziz (2007). Kami mengkaji perbezaan pending Nyonya ini dengan pending orang Melayu.

## **Kaedah Penyelidikan**

Kajian ini menggunakan pendekatan model kajian artifak oleh Fleming (1974) pada koleksi pending Melayu dan Baba Nyonya di Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Menurut Fleming, terdapat lima ciri asas yang perlu diberi fokus untuk menganalisis sesebuah artifak. Lima ciri asas itu ialah sejarah, bahan, binaan atau pembuatan, reka bentuk dan fungsi. Kami mengkaji persamaan dan perbezaan yang terdapat pada reka bentuk pending Melayu dan Baba Nyonya. Hasil analisis daripada kajian perbandingan pada kedua-dua koleksi pending ini akan menjelaskan ciri identiti bagi pending Melayu dan Baba Nyonya.

## **Hasil Kajian: Reka bentuk pending Melayu dan Baba Nyonya**

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan ciri perbezaan dan persamaan reka bentuk yang terdapat pada koleksi pending Melayu dan Baba Nyonya di JMM sahaja. Pengkaji menggunakan kaedah yang bersifat kualitatif sebagai kaedah kajian. Dua bentuk asas kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam penulisan makalah ini ialah kajian kepustakaan dan kajian lapangan di repositori muzium dan galeri-galeri muzium yang terpilih. Selain itu, kaedah pemerhatian dan kaedah dokumentasi turut digunakan untuk pengumpulan data. Kaedah pemerhatian dilakukan terhadap 30 buah pending terpilih yang terdapat di lima lokasi berbeza. Sebanyak 18 buah pending Melayu dan 12 buah pending Baba Nyonya dipilih sebagai sampel untuk kajian ini. Pemilihan sampel berdasarkan kepelbagaian reka bentuk pending dalam kedua-dua koleksi. Ciri perbandingan itu diperincikan seperti di Jadual 1.1 (di Lampiran).

### ***Fungsi***

Fungsi asas pemakaian pending bagi masyarakat Melayu dan Baba Nyonya adalah sama, iaitu untuk mengukuh ikatan kain atau sampin. Namun terdapat perbezaan peranan pending dalam konteks sosiobudaya bagi kedua-dua kaum ini. Pending berperanan sebagai simbol status dan lambang kuasa bagi masyarakat Melayu terutamanya sultan dan kerabat diraja. Pending juga boleh berfungsi sebagai senjata dan alat perlindungan diri. Selain itu, perhiasan diri ini dipakai sebagai aksesori busana tradisi Melayu dan pakaian penari tarian Mak Yong.

Sebagaimana masyarakat Melayu, pending melambangkan simbol status bagi sesebuah keluarga Baba. Kekayaan keluarga Baba dinilai pada koleksi perhiasan diri yang dimiliki. Perhiasan diri ini juga dipakai sebagai aksesori pakaian oleh golongan Baba dan Nyonya. Pending merupakan antara jenis perhiasan diri yang diperturunkan sebagai pusaka oleh golongan Nyonya kepada ahli keluarga mereka. Pending juga menjadi jaminan sekuriti kepada golongan Nyonya dalam kehidupan mereka. Persamaan dan perbezaan yang terdapat pada fungsi pending menunjukkan

kepentingan peranan perhiasan diri ini dalam masyarakat Melayu dan Baba Nyonya.

### ***Bentuk***

Unsur bentuk merupakan perkara yang amat penting dalam unsur seni. Unsur ini turut terdapat pada reka bentuk perhiasan pending. Perhiasan pending mempunyai bentuk yang bersifat tiga dimensi (Rahmah dan Azlin, 2008). Pelbagai jenis bentuk sama ada geometri atau organik boleh ditemui pada rekaan pending. Pending Melayu dan Baba Nyonya mempunyai bentuk asas yang sama, iaitu bujur dan bersifat cembung. Berdasarkan analisis yang dilakukan untuk unsur bentuk pending, pengkaji mendapati koleksi pending Melayu terdiri daripada empat bentuk. Bentuk-bentuk yang digunakan ialah bujur lancip, bujur pepadat, segi empat panjang dan bulat seperti di Rajah 1 (di Lampiran). Manakala Rajah 2 (di Lampiran) menunjukkan pending Baba Nyonya hanya terdapat dalam tiga bentuk sahaja iaitu bujur lancip, bujur pepadat dan segi empat sama.

Bentuk bujur lancip merupakan bentuk organik yang sering ditemui dalam koleksi pending Melayu. Bentuk bujur pepadat, bulat dan segi empat tepat pula merupakan pending Melayu berbentuk geometri yang istimewa dan jarang dihasilkan. Pada pandangan mata kasar, bentuk pending Baba Nyonya kelihatan hampir sama berbanding pending Melayu. Walau bagaimanapun, pengkaji telah menemui perbezaan pada reka bentuk pending bujur lancip Melayu dan Baba Nyonya. Bahagian bucu pada pending bujur lancip Baba Nyonya adalah lebih tumpul dan tidak lancip atau tirus seperti pending Melayu. Perbezaan jenis bentuk menunjukkan pending Melayu mempunyai pelbagai jenis bentuk yang menarik dan lebih bervariasi berbanding bentuk pending Baba Nyonya. Ciri ini dapat memberikan perbezaan identiti bagi bentuk pending Melayu dan Baba Nyonya.

### ***Ukuran***

Pending terdapat dalam pelbagai ukuran. Untuk faktor ukuran, pengkaji mendapati terdapat perbezaan ukuran pada pending Melayu dan Baba Nyonya. Dalam koleksi pending Melayu, pelbagai

saiz pending boleh ditemui. Pending-pending ini dihasilkan untuk kegunaan pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada sultan, kerabat diraja, golongan bangsawan, golongan pertengahan dan golongan bawahan. Artifak koleksi pending Melayu JMM terkecil adalah bersaiz 8 sm panjang dan 5 sm lebar. Pending bersaiz ini digunakan oleh kanak-kanak atau wanita. Manakala saiz artifak pending Melayu terbesar adalah bersaiz 36 sm panjang dan 19 sm lebar. Selain itu, ukuran pending untuk lelaki dan wanita juga adalah berbeza.

Saiz pending menunjukkan identiti pemilik pending. Hal ini diperjelaskan oleh Nirmala (2014) bahawa status dan kedudukan seseorang individu dalam masyarakat dilihat pada saiz dan jenis pending yang dipakai. Pemakaian pending emas dan perak yang bersaiz besar lebih digemari oleh golongan bangsawan. Pemakaian pending ini bertujuan untuk melengkapkan persalinan rasmi mereka. Selain daripada pending emas dan perak yang bersaiz besar, Nirmala (2014, p.102) turut mengatakan “pending yang dipakai oleh sultan dan kerabat diraja bersaiz lebih kecil. Pending lazimnya diperbuat daripada emas atau suasa serta ditatah dengan batu permata seperti batu delima dan zamrud”. Ini menunjukkan sultan, kerabat diraja dan golongan bangsawan lebih bebas dalam menentukan ukuran saiz pending yang diinginkan.

Walau bagaimanapun, pernyataan ini disangkal oleh Raimy (2012) bahawa saiz sesebuah pending tidak boleh diukur sebagai simbol status dan kedudukan seseorang individu. Raimy menjelaskan simbol status dan kedudukan seseorang individu itu dilihat pada kandungan jenis bahan logam yang digunakan pada pending seperti emas atau perak. Ini menunjukkan pemakaian pending berukuran besar adalah lebih kepada aliran fesyen semasa. Secara tidak langsung, ia menjelaskan kehendak dan cita rasa peribadi seseorang individu untuk menonjolkan diri mereka pada masyarakat.

Ukuran koleksi pending Baba Nyonya JMM adalah lebih seragam iaitu tidak melebihi 16 sm panjang dan 12 sm lebar. Ukuran ini terdapat pada pending Baba Nyonya berbentuk bujur lancip, bujur pepat dan segi empat sama. Hasil penemuan ini menyokong pernyataan oleh Ho (2004) iaitu saiz pending Baba Nyonya

kebiasaannya berukuran piawai, iaitu di antara 14 sm panjang dan 11 sm lebar. Ukuran pending untuk golongan Nyonya dan Baba juga adalah dalam saiz yang seragam. Menurut Ho, pending Baba Nyonya tidak dibuat dalam pelbagai saiz seperti pending Melayu. Ukuran pending Baba Nyonya juga tidak melambangkan simbol status dan kedudukan seseorang individu dalam masyarakat Baba Nyonya.

Berdasarkan hasil analisis di atas menunjukkan ukuran merupakan salah satu ciri identiti dalam reka bentuk pending Melayu dan Baba Nyonya. Perbezaan pada ukuran pending menunjukkan tiada ukuran piawai ditetapkan dalam pembuatan pending Melayu berbanding ukuran pending Baba Nyonya yang lebih seragam.

### ***Struktur***

Menurut *Kamus Dewan*, definisi struktur ialah cara sesuatu terbina atau terbentuk daripada pelbagai bahagian, unsur atau aspek hingga menjadi suatu pola, sistem atau bentuk tertentu. Struktur pending merupakan asas reka bentuk bagi sesebuah ciptaan perhiasan pending. Kearifan seseorang pengarya atau tukang logam dalam mereka bentuk sesebuah perhiasan pending dapat dilihat pada struktur pending tersebut. Idea yang terhasil daripada inspirasi alam semula jadi dan daya pengaryaan diolah dengan penggunaan unsur-unsur seni dan prinsip rekaan seni pada struktur pending. Struktur ini juga membantu pengarya atau tukang logam merancang dan menyusun reka corak atau ragam hias pada permukaan pending. Untuk struktur pending, pengkaji memilih dua pending berbentuk bujur lancip daripada koleksi pending Melayu dan Baba Nyonya sebagai perbandingan seperti di Rajah 3 (di Lampiran).

Struktur perhiasan pending Melayu adalah terbahagi kepada lima bahagian, iaitu bahagian bingkai luar, bahagian bingkai dalam, bahagian badan pending, bahagian kepala pending dan bahagian pusat atau mata punca (Khairul drk., 2009). Bahagian mata punca membentuk titik fokus atau titik pumpun secara visual dalam dekorasi perhiasan pending Melayu. Menurut Khairul (2016), bahagian mata punca ini juga secara simbolik memberi petunjuk

tentang status atau identiti si pemakai atau pemilik pending tersebut. Tiga bahagian lain seperti bahagian bingkai dalam, bahagian badan pending dan bahagian kepala pending merupakan komponen yang melengkapkan keseluruhan reka corak pada pending Melayu. Pelbagai motif digunakan sebagai reka corak atau seni hias pada bahagian-bahagian ini. Hal ini diperincikan oleh Syed Ahmad (2006) iaitu motif dan corak disusun mengikut ruang tertentu pada permukaan perhiasan pending. Syed Ahmad menjelaskan ruang-ruang ini dibahagikan oleh garis-garis yang berfungsi sebagai sempadan mengikut bentuk pending.

Struktur pending bujur lancip Baba Nyonya mempunyai persamaan dengan struktur pending Melayu. Merujuk kepada pernyataan oleh Ho (2004), struktur pending Baba Nyonya terdapat dalam tiga bahagian. Penerangan struktur pending Baba Nyonya diperincikan seperti berikut:

*Firstly, there is a small circular panel at the centre enclosing a writhing dragon chasing after the legendary pearl. Secondly, surrounding this central panel is a much larger rosette band incorporating the figures of the eight Taoist immortals, depicted in pairs and arranged on the four cardinal points of the compass. The intervening spaces between these figures are filled with flowers of the four seasons. Thirdly, the rosette band is bounded by the third and outermost band of ogival shape. This outermost band contains a profusion of some very interesting and auspiciously significant motifs executed with realism and precision workmanship. (Ho, 2004, p.96).*

[Terj.: Pertama, terdapat sebuah panel bulatan kecil pada bahagian tengah mengepungi seekor naga yang bergelut mengejar mutiara legenda. Kedua, mengelilingi panel bahagian tengah ini adalah sebuah gelung berbentuk bunga mawar yang lebih besar yang menggabungkan figura lapan keabadian Taoisme, digambarkan secara berpasangan dan

disusun pada empat titik kardinal kompas. Ruang kosong di antara figura-figura ini dipenuhi dengan bunga empat musim. Ketiga, gelung berbentuk bunga mawar ini disempadani oleh gelung ketiga dan paling luar yang berbentuk bujur. Gelung paling luar ini mengandungi banyak motif yang sangat menarik dan amat bererti yang dilaksanakan dengan nyataisme (realisme) dan ketepatan mutu kerja]

Persamaan yang ditemui pada struktur pending Baba Nyonya ialah pending ini mempunyai bahagian mata punca, bahagian kepala pending dan bahagian badan pending. Ini menunjukkan terdapat persamaan dengan struktur pending Melayu. Namun, struktur pending Baba Nyonya tidak mengasingkan bahagian bingkai dalam dan bingkai luar seperti struktur pending Melayu. Bahagian bingkai luar pending Melayu boleh ditemui dalam keadaan bertakuk dan tidak bertakuk atau rata. Untuk pending Baba Nyonya, bahagian bingkai luarnya adalah dalam keadaan bertakuk yang melengkung. Takukan melengkung ini memberikan kesan visual yang lebih lembut pada reka bentuk pending Baba Nyonya. Motif dan corak menghiasi ruang permukaan pada setiap bahagian pada kedua-dua pending. Berdasarkan hasil daripada analisis ini, pending Melayu dan Baba Nyonya mempunyai struktur asas yang sama dalam reka bentuk pending iaitu bahagian mata punca, bahagian kepala pending dan bahagian badan pending.

### ***Bahan yang digunakan***

Pemilihan bahan logam yang sesuai adalah penting dalam pembuatan pending. Setiap jenis bahan yang digunakan memberi pemaknaan tertentu. Sifat yang terdapat pada logam membantu mengekalkan rupa bentuk pending. Berdasarkan analisis yang dilakukan untuk bahan, koleksi pending Melayu menggunakan pelbagai jenis logam seperti emas, suasa, perak dan tembaga. Malah terdapat juga koleksi pending Melayu yang diperbuat daripada kayu. Untuk koleksi pending Baba Nyonya, kebanyakannya dihasilkan daripada logam emas, perak dan tembaga. Walau bagaimanapun,

bahan kayu tidak digunakan dalam pembuatan pending Baba Nyonya.

Penggunaan logam tertentu dalam pembuatan pending dikaitkan dengan simbol status dan kedudukan seseorang individu (Nirmala, 2014; Raimy, 2012; Ho, 2004; Sheppard, 1972). Identiti seseorang individu ini dapat diketahui pada jenis logam yang digunakan. Logam emas dan suasa seringkali dikaitkan dengan sultan, kerabat diraja dan golongan bangsawan. Kandungan logam seperti emas dan perak menentukan status dan kedudukan pemilik pending dalam masyarakat (Raimy, 2012). Manakala logam perak, tembaga dan kayu pula untuk golongan pertengahan dan bawahan. Bagi keluarga Baba yang kaya dan berkedudukan tinggi, logam emas menjadi pilihan utama dalam tempahan pending. Simbol status sesebuah keluarga Baba Nyonya kebiasaannya boleh dilihat pada perhiasan pending emas yang dihasilkan (Ho, 2004). Manakala logam perak dan tembaga menjadi pilihan keluarga Baba daripada golongan pertengahan dan bawahan.

Hasil daripada analisis ini menunjukkan penggunaan jenis bahan dalam koleksi pending Melayu adalah lebih bervariasi berbanding pending Baba Nyonya. Bahan yang digunakan dalam pending mencerminkan simbol status pemiliknya. Pemilihan jenis logam yang tepat adalah penting untuk mengekalkan bentuk perhiasan diri ini. Bahan kayu tidak digunakan dalam pembuatan pending Baba Nyonya kerana bahan ini bersifat organik dan tidak mempunyai nilai yang tinggi seperti logam emas dan perak. Oleh itu, persamaan yang terdapat pada pemilihan jenis logam dalam pembuatan koleksi perhiasan pending Melayu dan Baba Nyonya ini menunjukkan identiti, cita rasa dan simbol status seseorang individu.

### ***Motif***

Dalam aspek rekaan, unsur paling asas dibentuk dengan motif. Identiti sesebuah pending dapat diketahui berdasarkan motif yang membentuk corak pada permukaan pending. Menurut Rahmah dan Azlin (2008), identiti seseorang pengarya seni atau tukang logam dapat dilihat pada motif yang dihasilkan. Motif merupakan ciri



terpenting untuk mengenal pasti perbezaan yang terdapat pada koleksi pending Melayu dan Baba Nyonya. Rajah 4 (di Lampiran) menunjukkan jenis-jenis motif yang terdapat pada pending Melayu. Koleksi pending Melayu mempunyai lebih banyak reka corak berunsurkan motif flora. Motif berunsur flora digunakan sebagai motif utama dan motif sampingan untuk seni hias pending Melayu. Hal ini bertepatan bahawa motif flora lebih sinonim dengan seni kraf Melayu manakala motif haiwan dan figura sinonim dengan identiti Baba Nyonya (Siti Raudhah drk., 2016; Wahid dan Aziz, 2007; *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1998).

Penggunaan motif kosmos, fauna dan geometri dilihat tidak begitu popular pada artifak seni kraf ini. Motif kaligrafi digunakan sebagai seni hias bagi pending yang dicipta sebagai tangkal atau azimat (Azlin dan Hafizah, 2009). Motif ini dijadikan sebagai motif utama pada bahagian mata punca untuk pending bercutam atau pending jadam. Walau bagaimanapun, pemilihan motif fauna sebagai motif utama tidak ditemui dalam koleksi pending Melayu. Hanya motif sisik ikan kelah digunakan sebagai corak pada bahagian bingkai luar pending. Motif fauna yang digunakan juga dibuat dalam bentuk penyamaran tanpa menonjolkan rupa bentuk haiwan yang jelas. Hal ini kerana penggunaan motif berunsur fauna adalah dilarang dalam Islam.

Dalam koleksi pending Baba Nyonya, motif-motif tradisi Cina sering digunakan sebagai reka corak pada Rajah 5 (di Lampiran). Naga, burung jentayu (*phoenix*) dan kuda naga yang bertanduk (*qilin*) merupakan antara haiwan mitos yang kerap dipilih sebagai motif. Selain itu, motif-motif seperti figura, flora, fauna, hidupan laut dan tiga kumpulan lambang simbol dekoratif adalah jenis motif yang sering digunakan. Malah, terdapat juga pending Baba Nyonya yang menggunakan motif berunsur tempatan sebagai reka corak. Motif pada pending Baba Nyonya mempunyai maksud yang tertentu seperti memberi perlambangan berkaitan kehidupan, cerita rakyat serta kepercayaan dalam agama dan budaya (Ho, 2004). Walau bagaimanapun, kajian tentang makna motif-motif pada pending Melayu masih lagi kurang dilakukan. Susunan reka corak daripada motif ini turut menambahkan nilai estetika pada perhiasan pending yang dihasilkan. Oleh itu, ciri perbezaan motif

yang digunakan menunjukkan identiti pending Melayu dan Baba Nyonya.

### ***Teknik pertukangan***

Perhiasan pending merupakan antara perhiasan diri yang mempunyai kepelbagaian teknik pertukangan logam. Gabungan kepelbagaian teknik pertukangan ini dengan cita rasa masyarakat tempatan memberikan hasil yang unik dan menarik pada perhiasan pending. Untuk teknik pertukangan, koleksi pending Melayu dan Baba Nyonya dihasilkan dengan pelbagai teknik pertukangan logam halus. Teknik memahat merupakan teknik asas dan kerap ditemui pada kedua-dua koleksi pending ini (Khairul drk., 2009). Teknik pertukangan lain seperti tebuk tembus, butiran, tampalan (*appliqué*), tataan batu permata, tataan dalam, sepuhan emas, cutam dan ikat pental (*filigree*) turut digunakan. Kepelbagaian teknik pertukangan logam ini memberi kelainan dan menyerlahkan lagi reka bentuk pending Melayu. Untuk pending kayu, kemas cat digunakan untuk melukis motif atau corak pada permukaannya.

Selain teknik memahat, teknik seperti tebuk tembus, tataan batu permata, tampalan (*appliqué*) dan ikat pental (*filigree*) turut digunakan pada koleksi pending Baba Nyonya. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menemui sebarang pending Baba Nyonya yang menggunakan teknik butiran, cutam dan sepuhan. Teknik cutam tidak digunakan pada pending Baba Nyonya memandangkan penggunaan warna hitam tidak digalakkan dalam budaya masyarakat Baba Nyonya (Ho, 2004). Pending Melayu lebih banyak dihasilkan oleh tukang emas tempatan. Namun, terdapat juga pending Melayu yang dihasilkan oleh tukang emas Baba Nyonya. Tukang emas dari Sri Lanka dan China merupakan tukang emas yang diupah untuk menghasilkan barang kemas bagi sesebuah keluarga Baba. Kepelbagaian teknik pertukangan logam menunjukkan terdapat unsur pengaruh pertukangan logam dari negara luar.

Hasil daripada analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati pending Melayu menggunakan lebih banyak teknik pertukangan berbanding pending Baba Nyonya. Teknik pertukangan yang

digunakan juga dapat menonjolkan unsur garisan, warna, ruang, jalinan tampak dan jalinan sentuh pada permukaan pending. Gabungan pelbagai teknik ini mewujudkan daya tarikan visual yang lebih menarik pada reka bentuk pending Melayu berbanding pending Baba Nyonya. Selain itu, kedua-dua koleksi ini juga menunjukkan kemahiran dan kehalusan seni pertukangan logam halus yang tinggi oleh tukang emas dan perak dalam komuniti Melayu dan Baba Nyonya. Oleh itu, persamaan dan perbezaan teknik pertukangan logam yang digunakan pada kedua-dua koleksi menonjolkan identiti pending Melayu dan Baba Nyonya.

## **Kesimpulan**

Perhiasan pending kini lebih dikenali sebagai artifak atau barang lama. Terdapat pelbagai reka bentuk dan jenis pending dihasilkan. Bermula dengan fungsi asas iaitu pengukuh ikatan kain atau sampin, aksesori ini telah diberi keistimewaan setanding dengan perhiasan diri yang lain. Pending secara tidak langsung telah mencipta peranan penting dalam struktur sosial bagi masyarakat Melayu dan Baba Nyonya. Terdapat pelbagai lapisan masyarakat yang menggunakan perhiasan diri ini sebagai kegunaan harian dan upacara istimewa. Secara tidak langsung, pending telah menjadi simbol status, mencerminkan identiti dan jaminan sekuriti bagi si pemakainya.

Berdasarkan huraian di atas menjelaskan ciri persamaan dan perbezaan yang terdapat pada koleksi pending Melayu dan Baba Nyonya di Jabatan Muzium Malaysia. Kedua-dua koleksi ini mempunyai daya tarikan visual yang menarik dan terdapat nilai estetika tersendiri. Pandai seni ukir logam halus Melayu dilihat lebih banyak bereksperimen dalam pembuatan pending Melayu. Daya pengaryaan mereka terserlah pada reka bentuk, motif, teknik pertukangan logam, pemilihan bahan dan dekorasi ragam hias dalam pembuatannya. Reka bentuk pending Baba Nyonya pula tidak mempunyai elemen rekaan yang berlebihan. Rekaan pending dinilai pada kehalusan mutu pertukangan logam dan susun atur reka corak yang baik untuk menghasilkan pending Baba Nyonya yang bermutu tinggi.

Tujuh faktor iaitu fungsi, bentuk, ukuran, bahan, struktur, motif dan teknik pertukangan merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian pada reka bentuk pending Melayu dan Baba Nyonya. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kedua-dua jenis pending mempunyai fungsi dan struktur asas yang sama. Ini menunjukkan asas rekaan yang sama digunakan pada reka bentuk pending Melayu dan Baba Nyonya. Koleksi pending Melayu juga lebih bervariasi. Variasi pending Melayu dapat dilihat pada bentuk, bahan, ukuran, motif dan teknik pertukangan logam yang digunakan. Manakala koleksi pending Baba Nyonya pula adalah minimal dari segi bentuk, ukuran, bahan dan teknik pertukangan. Walau bagaimanapun, rekaan pending Baba Nyonya kelihatan canggih dari segi seni visual dan mutu pertukangan setanding rekaan pending Melayu.

Ciri kebudayaan Melayu dan Baba Nyonya diolah dengan baik dan penuh berseni dalam reka bentuk pending. Dalam reka bentuk pending, terdapat pelbagai unsur motif yang digunakan. Makna yang simbolik digambarkan pada motif dan reka corak yang bersesuaian. Pending Melayu lebih banyak dihiasi dengan motif berunsur flora. Ini menunjukkan unsur-unsur rekaan yang tidak bercanggah dengan Islam dan kebudayaan Melayu amat dititikberatkan pada reka bentuk pending Melayu. Manakala reka bentuk pending Baba Nyonya lebih cenderung menggunakan motif tradisi Cina sebagai motif utama. Penggunaan motif tradisi Cina jelas menunjukkan identiti Cina masih lagi digunakan oleh masyarakat Baba Nyonya sebagai identiti utama mereka. Oleh itu, ciri persamaan dan perbezaan pada kedua-dua koleksi ini secara tidak langsung menyerlahkan identiti pending Melayu dan Baba Nyonya.

## **Rujukan**

Azlin, N.H. & Hafizah, N.R. (2009). Seni kaligrafi sebagai elemen dekorasi. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kesenian 2009 “Seni dekorasi: Pelestarian dan pembangunan”*, (hlm.

293-316). Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Blandy, D., & Bolin, P. E. (2012). Looking at, engaging more: Approaches for investigating material culture. *Art Education*, 65(4), 40-46. Diambil dari <https://www.jstor.org/stable/23391485> (9 Januari 2018).

Cirafelli, M. (2010). Adornment, identity and authenticity: Ancient jewelry in and out of context. *American Journal of Archaeology Online Museum Review*, 114(1), 1-9. Diambil dari <https://www.ajaonline.org/online-review-museum/368> (4 Januari 2018).

DeMello, M. (2007). *Encyclopedia of body adornment*. Diambil dari <https://www.jstor.org/stable/1180572> (25 September 2018).

*Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu*. (1998). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fleming, E. M. (1974). Artifact study: A proposed model. *Winterthur Portfolio*, 9, 153-173. Diambil dari <https://www.jstor.org/stable/1180572> (25 September 2017).

Hanapi, D. & Ajid, C. A. (2004) Nyonya Melaka: Pelancongan dan transformasi budaya Baba. *Jurnal Melayu*, 1, 115-140. Diambil dari <https://journalarticle.ukm.my/2974/> (19 Disember 2018).

Ho, W. M. (2004). *Straits Chinese silver: A collector's guide*. Singapura: Times Books International.

*Kamus Dewan* (Edisi 4). (2010). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kassim, A. (1997). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa & Pustaka.

- Kassim, M.A. (1988). *Gold jewellery and ornaments: In the collection of Muzium Negara Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Persatuan Muzium Malaysia.
- Khairul, H.N. (2016). *Pending dalam koleksi Muzium Negeri Terengganu: Kajian tentang penghasilan dan estetika motif*. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Khairul, H.N., Yunus, S., Asrul, A.A.H., Asri, A.S., Che Abdul Malek, A., Sazali, M.M.Y., ... Riduan, M.A.M. (2009). *Seni kraf logam - Motif dan teknik*. Rawang, Malaysia: Institut Kraf Negara.
- Nirmala, S. (2014). Perhiasan diri. Dlm. Jawatankuasa Editorial Penerbitan Jabatan Muzium Malaysia, Kamarul Baharin A. Kassim, Asyaari Muhammad, Norwani Md. Nawawi, Rohaya Juli & Abd. Karim A. Bakar (Pnyut.), *Koleksi Muzium Negara: Penerokaan sejarah dan budaya* (hlm. 83-114). Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Muzium Malaysia.
- Nizam, M.b.O. (2018). Temu bual dengan staf Muzium Adat di Muzium Adat, Kota Bharu ini pada 15 Oktober 2018.
- Rahmah, B. & Azlin, N.H. (2008). *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Raimy, C.-R. (2012). Malay silverware. *Arts of Asia magazine*, 42(1).  
Diambil dari [https://www.artofasianet.com/admin/save\\_title.pdf](https://www.artofasianet.com/admin/save_title.pdf) (8 November 2017).
- Sheppard, M. (1972). *Taman Indera: Malay decorative arts and pastimes*. Kuala Lumpur, Malaysia: Oxford University Press.

- Siti Raudhah, E., Arba'iyah A.A. & Muliyadi M. (2016). Pending: A study on form, design and content of Malay ornament. *Proceedings of the Art and Design International Conference (AnDIC 2016)*, 109-116. doi: 10.1007/978-981-13-0487-3\_13 (5 Januari 2019).
- Siti Zainon, I. (1990). *Pakaian Melayu tradisi: Satu analisis transformasi sejak dahulu hingga kini*. (Tesis PhD. tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Syahrul, M.b.A.G. (2018). Temu bual dengan Kurator Kanan Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur ini pada 8 Ogos 2018.
- Syed Ahmad, J. (1992). *Rupa & jiwa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahid, A.J. & Aziz, A.A.R. (2007). Artifak peradaban Melayu dalam koleksi Muzium Seni Asia Universiti Malaya: Usaha mewujudkan inventori budaya. *Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III*, 57-63. Diambil dari <https://eprints.um.edu.my/17103/1/0001.pdf> (31 Oktober 2017).
- Yusof, M.M.N. (1984). *Salasilah Melayu dan Bugis*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

## **Laman Sesawang**

- Persatuan Peranakan Kuala Lumpur-Selangor. (2010). *A Nyonya and her jewellery*. Diambil pada 19 Disember 2018 dari [http://www.peranakan-kl.org/?page\\_id=945](http://www.peranakan-kl.org/?page_id=945).

## LAMPIRAN

### Jadual

#### Jadual 1

#### *Ciri Perbandingan Koleksi Pending Melayu dan Baba Nyonya JMM*

Faktor	Koleksi pending Melayu	Koleksi pending Baba Nyonya
Fungsi	Pengukuh ikatan kain atau sampin, aksesori pakaian, simbol status, lambang kuasa, perlindungan diri dan senjata.	Pengukuh ikatan kain, aksesori pakaian, simbol status, pusaka keluarga dan jaminan sekuriti.
Bentuk	Bujur lancip, bujur pepat, bulat dan segi empat tepat.	Bujur lancip, bujur pepat dan segi empat sama.
Ukuran	Terdapat pelbagai saiz. Tidak mempunyai ukuran yang piawai.	Seragam. Tidak melebihi 16 sm panjang dan 12 sm lebar.
Struktur	Lima bahagian.	Tiga bahagian.
Bahan yang digunakan	Logam emas, suasa, perak, tembaga dan kayu.	Logam emas, perak dan tembaga.



Motif	Motif flora, motif kosmos, geometri, kaligrafi dan fauna.	motif motif motif motif	Motif figura, motif flora, motif fauna, motif hidupan laut dan motif tiga kumpulan lambang simbol dekoratif.
Teknik pertukangan	Memahat, tembuh, tampalan ( <i>appliqué</i> ), butiran, sepukan emas, cutam, tataan batu permata, tataan dalam ( <i>inlay</i> ), pintalan dawai ( <i>filigree</i> ) dan kemas cat.	tebuk tuangan,	Memahat, tembuh, tampalan ( <i>appliqué</i> ), tataan batu permata dan pintalan dawai ( <i>filigree</i> ).

---

*Catatan:* Ciri perbandingan bagi koleksi kedua-dua pending ini terbahagi kepada tujuh faktor iaitu fungsi, bentuk, ukuran, struktur pending, bahan, jenis motif dan teknik pertukangan yang digunakan. Bentuk, ukuran, struktur dan motif merupakan pecahan daripada faktor reka bentuk berdasarkan model kajian artifak oleh Fleming (1974). Faktor sejarah tidak dibincangkan dalam ciri perbandingan ini berikutan kekurangan maklumat dalam katalog koleksi pending.


## Ilustrasi



Rajah 1. *Bentuk-bentuk pending Melayu*  
(Sumber: Unit Sumber Media JMM dan kajian lapangan)



Rajah 2. *Bentuk-bentuk pending Baba Nyonya*  
(Sumber: Kajian lapangan)



Rajah 3. *Ilustrasi perbandingan struktur pending Melayu dan Baba Nyonya*



Rajah 4. *Motif flora, kaligrafi, fauna dan geometri sebagai reka corak pada pending Melayu*  
(Sumber: Kajian lapangan)



Rajah 5. *Motif figura, geometri, fauna dan flora pada pending Baba Nyonya.*  
(Sumber: Unit Sumber Media JMM dan kajian lapangan)

# **KEBERKESANAN PROGRAM KERAJAAN DALAM SEKTOR PELANCONGAN: PENEROKAAN MELALUI REAKSI PENGUSAHA PENGINAPAN KECIL DAN SEDERHANA**

Nor Syuhada Zulkefli\*  
Mastura Jaafar  
Azizan Marzuki

*Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Penang, Malaysia*

## ***Abstract***

*Recognizing the important role played by Small and Medium-sized Enterprises (SMEs) in tourism economic activity, the government has implemented several programs to support the SME sector in tourism industry. Various programs were introduced such as financial assistance, human resource training, marketing, consulting, and infrastructure facilities. However, the impact of government programs on SME growth is still in question. These government programs have been seen to be less effective. Therefore, the purpose of this research is to study the effectiveness of government programs implemented in Perhentian Island through the reaction of those involved in the small and medium-sized accommodation businesses (SMABs). A total of 16 SMABs involved were interviewed. The findings show that all government programs were important for SMABs performance. However, there was still a problem in terms of government program acceptance levels due to weaknessess in the program implementation. The results of this study could be made as a reference for the government to improve the program in assisting the SMABs development.*

---

\* Penulis untuk dihubungi: nor.syuhada78@yahoo.com  
eISSN 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban  
DOI: <https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol12no1.3>

**Keywords:** *Government Support Programs in SME; Small and Medium-sized Accommodation Businesses (SMABs); Survey at Perhentian Island.*

### **Abstrak**

Menyedari peranan penting yang dimainkan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PusKeS) dalam kegiatan ekonomi pelancongan, kerajaan telah melaksanakan beberapa program untuk menyokong sektor PusKeS dalam pelancongan. Pelbagai program telah diperkenalkan seperti bantuan kewangan, latihan sumber manusia, pemasaran, perundingan, dan kemudahan prasarana. Walau bagaimanapun, dampak program kerajaan terhadap pertumbuhan PusKeS masih dipersoalkan. Program kerajaan ini telah dilihat kurang dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji keberkesanan program kerajaan yang telah dilaksanakan di Pulau Perhentian melalui reaksi mereka yang dalam perniagaan penginapan kecil dan sederhana (PenPinKeS). Seramai 16 PenPinKeS yang terlibat telah ditemubual. Penemuan ini menunjukkan bahawa kesemua program kerajaan dilihat penting bagi PenPinKeS. Namun begitu, masih terdapat masalah tahap penerimaan program kerajaan disebabkan oleh kelemahan dalam pelaksanaan program. Hasil kajian ini mampu menjadi rujukan untuk kerajaan menambahbaik program dalam membantu pembangunan PenPinKeS.

**Kata Kunci:** Program Sokongan Kerajaan dalam PusKeS; Perniagaan Penginapan Kecil Dan Sederhana (PenPinKeS); Tinjauan di Pulau Perhentian.

### **Pengenalan**

Dalam mengiktiraf kepentingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PusKeS) kepada ekonomi negara, dua pelaku utama yang terlibat, iaitu 1) mereka yang memerlukan sokongan kerajaan; dan 2) mereka

yang menyediakan program (kerajaan dan institusinya yang menyediakan program) (Blackburn dan Smallbone, 2011; Smallbone drk., 2010). PusKeS memerlukan program sokongan dari institusi kerajaan untuk pembangunan perniagaan mereka. Permintaan yang meluas terhadap industri pelancongan telah merangsang banyak kemunculan penubuhan PusKeS (Lewis-Cameron dan Roberts, 2010). Peningkatan penubuhan PusKeS telah meningkatkan keperluan kepada lebih banyak program kerajaan dan institusi lain yang terlibat untuk menyokong perkembangan sektor ini.

Kerajaan bertindak sebagai pelaku penting dalam menyediakan program untuk membantu PusKeS. Penyelidik di seluruh dunia telah mengakui pandangan ini dan pelbagai program kerajaan dibangunkan untuk meningkatkan daya pengeluaran (produktiviti) dan keperluan PusKeS (Blackburn & Smallbone, 2011; Henrekson dan Stenkula, 2010). Perkara ini juga berlaku di Malaysia, di mana pelbagai program telah diperkukuhkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11), yang dilaksanakan bagi tempoh 2016-2020, iaitu sejajar dengan objektif Pelan Induk PusKeS untuk membantu golongan PusKeS ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Walau bagaimanapun, ketidakcekapan merupakan isu yang sering diperkatakan oleh kebanyakan penyelidik dalam mengkaji keberkesanan program kerajaan (Hoang, 2016; Sambajee dan Dhomon, 2015). Kebanyakan pelaksanaan program kerajaan tidak dilihat dapat memenuhi keperluan sebenar PusKeS. Menurut Sambajee dan Dhomon, (2015); Van-Cauwenberge drk. (2013) dan Klonowski, (2010), kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar kewangan untuk menyokong pelbagai program, namun didapati tiada impak yang signifikan dalam pembangunan PusKeS. Sebaliknya menurut Doh dan Kim, (2014); Zindiye drk. (2012) dan Klonowski, (2010), bilangan PusKeS yang menerima peruntukan program kewangan dan penglibatan mereka dalam program sumber manusia hanya terhad. Di Malaysia, perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Jamaludion dan Yusof, (2017); Aziz drk. (2012); Jaafar drk. (2011). Keadaan ini terjadi apabila program yang

disalurkan melalui beberapa agensi kerajaan atau swasta tidak diuruskan dengan baik dan penguasaan yang kurang cekap.

Menurut Dodds dan Butler (2010); Sambajee dan Dhomon, (2015), pelaksanaan program kerajaan terhadap PusKeS perlu dikaji dengan lebih terperinci berikutan kekurangan kajian yang menfokuskan kepada isu ini. Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan dengan PusKeS dan program kerajaan, namun kajian tersebut tidak dilihat secara mendalam. Sejarar dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan program kerajaan yang telah dilaksanakan di Pulau Perhentian melalui persepsi pengusaha penginapan kecil dan sederhana (PenPinKeS).

Kerajaan telah menyediakan beberapa program dalam membantu kelancaran perniagaan PusKeS (Hoang, 2016; Doh & Kim, 2014; Klonowski, 2010). Morris dan Stevens (2010) dan Cancino drk. (2015) mentakrifkan pelaksanaan program ini sebagai pendekatan yang digunakan oleh kerajaan untuk membantu, meningkatkan, mempromosikan dan menyediakan latihan kepada PusKeS untuk berkembang bagi menyokong agenda kerajaan. Obaji (2014) melihat program kerajaan sebagai salah satu instrumen utama untuk kunci pertumbuhan ekonomi prestasi PusKeS di negara-negara membangun. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (KmenPelSB) telah terlibat secara langsung dalam memberikan pelbagai jenis bantuan program kepada pengusaha kecil untuk membantu mereka mengembangkan perniagaan dalam sektor pelancongan (Aziz drk., 2012). Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), pihak kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang berjumlah RM6.8 bilion untuk meningkatkan dan membangunkan PusKeS (Hung dan Effendi, 2011). Ini diikuti dengan program bantuan yang meliputi sokongan kewangan, bantuan latihan, bantuan pemasaran, bantuan khidmat nasihat dan penyediaan infrastruktur.

Dalam kajian ini, program kerajaan dibahagikan kepada dua jenis iaitu berbentuk 1) kewangan dan 2) bukan kewangan. Program berbentuk kewangan merujuk kepada sokongan kewangan yang disediakan oleh institusi kerajaan dan perbankan untuk PusKeS memulakan perniagaan baru (pinjaman permulaan) atau mengembangkan perniagaan PusKeS. Kebanyakan negara di

seluruh dunia bertanggungjawab menubuhkan pelbagai program kewangan seperti skim jaminan langsung dan tidak langsung, program pinjaman, insentif modal permulaan dan geran pelancongan (Cancino drk., 2015; Doh dan Kim, 2014; Yusoff drk., 2014; Jaafar & Maideen, 2012) untuk membantu PusKeS. Manakala program bukan kewangan pula merujuk kepada program sokongan luaran yang berbentuk latihan, nasihat, pemasaran oleh pihak kerajaan. Persaingan dalam perniagaan dan kurangnya kemahiran dan sumber manusia telah memaksa PusKeS untuk mendapatkan sokongan luaran daripada pihak kerajaan (Zindiye drk., 2012). Oleh itu, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan beberapa program untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan PusKeS, iaitu dari segi program sokongan sumber manusia (latihan), pemasaran, perundingan dan infrastruktur (Sambajee dan Dhomon, 2015; Yusoff drk., 2014; Klonowski, 2010).

Kebanyakan kajian terdahulu sering mengaitkan program kerajaan dengan prestasi perniagaan, sebagai contoh peningkatan hasil jualan (Doh dan Kim, 2014; Zabri drk., 2014), pengurangan kos produk (Doh dan Kim, 2014), peningkatan produktiviti (Doh dan Kim, 2014; Klonowski, 2010), perkembangan perniagaan (Sambajee dan Dhomon, 2015; Zindiye drk., 2012). Selain itu, terdapat juga kajian yang mengkaji masalah atau cabaran yang dihadapi oleh PusKeS dalam mendapatkan program bantuan kerajaan oleh pihak kerajaan dan juga institusi luar (Cancino drk., 2015; Ismail dan Othman, 2014; Yusoff drk., 2014). Antara masalah yang ditimbulkan adalah seperti proses dan prosedur yang rumit (Awang drk., 2015; Ismail dan Othman, 2014), tidak memenuhi syarat permohonan (Doh dan Kim, 2014; Yusoff drk., 2014), kouta permohonan yang terhad (Lynch-Wood dan Williamson, 2013; Obeng dan Blundel, 2015), sikap kakitangan kerajaan (Obeng dan Blundel, 2015; Pitlik dan Kouba, 2015) dan kurang pengetahuan (Sambajee dan Dhomon, 2015). Penemuan dalam kajian terdahulu telah menimbulkan kebimbangan penyelidik mengenai keberkesanan pelaksanaan program kerajaan. Oleh itu, dalam makalah ini, keberkesanan program kerajaan akan dilihat melalui persepsi mereka yang terlibat dalam PenPinKeS.



PenPinKeS adalah sektor penting dalam rantaian bekalan pelancongan di negara maju dan membangun, termasuk Malaysia (Jaafar drk., 2010; Awang drk., 2012). PenPinKeS merupakan perusahaan penginapan bertaraf 2-bintang ke bawah, mempunyai kurang daripada 100 bilik, dan secara aktif diuruskan oleh pengusaha tempatan. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), PenPinKeS telah menyumbang kira-kira 2817 buah perniagaan daripada keseluruhan penubuhan PusKeS di negara ini. Pembangunan PenPinKeS juga semakin berkembang di destinasi pulau dengan tarikan utama mereka, seperti sumber semulajadi, pantai, panorama dan kegiatan marin (Jaafar, 2012; Jaafar dan Maideen, 2012). Malaysia juga terkenal dengan pelancongan pulau dan telah memasuki persaingan antarabangsa. Namun begitu, pelbagai cabaran besar dalam mengendalikan perniagaan di pulau terpaksa dihadapi oleh PenPinKeS disebabkan kekurangan sumber kewangan, perubahan cuaca dan infrastruktur yang terhad (Yusoff, 2011; Yusoff drk., 2014). Oleh itu, pelbagai program disediakan oleh pihak kerajaan kepada pengusaha PenPinKeS. Namun begitu, terdapat sebahagian besar PenPinKeS masih lagi tidak mendapatkan program kerajaan.

Kebanyakan kajian terdahulu menunjukkan persepsi PusKeS adalah sangat penting dalam melihat keberkesanan sesuatu program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan atau agensi luar (Crick dan Lindsay, 2015; Obeng dan Blundel, 2015; Zindiye drk., 2012). Berdasarkan kajian lepas, persepsi PusKeS boleh dilihat dalam dua jenis persepsi, iaitu persepsi positif dan persepsi negatif (Pitlik dan Kouba, 2015). Persepsi positif merujuk kepada golongan PusKeS yang menunjukkan sikap positif terhadap penerimaan program kerajaan dalam perniagaan mereka (Pitlik dan Kouba, 2015). Namun begitu, segelintir penyelidik mendapati PusKeS mempunyai persepsi yang agak negatif terhadap pelaksanaan program kerajaan (Obeng dan Blundel, 2015; Sambajee dan Dhomon, 2015), yang mana tahap penerimaan dan kesan program kerajaan tidak menyeluruh. Terdapat banyak alasan yang dikaji oleh pengkaji terdahulu seperti pengurusan program yang tidak cekap, kekurangan pengetahuan dan kemahiran di kalangan agensi

kerajaan unuk memenuhi keperluan PusKeS (Awang drk., 2015; Zabri dan Lean, 2014; Jaafar dan Maideen, 2012).

Oleh itu, dalam makalah ini, persepsi PenPinKeS dalam pelaksanaan program kerajaan akan diukur menggunakan beberapa tema yang dibentuk berdasarkan kajian lepas, iaitu 1) tahap kesedaran PenPinKeS; 2) tahap pemahaman PusKeS terhadap program yang disediakan; dan 3) kesan program terhadap prestasi PusKeS. Penerokaan yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program kerajaan terhadap pembangunan PenPinKeS.

### ***Tahap Kesedaran PusKeS***

Novelli dan Hellwig (2011) menjelaskan kesedaran PusKeS merupakan tindak balas yang pertama terhadap pelaksanaan program kerajaan yang disediakan untuk pembangunan perniagaan mereka. Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh beberapa sarjana (Johnson, 2015; Brammer drk., 2012; Kureshi drk., 2010), kesedaran pihak PusKeS ini terjadi apabila mereka mempunyai sumber untuk memperolehi maklumat yang tepat dan terlibat secara langsung dalam program kerajaan. Namun begitu, kebanyakan PusKeS di negara membangun tidak menyedari kewujudan program kerajaan yang tersedia untuk membantu mereka (Brammer drk., 2012). Kajian oleh Klonowski (2010) mendapati bahawa hanya 6.5% pengusaha PusKeS (17 daripada 262) terlibat dengan program kerajaan kerana kekurangan sumber dan pengetahuan. Begitu juga, dalam kajian yang dibuktikan oleh Pitlik dan Kouba (2015) mendapati kebanyakan PusKeS tidak menyedari ketersediaan program kerajaan kerana saluran maklumat yang terhad. Manakala, Obeng dan Blundel (2015) mendapati hampir 60.2% PusKeS melaporkan bahawa program kerajaan tidak berkaitan dengan keperluan mereka. Hal ini turut berlaku di Malaysia, terdapat tahap kesedaran yang rendah mengenai program kerajaan kerana tidak mempunyai maklumat yang mencukupi (Jaafar & Maideen, 2012; Yusoff drk., 2012). Penemuan Ini disokong oleh Yusoff drk., (2014), kajian yang mendapati bahawa hanya 10.1% PusKeS sedar perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Oleh itu, dalam

makalah ini, tahap kesedaran diukur bukan sahaja melihat kepada kecukupan sumber maklumat yang diperolehi, tetapi akan diukur menggunakan beberapa aspek yang belum disentuh oleh pengakaji terdahulu seperti tahap penglibatan PenPinKeS dan juga kesedaran dalam kepentingan program kerajaan.

### ***Tahap Pemahaman PusKeS***

Crick dan Lindsay (2015) mendefinisikan pemahaman yang jelas sebagai pengetahuan PusKeS tentang program yang disediakan dan juga bagaimana cara untuk mendapatkan program tersebut. Menurut Crick dan Lindsay (2015), pemahaman PusKeS terhadap program kerajaan perniagaan mereka adalah penting untuk mereka. Kebanyakan PusKeS tidak memahami pengurusan kerajaan dalam menyediakan program kepada mereka, terutamanya dalam memberikan sumber kewangan (Weerasiri dan Zhengang, 2012). Pemahaman yang rendah mengenai prosedur dan proses kerajaan membuat mereka tidak jelas mengenai perkara yang perlu dilakukan untuk memenuhi keperluan perundangan (Obeng & Blundel, 2015; Sambajee dan Dhomun, 2015; Lynch-Wood dan Williamson, 2013). Namun begitu, beberapa penyelidik membuktikan bahawa prosedur dan proses yang ditetapkan oleh kerajaan terlalu rumit dan bermasalah yang menyebabkan PusKeS gagal dalam mendapatkan program kewangan kerajaan (Obeng dan Blundel, 2015; Doh dan Kim, 2014). Begitu juga, beberapa kajian PusKeS di Malaysia melihat isu kewangan sebagai masalah utama PusKeS (Ismail dan Othman, 2014; Yusoff drk., 2014; Zabri dan Lean, 2014). Yusoff drk. (2014) mendapati bahawa 73.57% daripada 333 responden menghadapi masalah dalam memahami proses dan memenuhi prosedur kerajaan untuk mendapatkan bantuan kewangan. Dalam mengukur tahap pemahaman PusKeS terhadap pelaksanaan program kerajaan, kajian terdahulu banyak merujuk kepada proses dan prosedur dalam memohon program kerajaan dan kajian berbentuk empirikal. Oleh itu, dalam makalah ini, tahap pemahaman akan diukur menggunakan dua aspek utama iaitu melihat tahap pemahaman PenPinKeS terhadap tujuan program kerajaan

dilaksanakan dan juga pemahaman PenPinKeS ke atas proses dan prosedur yang ditetapkan.

### ***Kesan program***

Keberkesanan program kerajaan juga diukur berdasarkan kesan program kepada prestasi PusKeS (Klonowski, 2010; Morris dan Stevens, 2010). Terdapat beberapa kajian mendapati program kerajaan telah memberi impak yang ketara ke atas pembangunan PusKeS, termasuklah penyumbang kepada peningkatan jualan, perkhidmatan dan juga kemahiran (Khan, 2015; Thorsten dan Robert, 2014). Menurut Morris dan Stevens (2010), program kerajaan dilihat mempunyai kesan positif terhadap prestasi jualan, akses kepada kewangan dan pertumbuhan. Manakala, di Malaysia, Yusoff dan Yacob (2010) mendapati bahawa program kerajaan mempunyai kesan positif terhadap pembangunan PusKeS dari segi promosi dan pemasaran, penyediaan kemudahan infrastruktur dan juga utility asas. Namun begitu, dalam kajian Yusoff drk. (2014) telah mendapati hasil kajian menunjukkan responden gagal mendapatkan manfaat daripada program kerajaan disebabkan pelbagai masalah dalam pengurusan kerajaan. Oleh itu, dalam makalah ini, kesan program kerajaan akan diukur menggunakan prestasi perniagaan berbentuk kewangan dan bukan kewangan yang lebih menfokuskan kepada sektor pelancongan.

### **Tatakaedah (Metodologi)**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu menerusi kaedah wawancara separa berstruktur secara bersemuka untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam (Silverman, 2007). Hodges (2011) menyatakan bahawa kaedah kualitatif membolehkan para penyelidik mengumpulkan semua butiran kejadian yang membantu penyelidik untuk memahami situasi yang berlaku secara lebih mendalam. Kaedah kualitatif adalah cara terbaik untuk mendapatkan pandangan orang yang terlibat untuk menerangkan pengalaman mereka (Mayring, 2007; Yin, 2011). Oleh itu, satu temu bual mendalam dijalankan terhadap pengusaha PenPinKeS di Pulau

Perhentian. Pulau Perhentian dipilih sebagai kajian kes. Seramai 16 pengusaha (S1-S16) telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Kaedah persampelan bertujuan melibatkan beberapa kriteria, iaitu 1) penginapan berdasarkan penarafan 2-bintang dan ke bawah; 2) mempunyai 100 bilik dan di bawah; dan 3) secara aktif diuruskan oleh pengusaha tempatan. Pemilihan sampel kajian adalah penting untuk memastikan pengusaha dapat memberi data yang paling relevan dan sesuai dengan kajian yang dilakukan (Yin, 2011).

Pengumpulan data dijalankan dari awal bulan April hingga bulan Jun, 2017 di Pulau Perhentian. Tempoh masa ini dipilih kerana ia merupakan tempoh premis beroperasi di luar musim tengkujuh. Setiap temu bual dijalankan mengambil masa selama 60 hingga 90 minit setiap seorang dan direkodkan untuk memastikan setiap kenyataan didokumenkan. Data yang telah ditranskrip, kemudiannya dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan. Data-data ini dibahagikan kepada kod-kod yang bersesuaian dan dikategorikan mengikut tema yang ditetapkan.

### ***Ciri-Ciri Demografi Responden***

Jadual 1 menunjukkan profil demografi dan perniagaan responden. Kajian ini menemubual sejumlah 16 responden di mana 10 responden adalah lelaki dan 6 perempuan. Antara empat subkumpulan umur, kebanyakan pemilik perusahaan ini merupakan golongan pertengahan iaitu lingkungan 36-45 tahun iaitu 50%, manakala golongan kedua dalam lingkungan umur 46 tahun dan ke atas (31.2%). Golongan ketiga adalah dalam lingkungan 26-35 tahun iaitu 18.8%. Dari segi struktur perniagaan, 50 % responden meneruskan operasi perniagaan keluarga, diikuti oleh 31.2% responden yang menjalankan perniagaan mereka sebagai milik sendiri dan hanya 18.8% responden membeli perniagaan mereka dari pemilik sebelumnya.

Peratusan responden yang memulakan perniagaan mereka lebih daripada 15 tahun (56.3%) adalah lebih tinggi daripada responden yang telah beroperasi kurang dari 15 tahun (43.7%). Di samping itu, majoriti pemilikan perusahaan peranginan (resort) di

pulau ini adalah perkongsian keluarga (43.8%), manakala 31.2% PenPinKeS dikendalikan sebagai pemilikan tunggal. Selain itu, terdapat juga, perusahaan resort yang merupakan hasil daripada perkongsian syarikat iaitu 25%. Terdapat dua jenis pemilikan tanah iaitu tanah kepunyaan pengusaha sendiri (56.2%) dan diikuti dengan sewaan tanah perusahaan daripada pengusaha iaitu 43.8%. Kebanyakan responden memulakan perniagaan ini dengan pembiayaan sendiri (43.7%), diikuti dengan pinjaman daripada keluarga dan rakan mereka (31.3%) dan pinjaman daripada kerajaan dan bank perdagangan (25%). Kebanyakan perniagaan ini dimiliki oleh penduduk tempatan dari Terengganu (56.3%) dan 43.7% daripada perniagaan yang dimiliki oleh orang luar dari Terengganu.

Jadual 1

*Profil demografi dan perniagaan responden*

<b>Profil demografi</b>	<b>Bil.responden, n:16/(%)</b>
<b><i>Jantina</i></b>	
Lelaki	10 (62.5%)
Perempuan	6 (37.5%)
<b><i>Umur</i></b>	
<25 Tahun	-
26-35 Tahun	3 (18.8%)
36-45 Tahun	8 (50%)
>46 Tahun	5 (31.2%)
<b><i>Tempoh operasi</i></b>	
<10 Tahun	4 (25%)
11-20 Tahun	8 (50%)
>21 Tahun	4 (25%)
<b><i>Jenis permulaan perniagaan</i></b>	
Bemula sendiri	8 (50%)
Mewarisi perniagaan keluarga	3 (18.8%)

---

Membeli perniagaan daripada orang lain

---

***Jenis pemilikan perniagaan***

Tunggal	5(31.2%)
Perkongsian keluarga	7(43.8%)
Perkongsian syarikat	4(25%)

---

***Pemilikan tanah***

Persendirian	9 (56.2%)
Sewa	7 (43.8%)

---

***Kewangan untuk permulaan perniagaan***

Simpanan sendiri	4 (25%)
Pinjaman kerajaan	5 (31.3%)
Pinjaman keluarga	7 (43.7%)

---

***Penduduk asal Terengganu***

Ya	10 (62.5%)
Tidak	6 (37.5%)

---

## **Hasil Kajian: Reaksi PenPinKeS terhadap Program Kerajaan**

Hasil penemuan melalui kaedah wawancara yang telah dijalankan, terdapat tiga tema utama untuk menerangkan keberkesanan program kerajaan terhadap prestasi PenPinKeS, iaitu: 1) kesedaran PenPinKeS mengenai program kerajaan; 2) pemahaman PenPinKeS; dan 3) kesan program kerajaan terhadap PenPinKeS.

### ***Kesedaran PenPinKeS mengenai Program Kerajaan***

Kesedaran pengusaha merujuk kepada pengetahuan mereka terhadap program yang disediakan oleh agensi kerajaan. Berdasarkan wawancara yang dijalankan, tiga tema telah dikenalpasti, iaitu 1) kecukupan saluran maklumat; 2) penglibatan pengusaha; dan 3) kepentingan program kerajaan.

### *Kecukupan saluran maklumat*

Kesemua pengusaha percaya bahawa maklumat mengenai program kerajaan adalah sudah cukup untuk mereka mengetahui kegiatan dan program kerajaan yang berlaku di Pulau Perhentian. Terdapat tiga saluran maklumat paling penting adalah melalui persatuan pengusaha, agensi kerajaan dan penerokaan sendiri. Responden S3 menjelaskan bahawa "*Setiap pengendali dan penduduk tempatan di pulau ini sedar dan mengetahui garis panduan, perundangan, rancangan kerajaan dan kegiatan / program yang dilaksanakan ...*" Kebanyakan responden dalam kajian ini percaya bahawa mereka mendapat maklumat yang cukup daripada persatuan mereka, iaitu Pengendali Persatuan Pulau Perhentian (*the Association Operator of Perhentian Island*). Sebagai contoh, responden menjelaskan,

*"... Di sini, kami mempunyai persatuan pengusaha yang turut membincangkan dan berkongsi maklumat mengenai program dan bantuan yang disediakan selain berkaitan dengan isu-isu perniagaan yang terdapat di pulau ini...." (S12).*

Penyataan ini dijelaskan melalui Jadual 2 yang menunjukkan bilangan pengusaha yang mengetahui tentang kewujudan program kerajaan.



## Jadual 2

*Jenis Program Kerajaan, bilangan responden yang mengetahui dan menerima.*

Jenis Program	Bil. responden yang mengetahui (N:16) / (%)	Bil. responden yang terlibat/ menerima (N: 16) / (%)
<i>Tourism fund</i>	16 (100%)	5 (31%)
<i>Soft loan schemes for budget accommodation</i>	16 (100%)	3 (19%)
<i>Tax incentive</i>	16 (100%)	7 (44%)
<i>Special Tourism Fund</i>	14 (87.5%)	4 (25%)
<i>TEKUN Funding Scheme</i>	12 (75%)	2 (13%)
<i>Continuous Training Related Educations</i>	16 (100%)	16 (100%)
<i>Tourist guide</i>	16 (100%)	10 (63%)
<i>Hotel Assist On The Go</i>	16 (100%)	5 (31%)
<i>Budget Hotel Efficiency Improvement Course</i>	16 (100%)	9 (56%)
<i>Entrepreneurial Skills of Workforce</i>	16 (100%)	4 (25%)
<i>Tourist Boat Operating Course</i>	16 (100%)	7 (44%)
<i>Consultancy services</i>	16 (100%)	16 (100%)
<i>Beautiful Terengganu Event</i>	16 (100%)	10 (63%)
<i>Marine Park East Coast Event</i>	16 (100%)	9 (56%)

Selain itu, agensi kerajaan juga banyak memberikan maklumat mengenai program kerajaan melalui pelbagai saluran. Responden S1 mendakwa "*Sejak memulakan perniagaan, saya banyak menerima maklumat mengenai bantuan dan program kerajaan melalui e-mail, portal kerajaan, dan lawatan rasmi kerajaan di Pulau Perhentian...*" Namun begitu, terdapat empat responden mendakwa bahawa mereka membuat pencarian sendiri melalui internet dan juga ke pejabat kerajaan sendiri. Dalam kajian ini, persatuan operator merupakan saluran yang aktif dalam

memberikan maklumat kepada responden dan masyarakat setempat berbanding saluran lain.

### *Penglibatan responden*

Hanya sebilangan kecil responden sahaja yang terlibat dalam program kerajaan iaitu 37.5% responden yang aktif dalam program kerajaan. Sebagai contoh, responden S9 menjelaskan,

*"Saya banyak terlibat dengan pihak kerajaan, seperti program kemahiran, menghadiri mesyuarat perundingan dan beberapa acara yang dilancarkan oleh agensi kerajaan...."*

Selain itu, terdapat responden yang terlibat sebagai pelatih dalam program kerajaan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan pengusaha lain. Responden S15 menyatakan bahawa *"Saya sentiasa berurusan dengan mereka untuk beberapa acara dan terlibat sebagai jurulatih untuk memberi motivasi ..."*

Namun begitu, terdapat banyak responden tidak terlibat dalam program kerajaan disebabkan oleh masalah pihak kerajaan. Antaranya termasuklah, 1) kekurangan kemahiran dan pengetahuan dalam kalangan pegawai kerajaan; 2) bayaran yang tidak munasabah; 3) tidak memenuhi permintaan dan keperluan mereka; dan 4) mereka mempunyai latihan sendiri untuk kakitangan mereka. Kebanyakan responden menekankan bahawa program latihan yang disediakan oleh agensi kerajaan tidak sesuai dengan permintaan pasaran dan kehendak mereka. Seperti yang dinyatakan oleh S16, *"Agensi kerajaan tidak sepenuhnya mengetahui tentang kehendak dan operasi perniagaan kami, jadi mereka tidak dapat memberikan latihan yang kami perlukan..."* Selain itu, mereka tidak terlibat dalam program kerajaan kerana terdapat beberapa responden telah menyediakan latihan dalaman untuk kakitangan mereka.

### *Kepentingan program kerajaan*

Program kerajaan merupakan daya penggerak untuk menyokong perniagaan pengendali di Pulau Perhentian. S2 menjelaskan agensi kerajaan secara aktif membantu pengendali tempatan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka melalui program kewangan. Responden menjelaskan,

*"Saya memulakan perniagaan ini pada tahun 1999 dengan mempunyai enam bilik, tetapi sekarang saya mempunyai lebih daripada 40 bilik... Saya memulakan perniagaan ini program pinjaman kerajaan daripada KmenPelSB".*

Namun begitu, terdapat banyak responden menyatakan bahawa kerja keras dan motivasi adalah faktor penting dalam mengembangkan perniagaan ini dan menjelaskan "...anda perlu bekerja keras kerana tidak mudah melakukan perniagaan ini di sini."

### ***Pemahaman PenPinKeS terhadap program kerajaan***

Responden telah ditanya mengenai pemahaman mereka tentang tujuan kerajaan menyediakan beberapa program dan prosedur dan proses yang terlibat untuk memohon program kerajaan, terutama program kewangan. Soalan-soalan yang difokuskan kepada pemahaman responden mengenai, 1) tujuan program kerajaan dan 2) prosedur dan proses yang terlibat

#### *Tujuan program kerajaan*

Pelbagai program kerajaan disediakan untuk membantu sektor PenPinKeS dalam membangun dan mengembangkan perniagaan mereka, termasuklah dari segi sumber kewangan. Walaupun hampir keseluruhan responden menjelaskan program yang disediakan kerajaan adalah niat yang baik untuk menyokong pertumbuhan perniagaan mereka. Namun begitu, terdapat di antara mereka

kecewa dengan tindakan dan pelaksanaan program kerajaan. Responden mendakwa kerajaan tidak mengambil tindakan yang serius untuk melaksanakan program. Sebagai contoh, salah seorang responden (S4) menerangkan, *"Ya.. saya faham tujuan utama program kerajaan ditubuhkan untuk membantu peniaga seperti kami dari segi kewangan, latihan, promosi dan perundingan... tapi"* Tambahan beliau lagi *"... Perlaksanaan dari segi proses dan prosedur untuk memohon program kerajaan tidak seperti tujuan sebenar program ditubuhkan..."* (S4).

### *Prosedur dan proses program*

Terdapat pelbagai prosedur dan proses terlibat dalam memohon bantuan kewangan. Responden mengakui bahawa mereka telah terdedah kepada pelbagai prosedur dan proses seperti yang telah diterangkan oleh S7. Beliau menjelaskan,

*"Untuk memohon program kewangan, terdapat beberapa peringkat, iaitu 1) kita perlu mengisi borang permohonan dan dilampirkan dokumen sokongan, seperti borang pendaftaran perniagaan, laporan kewangan; 2) perlu membayar yuran pemprosesan sebanyak RM200 untuk setiap permohonan pembiayaan; dan 3) dokumen-dokumen ini disokong dan disahkan oleh beberapa jabatan kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan, Jabatan Taman Laut dan KmenPelSB sebelum mengemukakan borang permohonan ini ... "*

Namun begitu, terdapat banyak responden yang masih tidak memahami proses dan prosedur untuk memohon program kewangan. Pelbagai alasan diberikan mengenai mengapa mereka tidak memahami tentang prosedur yang terlibat. Kebanyakan responden (65%) mengatakan bahawa pengurusan kerajaan yang lemah, kekurangan maklumat, dan terlalu banyak prosedur yang terlibat. Salah satu daripada responden (S11) menjelaskan *"Terlalu banyak arahan dan prosedur untuk memohon program kewangan..."*

*tambahan pula, mereka tidak pernah membantu kami untuk memahami prosedur yang terlibat"* Oleh itu, disebabkan ini, kebanyakan responden sukar untuk mengakses dan mendapatkan program kewangan.

### ***Kesan program kerajaan terhadap prestasi PenPinKeS***

Persepsi responden juga menfokuskan kesan program kerajaan yang disediakan untuk pengendali tempatan.

#### *Prestasi perniagaan*

Kesan terhadap prestasi perniagaan telah dikenal pasti kepada dua jenis, iaitu 1) kewangan, 2) bukan kewangan. Hanya enam responden mengaku bahawa agensi kerajaan sangat membantu dalam menyediakan program kewangan bagi pengendali tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka. S7 mengakui bahawa *"Saya telah memulakan perniagaan ini pada tahun 1997 dengan hanya enam bilik dan sekarang saya mempunyai lebih 40 bilik... Saya menerima program pembiayaan daripada dana pelancongan khas dan pinjaman kerajaan untuk memperluaskan perniagaan saya pada tahun 2005."* Bagaimanapun, selebih 63% (10 responden) mendakwa bahawa mereka tidak mendapat manfaat daripada program kewangan yang diberikan oleh agensi kerajaan.

Dari segi kesan program bukan kewangan, program kerajaan tidak dilihat membantu pengusaha PenPinKeS, dari segi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, pemasaran dan promosi, serta pengurusan perniagaan. Sebagai contoh, responden berkata, *"Tidak banyak faedah daripada program kerajaan"* dan beliau menjelaskan lagi bahawa *"Saya tidak terfikir kerajaan memberi impak yang besar dalam perniagaan ini kerana kebanyakan program latihan atau perundingan yang diberikan tidak menepati kehendak semasa."* Beberapa responden juga telah mengaitkan masalah ini dengan kekurangan pengetahuan dan kemahiran agensi kerajaan dalam menyediakan program latihan dan perundingan. Namun begitu, beberapa responden (sembilan responden) menjelaskan program pemasaran kerajaan banyak

membantu dalam meningkatkan imej Pulau Perhentian dan juga bilangan kehadiran pelancong. Sebagai contoh, responden S11 menerangkan,

*“Kerajaan banyak membantu kami dalam mengajurkan kegiatan dan acara untuk menarik pelancong, seperti Tahun Melawat Terengganu 2015, Pesta Pasir Panjang Pulau Perhentian 2016...pada masa itu, terlalu ramai pelancongan yang datang ke pulau ini.”*

## **Perbincangan**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, hasil penemuan menunjukkan kebanyakan PenPinKeS menyedari pelbagai program yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan disebabkan mendapat maklumat yang mencukupi. Penemuan ini telah bertentangan dengan kajian Set (2014) dan Yusoff drk. (2014), di mana kurang daripada 30% responden menyedari program kerajaan disebabkan oleh kekurangan maklumat. Walaupun tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan PenPinKeS di Pulau Perhentian, namun hasil penemuan mendapati bahawa kebanyakan responden tidak terlibat dalam program kerajaan seperti program latihan, pemasaran dan kemahiran. Hal ini kerana program yang disediakan oleh agensi kerajaan adalah tidak memenuhi permintaan dan keperluan pengusaha PenPinKeS, yang juga selaras dengan penemuan kajian penyelidikan di Malaysia (Yusoff drk., 2014; Hashim drk., 2012; Jaafar dan Maiden, 2012).

Majoriti pengusaha PenPinKeS juga mengakui bahawa mereka sangat memahami tujuan sebenar program kerajaan yang disediakan untuk mereka, namun mereka merasakan kecewa dengan pelaksanaan program kerajaan. Pengusaha PenPinKeS merasakan bahawa prosedur dan proses yang terlibat adalah rumit dan tidak sesuai dengan keadaan perniagaan PenPinKeS. Penemuan ini turut ditemui dalam kajian lepas di Malaysia (Jaafar dan Maideen, 2012; Zabri drk., 2014; Yusoff drk., 2014). Awang dan Mustapha (2017) juga mendapati kebanyakan penginapan kecil mempunyai

kesukaran mendapatkan bantuan kewangan daripada agensi kerajaan kerana masalah pengurusan kerajaan, proses yang rumit dan kriteria yang tidak dapat dipenuhi. Selain itu, hampir 64% pengusaha PenPinKeS tidak terlibat kerana program latihan yang disediakan tidak memenuhi kemahiran dan keperluan semasa dalam industri ini. Penemuan ini turut dijumpai dalam kajian Jaafar dan Maideen (2012) iaitu hanya 25% pengusaha PenPinKeS di Pantai Timur terlibat dalam program kerajaan.

Penemuan juga menunjukkan pelaksanaan program kerajaan tidak memberi kesan terhadap prestasi pengusaha PenPinKeS di Pulau Perhentian. Penemuan mendapati bahawa kebanyakan pengusaha PenPinKeS tidak menerima program kewangan daripada agensi kerajaan seperti yang dinyatakan dalam kajian Yusoff drk. (2014); Zabri dan Lean (2014); dan Jaafar dan Maiden (2012). Begitu juga dengan hasil kajian yang menunjukkan bahawa program sumber manusia dan perundingan ini tidak banyak memberikan impak yang ketara dari segi peningkatan kemahiran dan pengetahuan pengusaha PenPinKeS. Namun begitu, kajian menunjukkan program pemasaran kerajaan banyak membantu pengusaha PenPinKeS dalam meningkatkan imej dan kehadiran bilangan pelancong melalui promosi dan kegiatan tahunan kerajaan di Pulau Perhentian. Penemuan ini juga dikaitkan dengan kajian Abas dan Hanafiah (2013) dan Jaafar drk. (2012) juga menyatakan bahawa program pemasaran kerajaan telah membawa kesan kepada peningkatan kualiti infrastruktur, peningkatan bilangan kehadiran pelancong dan juga pertumbuhan kegiatan pelancongan.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, pelaksanaan program kerajaan dilihat tidak berkesan dalam membantu perkembangan PusKeS disebabkan pelbagai masalah dalam pelaksanaan program. Antaranya termasuklah masalah birokrasi, proses dan prosedur yang rumit, pengurusan sumber yang tidak cekap, kurangnya kemahiran dan pengetahuan semasa dalam kalangan pegawai kerajaan, dan program latihan yang tidak memenuhi keperluan semasa. Oleh itu, pelbagai langkah perlu perhatian serius dari kerajaan untuk

memastikan keberkesanan pelaksanaan program kepada PenPinKeS. Perkara yang perlu ditekankan adalah mengkaji semula terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dengan melihat kepada situasi PenPinKeS. Kerajaan juga harus bekerjasama dengan pengusaha PenPinKeS, terutamanya dengan memberi nasihat dan latihan yang dapat memenuhi permintaan dan maklumat terkini yang diperlukan oleh PenPinKeS. Hasil penyelidikan ini juga akan membantu agensi kerajaan meningkatkan pengurusan dan perkhidmatan mereka yang disediakan untuk pengusaha PenPinKeS.

Tambahan pula, peningkatan bilangan ketibaan pelancong yang ketara di Pulau Perhentian memerlukan bantuan program kerajaan untuk memastikan PenPinKeS dapat memenuhi permintaan pelancong. Kejayaan pembangunan PenPinKeS sangat bergantung kepada peranan penting yang dimainkan oleh kerajaan dan pengusaha sendiri. Oleh itu, penambahbaikan perlu dilakukan oleh agensi kerajaan dan pengusaha PenPinKeS untuk meningkatkan industri pelancongan.

## **Penghargaan**

Dapatan ini sebahagian daripada hasil penyelidikan geran GCI (Global Challenge Initiative), Repositioning Malay Heritage Tourism in The Inner City of George Town, Pulau Pinang. [No. Geran: 304/PPBGN/641001].

## **Rujukan**

- Abas, S. A. & Hanafiah, M. H. (2014). Local Community Attitudes towards Tourism Development in Tioman Island. *Tourism, Leisure and Global Change*. Makalah dibentang di *6th Tourism Outlook Conference*, 22-24 April, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Awang, K. W., Aziz, A. Y., & Samdin, Z. (2015). The Growth of Micro, Small and Medium-Sized Hotel Enterprises: The



- Hoteliers' Perspectives. *Journal of Technology Management and Business*, 2(1), 302-317.
- Awang, K. W. & Mustapha, W. (2017). Sustaining The Growth of SME Beach Resorts: A Case Study of Perhentian Island. *Journal of Sustainability Science and Management*, 5, 105-112.
- Aziz, A. Y., Awang, K. W., & Samsudin, Z. (2012). Challenges Faced by Micro, Small, and Medium Lodgings in Kelantan, Malaysia. *International Journal of Economics and Management*, 6(1), 167-190.
- Blackburn, R. & Smallbone, D. (2011). Policy Support for SMEs. *Environmental and Planning C: Government and Policy*, 29, 571-576.
- Cancino, C. A., Bonilla, C. A. & Vergara, M. (2015). The impact of government support programs for the development of businesses in Chile. *Management Decision*, 53(8), 1736-1754.
- Crick, D. & Lindsay, V. (2015). Service and Service-Intensive New Zealand Internationalising SMEs. *Marketing Intelligence dan Planning*, 33(3), 366-393.
- Dodds, R. & Butler, R. (2010). Barriers to implementing the sustainable tourism policy in mass tourism destinations. *An International Multidisciplinary Journal Of Tourism*, 5(1), 35-53.
- Doh, S. & Kim, B. (2014). Government support for SME innovations in the regional industries: The case of government financial support program in South Korea. *Research Policy*, 43(9), 1557-1569.

- Hashim, F. (2012). Challenges for the internationalization of SMEs and the role of government: The case of Malaysia. *Journal of International Business and Economy*, 13 (1), 97-122.
- Henrekson, M. & Stenkula, M. (2010). *Entrepreneurship and Public Policy*. In Z. J. Acs & D. B. Audretsch (Eds.), *Handbook of Entrepreneurship Research: An Interdisciplinary Survey and Introduction* (pp. 595-637). New York, NY: Springer, New York.
- Hoang, Q. N. (2016). Legislative policy in support of Vietnam SMEs: Analysis and propositions. *International Journal of Economics and Finance*, 8(2), 226-233.
- Hodges, N. (2011). Qualitative Research: A Discussion of Frequently Articulated Qualms (FAQs). *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 40 (1), 90-92.
- Jaafar, M. (2012). Entrepreneurial Marketing and Accommodation Businesses in East Peninsular Malaysia. *Tourism and Hospitality Research*, 12 (2), 89-100.
- Jaafar, M., Ing, T. K. & Sukarno, S. Z. M. (2011). Problems of Small and Medium Budget Hotel Operators. *World Applied Sciences Journal*, 12 (Special Issue of Tourism dan Hospitality), 73-79.
- Jaafar, M. & Maideen, S. A. (2012). Ecotourism-related Products and Activities, and the Economic Sustainability of Small and Medium Island Chalets. *Tourism Management*, 33(3), 683-691.
- Jaafar, M., Rashid, A. A., Abdul & Zaleha, M. S., Siti. (2012). Tourism Marketing: An Overview of Small and Medium Budget Hotels (SMBHs). *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 17 (1), 1-13.

- Jabatan Perangkaan Malaysia (2016). *Background of Tourism Industry Statistics*. Retrieved January 2017. Tercapainya di <https://www.dosm.gov.my/v1/>
- Jamaludin, M. & Yusof, Z. B. (2017). Challenges faced by MSICs operators. *Asian Journal of Behavioural Studies*, 2(5), 1-9.
- Johnson, M. P. (2015). Sustainability Management and Small and Medium-Sized Enterprises: Managers' Awareness and Implementation of Innovative Tools. *Corporate Social Responsibility and Environmental Management*, 22 (5), 271-285.
- Khan, M. M. A. (2015). Tourism development in Malaysia: A review on government plans and policies. *Acme International Journal of Multidisciplinary Research*, 1(12), 50-56.
- Klonowski, D. (2010). The effectiveness of Government-Sponsored Programmes in Supporting the SME Sector in Poland. *Post-Communist Economies*, 22 (2), 229-245.
- Kureshi, N., Qureshi, F., dan Sajid, A. (2010). Current Health of Quality Management Practices in Service Sector SME. *The TQM Journal*, 22 (3), 317-329.
- Lewis-Cameron, A. & Roberts, S. (2010). Small island developing status: Signs and prospects. Dlm. *Marketing island destinations: Concepts and cases*, Lewis-Cameron, Oxford: Elsevier
- Lynch-Wood, G. & Williamson, D. (2013). Understanding SME Responses to Environmental Regulation. *Journal of Environmental Planning and Management*, 57 (8), 1220-1239.

- Mayring, P. (2007). On generalization in qualitatively oriented research. In *Forum Qualitative Sozialforschung/Forum: Qualitative Social Research* (Vol. 8, No. 3). Diakses pada 29 Januari 2019, daripada <http://www.qualitative-research.net/fqs/>
- Morris, M. & Stevens, P. (2010). Evaluation of a New Zealand Business Support Programme using Firm Performance Micro-Data. *Small Enterprise Research*, 17 (1), 30-42.
- Novelli, M. & Hellwig, A. (2011). The UN Millennium Development Goals, Tourism and Development: The Tour Operators' Perspective. *Current Issues in Tourism*, 14 (3), 205-220.
- Obaji, N. O. (2014). The Role of Government Policy in Entrepreneurship Development. *Science Journal of Business and Management*, 2 (4), 10-115.
- Obeng, B. A. & Blundel, R. K. (2015). Evaluating Enterprise Policy Interventions in Africa: A Critical Review of Ghanaian Small Business Support Services. *Journal of Small Business Management*, 53 (2), 416-435.
- Pitlik, H. & Kouba, L. (2014), Does Social Distrust Always Lead to A Stronger Support For Government Intervention? *Ratio Working Paper No. 227*.
- Sambajee, P. & Dhomon, M. Z. A. (2015). Government and SMEs in the Maldives and Mauritius. *International Journal of Entrepreneurial Behavior dan Research*, 21 (6), 778-795.
- Set, K. (2014). Exploring the Internet Adoption on Tourism Small and Medium Enterprises (TSMEs) in Malaysia. *The Journal of Technology Management and Technopreneurship (JTMT)*, 2 (1), 71-84.

- Smallbone, D., Welter, F., Voytovich, A. & Egorov, I. (2010). Government and entrepreneurship in transition economies: the case of small firms in business services in Ukraine. *The Service Industries Journal*, 30(5), 655-670.
- Silverman, D. (2007). *Interpreting Qualitative Data. 2001. Methods for Analysing Talk, Text and Interaction* (Third edition). London, Thousand Oaks, New Delhi: Sage Publications.
- Thorsten, B. & Robert, C. (2014). SME finance in Africa. *Journal of African Economies*, 23(5), 583-613.
- Van Cauwenberge, P., Van der Bauwhede, H. & Schoonjans, B. (2013). An evaluation of public spending: The effectiveness of a government-supported networking program in Flanders. *Environment and Planning C: Government and Policy*, 31(1), 24-38.
- Weerasiri, S. & Zhengang, Z. (2012). Attitudes and Awareness towards Environmental Management and its Impact on Environmental Management Practices (EMPs) of SMEs in Sri Lanka. *Journal of Social and Development Sciences*, 3 (1), 16-23.
- Yin, R. K. (2011). *Applications of Case Study Research*. Thousand Oaks: Sage.
- Yusoff, M. N. H. (2011). The Sources of information of the government sponsored business assistances among Micro-sized Entrepreneurs in Kelantan, Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 2(3), 106-114.
- Yusoff, M. N. H., Nasir, W. N. B. W. & Zainol, F. A. B. (2012). Assessing the Impact of Knowledge of Government Business Support Services on Propensity of New Graduates to Venture into Business. *International Journal of Business and Management*, 7 (16), 106-117.

- Yusoff, M. N. H. & Yaacob, M. R. (2010). The government business support services in Malaysia: The evolution and challenges in the New Economic Model. *International Journal of Business and Management*, 5(9), 60-71.
- Yusoff, M. N. H., Yaacob, M. R. & Aziz, Z. A. (2014). Malay Entrepreneurs Did Not Use Business Support Services In Malaysia? *Journal of Business and Social Development*, 2 (2), 1-8.
- Zabri, S. M., Ahmad, K. & Lean, J. (2014). *Owner/Managers' Financing Preferences and the Proportion of Firm's Capital Structure: Evidence from Successful SMEs in Malaysia. Proceedings of the International Conference on Business Strategy and Social Sciences*, Kuala Lumpur, Malaysia, 16-17 August 2014.
- Zabri, S. M. & Lean, J. (2014). *SME Managers' Financing Preferences: The Case of Successful SMEs in Malaysia. Proceedings of 5th Asia-Pacific Business Research Conference*, Hotel Istana, Kuala Lumpur, Malaysia, 17-18 February 2014.
- Zindiye, S., Chiliya, N. & Masocha, R. (2012). The impact of Government and other Institutions' support on the Performance of Small and Medium Enterprises in the Manufacturing Sector in Harare, Zimbabwe. *International Journal of Business Management dan Economic Research*, 3(6), 655-667.

# **POLITIK ISLAMOFobia DALAM WACANA KEANGGOTAAN TURKI KE DALAM KESATUAN EROPAH: SEBUAH SOROTAN**

Safwan Saparudin\*  
Russli Kamarudin

*Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43600 Selangor*

## ***Abstract***

*The politics of hate on the basis of race and religion such as Islamophobia, xenophobia and racism have been on the uprise and widespread, especially in Europe. In discussing Turkey-EU diplomatic journey, this phenomenon has been a great challenge to deal with. Integration process and tolerance in everyday life were threatened as a result of it. This article analyses the phenomenon through observation of the political stances and practices of European politicians within the Turkey-EU accession discourse. The research is a qualitative approach and a literature survey. The study has concluded that public diplomacy adopting dialogue approach is extremely necessary and is utmost importance as a main ice-breaking tools for parties of different religious, race and ideological backgrounds. This will help to enhance integration and stabilise the dynamic of political pluralism in the modern era.*

**Keywords:** *European Politics, Political practice, Islamophobia, Public Diplomacy, Dialogue*

## Abstrak

Amalan politik kebencian atas dasar perkauman dan agama seperti Islamofobia, xenofobia dan rasisme dilihat semakin berleluasa khususnya di Eropah. Dalam konteks perjalanan diplomasi Turki-KesE, fenomena ini menjadi satu daripada cabaran yang rumit ditangani. Proses integrasi dan kelangsungan hidup bertoleransi semakin terancam akibat perkembangan ini. Makalah ini ditulis bertujuan menganalisis fenomena tersebut melalui pemerhatian terhadap pendirian dan amalan politikus Eropah dalam kerangka wacana keanggotaan Turki ke dalam Kesatuan Eropah. Penyelidikan ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian susastera. Kajian ini mendapati diplomasi awam melalui pendekatan dialog sangat diperlukan sebagai alat ‘pemecah sepi’ utama antara pihak yang berbeza latar agama, bangsa, budaya dan ideologi bagi memperkukuh proses integrasi dan menstabilkan kedinamikan jamakisme politik moden hari ini.

**Kata Kunci:** Politik Eropah, Amalan Politik, Islamofobia, Diplomasi Awam, Dialog

## Pengenalan

Republik Turki hari ini merupakan negara majoriti Muslim yang mengamalkan demokrasi sekular pluralis (Internet 1) dan mempunyai hubungan rapat dengan Eropah. Hubungan dengan Eropah terbukti dalam sejarahnya yang panjang serta sarat dengan konflik. Hubungan diplomasi Turki-Eropah berlanjutan sejak suku akhir tampuk pemerintahan ‘Uthmaniah. Menariknya, selama lebih 500 tahun, pengaruh kerajaan ‘Uthmaniah telah berjaya melingkungi sepertiga Eropah, Timur Tengah dan sebahagian Asia.

Pasca-Republik Turki baharu<sup>1</sup>, Turki memilih Eropah sebagai kiblatnya dalam projek reformasi politik, ekonomi dan sosial. Eropah, menurut Mustafa Kamal Ataturk, pengasas Republik Turki adalah model pemodenan dalam struktur sekularisme. Kesan daripada dasar luarnya yang pro-barat tersebut, Turki telah



menganggotai pelbagai organisasi antarabangsa. Antaranya adalah menjadi negara pengasas Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB); anggota dalam *North Atlantic Treaty Organization (NATO)*, Majlis Eropah (*The Council of Europe*), *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* dan *Western European Union*. Ketika Perang Dingin, Turki telah mewakili blok *Western Alliance* dalam mempertahankan demokrasi, kebebasan dan hak-hak asasi. Turki juga memainkan peranan besar dalam memelihara nilai-nilai Eropah serta melaksanakan prinsip-prinsip dasar luarnya secara diplomatik dengan Eropah. Sehingga hari ini, menurut Yüksel (2016), Turki mengekalkan dasar luarnya untuk menjadi anggota penuh Kesatuan Eropah sebagai matlamat strategik walaupun berdepan cabaran yang rumit.

Sepintas lalu, hubungan Turki-Eropah bermula dengan Perjanjian Ankara 1963 yang ditandatangani dalam *European Economic Community (EEC)*. Keanggotaan Turki dalam komuniti ekonomi ini merupakan langkah pertamanya dalam blok Eropah. Pada tahun 1995, Turki dan Eropah mewujudkan *Customs Union* sebagai satu usaha mengukuhkan kerjasama ekonomi secara dua hala (*bilateral*) dan kesannya adalah tarif bagi produk berasaskan industri berjaya dihapuskan dan tarif bagi produk berasaskan tani dapat dikurangkan. Turki juga memainkan peranan utama dalam kestabilan serantau khususnya memerangi terorisme dan menjadi hos bagi 3 juta pelarian Syria (Internet 2). Turki juga menegaskan Kesatuan Eropah (KesE) lebih memerlukan Turki berbanding sebaliknya (Internet 3).

Walau bagaimanapun, selama lebih 55 tahun perjalanan diplomasi Turki-Eropah, tahun 2005 baru mencatatkan perkembangan bererti (signifikan) apabila KesE membuka rundingan kemasukan (*accession negotiation*) kepada Turki sebagai anggota penuhnya.<sup>2</sup> Lebih mengejutkan, Parlimen KesE telah membekukan negosiasi keanggotaan Turki ke dalam KesE<sup>3</sup>. Debat integrasi Turki ke dalam Eropah kembali mengamatkan sidang parlimen Eropah (PE) dan kelompok politikus antarabangsa. Tidak ketinggalan, dunia akademik turut memerhatikan proses ini dengan penuh minat. Namun, bagi Turki yang begitu lama mengidamkan untuk menganggotai KesE dilihat semakin komited untuk memenuhi syarat-syarat kemasukan ke dalam KesE walaupun ketat<sup>4</sup>

dan menyulitkan berdasarkan laporan *Turkish Progress Report* (Internet 4). Menjelaskan perkembangan diplomasi Turki- KesE ini, umum sedia maklum bahawa faktor pemboleh utama adalah peranan Parti Keadilan dan Pembangunan atau *Adalet ve Kalkınma Partisi* (AKP), parti keadilan dan pembangunan yang dipacu Recep Tayyip Erdoğan dan Ahmet Davutoğlu<sup>5</sup>.

Dalam konteks sains politik, diplomasi merupakan satu bentuk kuasa lembut (*soft power*) yang berpengaruh dalam menyuburkan hubungan keamanan dan kerjasama antara negara-negara bangsa (Kalin, 2011). Daripada perspektif kuasa lembut, diplomasi menuntut satu pendekatan secara aman, daya tarikan dan pemujukan dalam rundingan bertujuan untuk meluaskan pengaruh, nilai dan dasar kepada negara luar dan masyarakat umum (Nye, 2004). Kemajuan diplomasi bukan hanya terletak kepada keupayaan berunding semata-mata. Lebih daripada itu, diplomasi menuntut usaha membina jambatan persefahaman dan pengenalan melalui jalan dialog, kerjasama dan bantuan strategik.

Pasca-November 2016, perjalanan diplomasi Turki-Eropah dilihat semakin rumit atas pelbagai faktor, insiden dan polemik yang berlaku. Perkara tersebut akan dibincangkan secara mendalam dalam makalah ini. Makalah ini berusaha meneliti amalan politik ahli-ahli Parlimen KesE khususnya dalam wacana keanggotaan Turki ke dalam Kesatuan Eropah. Lebih tepat lagi, makalah ini berusaha menganalisis punca, polemik dan amalan politik Islamofobia di Eropah yang memberikan implikasi terhadap diplomasi Turki-Eropah. Reka bentuk penyelidikan ini menggunakan sorotan dan kajian susastera. Unit analisis kajian ini adalah pelakon-pelakon (aktor-aktor) politik Eropah yang menyokong atau membantah keanggotaan Turki ke dalam KesE. Hujah dalam makalah mengukuhkan pandangan bahawa pendekatan dialog sangat bererti (signifikan) dan diperlukan sebagai alat diplomasi yang berkesan antara semua pihak yang berbeza latar agama, bangsa, budaya dan ideologi bagi memperbaiki proses integrasi dan dinamika jamakisme politik moden hari ini.

## **Keanggotaan Turki Dalam Eropah**

Apabila membahaskan diplomasi Turki-Eropah, melihat sudut sejarah ‘Uthmaniah adalah satu kemestian kerana hubungan yang telah terwujud melebihi tiga abad lamanya.<sup>6</sup> Kesan simbiosis tersebut, ia telah mempengaruhi bukan sahaja lanskap politik, malahan aspek sosio-budaya Turki dan dasar-dasar luarnya sehinggalah ke hari ini. Dasar luar Turki yang pro-barat menjadi dorongan kuat bagi menggarap nilai-nilai Eropah sebagai sebahagian daripada Turki.

Kesediaan Turki menganggotai Eropah boleh dilihat berdasarkan keinginannya menjadi sebahagian daripada komuniti Eropah yang lebih demokratik dan maju. Menurut Yüksel (2016), KE menyediakan ruang untuk Turki melaksanakan reformasi dan pemodenan. Loncatan yang dipamerkan Turki di bawah pemerintahan Parti Keadilan dan Pembangunan atau AKP melalui perubahan dan dasar-dasar progresifnya memperlihatkan kesediaan Turki bermain dalam padang politik baharu yang semakin luas lagi mencabar – menganggotai KesE. Pasca-pemerintahan AKP, hubungan diplomasi Turki- KesE semakin berkembang walaupun dilihat agak perlahan.

Kebuntuan ini berikutan daripada bantahan majoriti rakyat Eropah dan negara-negara anggota KesE terhadap Turki. Kajian persepsi yang dijalankan kepada negara-negara Eropah berkenaan permohonan keanggotaan Turki ke dalam KesE mendapati wujud penolakan yang begitu kuat oleh komuniti Eropah.<sup>7</sup> Tidak dapat dinafikan bahawa kajian terhadap persepsi amat penting dalam mengukur kritikan dan permasalahan. Ini kerana walaupun tiada penglibatan masyarakat umum secara langsung dalam membuat dasar-dasar KesE, namun keputusan-keputusan KesE adalah didasarkan dalam kerangka apa yang diterima oleh komuniti awam Eropah (Sjursen 2006). Justeru, wacana yang melatari persepsi umum terhadap integrasi Turki ke dalam Eropah menjadi bererti (signifikan) dan diperlukan sebagai satu indikator penting dalam penyelidikan ini.

Kenyataan keras seperti Turki adalah ‘ancaman kepada kestabilan KesE’, ‘Turki bukan sebahagian daripada Eropah’ (Rose, 2007) dan ‘kemasukan Turki akan mengundang konflik peradaban

antara Islam dan Barat' (Monceau, 2009) menjadi cabaran besar buat Turki sebelum menjadi negara Eropah. Hujah Nicolas Sarkozy, Perdana Menteri Perancis yang mengatakan Turki bukan dalam benua Eropah telah menjadi persoalan besar (Rose, 2007). Ironinya, kedudukan Cyprus yang lebih selatan dari negara Turki diputuskan KesE sebagai sebuah negara anggota Eropah. Persoalan juga timbul sebagai kuasa ekonomi ke-6 terbesar di Eropah daripada 30 buah negara Eropah yang lain (jauh lebih baik daripada Grik Elliniki yang dilanda defisit teruk dan negara-negara Balkan), apakah alasan-alasan penolakan terhadap Turki?

Kenyataannya, Turki adalah satu-satunya negara majoriti Muslim yang mengamalkan dasar demokrasi sekular pluralis yang menjunjung perlembagaan pro-sekular (Euronews, 2007) dan mengamalkan dasar luar multi-dimensi (Davutoğlu, 2008). Menarik juga, Turki memiliki keupayaan kuasa lembutnya<sup>8</sup> tersendiri di Timur Tengah dan Balkan (Kalin, 2011). Namun, Turki pernah berkonflik dengan rejim Zionis-Israel (Taghian, 2013) serta menghadapi isu Cyprus yang masih belum lagi menemui titik penyelesaian. Menurut Verney dan Infantis (2009) dan Kalin (2011), kedudukan Turki di benua Eropah serta sejarahnya yang panjang dengan Eropah, membuktikan Turki adalah sebahagian daripada Eropah. Meneliti daripada sudut komitmen, hasrat Turki untuk berintegrasi dengan Eropah adalah tinggi melihat kepada usaha-usaha Turki menuruti *Copenhagen Criteria*<sup>9</sup> yang termaktub dalam *Acquis Communautaire*<sup>10</sup>, transformasi dan reformasi domestik, kadar peningkatan ekonomi dan perkembangan terbaharu, menubuhkan sebuah kementerian khas urusan hal ehwal Turki-KesE. Namun, identiti dan realiti tersebut berdepan kerumitan apabila imej Turki dianggap tidak bersesuaian dengan identiti Eropah dan segenap persepsi yang jelas menolak Turki sebagai negara Eropah.

### **Pendirian Politikawan Eropah Dalam Wacana Turki-KesE**

Pendirian ahli-ahli Parlimen KesE dan politikawan Eropah dalam wacana membahaskan keanggotaan Turki ke dalam KesE dapat dibahagikan kepada beberapa aliran tertentu. Aliran pertama merujuk kepada kelompok yang cenderung memainkan sentimen

kebencian, perkauman, *xenofobia*<sup>11</sup> dan Islamofobia. Hujah-hujah yang dikemukakan lebih kepada mencari titik perbedaan serta permusuhan. Aliran ini dominan di banyak negara Eropah khususnya seputar wacana keanggotaan Turki dalam KesE. Kelompok parti politik populis dan berhaluan jauh kanan (*far-right*) dilihat amat berpengaruh dalam membangkitkan bantahan terhadap keanggotaan Turki ke dalam Eropah. *Europe of Freedom and Direct Democracy Group*; *Group of the Progressive Alliance of Socialists and Democrats in the European Parliament* dan *Group of the Alliance of Liberals and Democrats for Europe* adalah antara kumpulan-kumpulan politik yang lantang membantah keanggotaan Turki<sup>12</sup>.

Geert Wilders, ahli Parlimen Belanda yang terkenal dengan pendirian anti-Islamnya dengan tegas membantah penghijrahan umat Islam ke Belanda dan Eropah. Beliau mengatakan:

*“Negara Islam seperti Turki bukan sebahagian daripada Eropah. Nilai-nilai Eropah seperti kebebasan, demokrasi dan hak asasi tidak selari dengan ajaran Islam. Warga Eropah tidak mengalu-alukan kalian (warga Turki)”* (Internet 5).

James Carver, ahli parlimen Eropah dari *UK Independent Party (UKIP)* mendakwa Turki menggunakan krisis pelarian sebagai modal untuk menganggotai KesE (Internet 6). Guenther Oettinger, Pesuruhjaya KesE mendakwa Turki tidak akan dapat menganggotai KE dalam dekad ini ataupun dekad yang mendatang (Internet 7). Bill Etherridge, ahli parlimen Eropah dari *UK Independent Party (UKIP)* pula mendakwa Turki adalah (ancaman) bahaya kepada KesE (Internet 8). Norbert Hofer, calon presiden Austria 2016 dari *Freedom Party of Austria* pula mengancam KesE sekiranya menerima Turki, Austria akan keluar dari blok tersebut. Hofer juga menegaskan agar dihentikan rundingan keanggotaan Turki dalam KesE (Internet 9).

Nicholas Sarkozy, bekas Perdana Menteri Perancis; Nigel Farage (ahli parlimen Eropah dari Britain) serta pemimpin-pemimpin *UKIP* membantah keanggotaan Turki kerana faktor geografi Turki yang hanya memiliki tujuh atau sembilan peratus sahaja di dalam benua Eropah (Internet 10). Christian Kern, Kaunselor Austria dan Hans-Peter Doskozil, menteri pertahanan Austria mendakwa rundingan keanggotaan Turki hanyalah

“*diplomatic fiction*”. Marine Le Pen, pemimpin jauh kanan dari *National Front* di Perancis mendakwa Turki mengugut KesE dengan menggunakan isu pelarian supaya dapat melancarkan proses keanggotaan dalam KesE di samping kegagalan Turki mempertahankan hak asasi dan keadilan terutamanya pasca cubaan kudeta (Internet 11). Danial Hannan, politikus dari Britain menegaskan bantahan terhadap Turki antaranya kerana menganggap Turki mengamalkan kuku besi, anti-Barat dan fundamentalisme serta taasub agama. Negara begini bukan sekutu KesE (Internet 12). Menurut Monceau (2009), terdapat sebahagian politikawan Eropah yang mendakwa kemasukan Turki akan mengundang konflik peradaban antara Islam dan Barat.

Aliran kedua, mengambil pendirian yang objektif berdasarkan kerangka perjanjian yang telah disepakati antara Turki dan KesE. Hal ini kerana pendekatan yang diambil adalah merujuk kepada keupayaan Turki memenuhi pra-syarat dan kandungan di dalam *Acquis Communautaire*. Menurut Rebecca Harms, ahli parlimen Eropah (mewakili Jerman) dari *The Greens/Alliance '90* menyeru agar KesE memelihara janjinya pada tahun 2004 dalam proses rundingan keanggotaan Turki ke dalam KesE (Internet 13). Gianni Pittella, ahli parlimen Eropah (mewakili Italia) dari *Democratic Party* pula menyeru agar Turki menghormati kriteria keanggotaan yang telah ditetapkan oleh KesE antaranya hak asasi, kebebasan media dan bersuara (Internet 14). Kati Piri, ahli parlimen Eropah (mewakili Belanda) dari *Labour Party* berpendirian keputusan keanggotaan Turki ke dalam KesE perlu diluluskan berlandaskan *Copenhagen Criteria* (Internet 15). Sebastian Kurz, menteri luar Austria dengan tegas membantah keanggotaan Turki dalam KE ekoran tindakan Turki melanggar kebebasan media dan kehakiman pasca-kudeta. Beliau berkata:

“*Selama bertahun-tahun, Turki telah semakin menjauhi KesE namun dasar kami masih kekal yang sama. Ini tidak akan menjadi. Apa yang kita perlukan adalah kesan-kesan yang jelas. Di Turki, tokoh-tokoh pembangkang telah ditangkap, wartawan ditahan dan pegawai kerajaan dipecat jika mereka berbeza pandangan serta pelaksanaan hukuman mati dibincangkan semula.*” (Internet 16)

Aliran ketiga, bersikap terbuka, menyokong unsur kepelbagaian dalam masyarakat Eropah seperti multi-budaya dan multi-agama serta mengiktiraf peranan Turki dalam politik Eropah. Namun, kelompok ini paling minoriti dalam kalangan politikus Eropah dan suara mereka agak terpinggir. Péter Szijjártó, Menteri Luar Hungaria/Magyar menyokong peranan Turki sebagai kuasa penstabil di Eropah dan Timur Tengah. Beliau mengatakan:

*“Pada hari ini, keselamatan Eropah bermula dengan kestabilan Turki. Oleh itu, kita perlu mengelakkan keputusan tidak rasional yang bakal menyahstabilkan atau merenggangkan hubungan kedua-dua pihak.”* (Internet 17)

Charles Tannock dari kelompok politik Konservatif atau dikenali sebagai Tory di United Kingdom menegaskan sokongannya terhadap keanggotaan Turki. Boris Johnson, Menteri Luar United Kingdom menyatakan sokongannya terhadap Turki dan akan membantu Turki dalam pelbagai cara walaupun selepas keputusan *Brexit* (Internet 18).

Berdasarkan aliran-aliran yang dinyatakan tersebut, perjalanan diplomasi Turki dilihat semakin rumit dan berliku. Ini kerana, suara-suara bantahan aliran pertama yang bernuansa anti-Turki dan Islamofobia sangat dominan samada dalam dewan parlimen KesE mahupun dalam kalangan warga Eropah. Kebangkitan parti berhaluan jauh kanan (*far-right*) yang menyuburkan api-api perkauman dan anti-Islam dilihat memberi impak kepada wacana keanggotaan Turki- KesE. Fenomena *Brexit*<sup>13</sup> adalah contoh terbaik bagi menerjemah pengaruh kelompok jauh kanan (*far-right*) yang menentukan pendirian untuk meninggalkan blok KesE itu. Menurut Gündüz (2016), kelompok jauh kanan (*far-right*) menggunakan modal bahawa keanggotaan Turki akan mendominasi KesE serta Islamisasi akan semakin kuat di Eropah berniat untuk menakutkan rakyat Briton jika kekal dalam blok KesE (Gunduz, 2016). Terkini, keputusan Parlimen KesE pada 22 November 2016 telah memperlihatkan proses keanggotaan Turki akan semakin perlahan dan mencabar seandainya langkah-langkah yang efektif tidak diambil khususnya oleh kerajaan Turki.

## Islamofobia Dan Politik Eropah

Islamofobia ditakrifkan sebagai takut, kebencian serta prejudis terhadap Islam dan umat Islam (Internet 19). Ali (2011) mentakrifkan fenomena ini sebagai:

*“Ketakutan, kebencian, dan permusuhan yang berlebihan terhadap Islam dan umat Islam yang dipertahankan oleh stereotaip negatif yang mengakibatkan berat sebelah, diskriminasi, serta peminggiran dan pengecualian umat Islam daripada kehidupan sosial, politik dan sivik.”*

Islamofobia juga boleh difahami apabila satu kumpulan dominan yang ingin merampas, menstabilkan dan meluaskan kuasanya dengan cara mentakrifkan ‘kambing hitam’ – samada hakiki atau ciptaan serta mengasingkan atau menafikan ‘kambing hitam’ tersebut daripada segala sumber, hak dan takrifan sebenar ‘kita’ (Bayraklı dan Hafiz, 2016:7). Pemakaian istilah Islamofobia semakin diterima ramai samada secara akademik ataupun dalam masyarakat umum. Menurut Bayraklı (2016:8), Islamofobia bukan lagi polemik biasa namun ia merupakan bentuk jenayah dan boleh dihukum. Fenomena Islamofobia di Eropah amat serius dan mendatangkan ancaman besar terhadap proses integrasi sosial, pendemokrasian dan keamanan sejagat.

Meneliti naratif Islamofobia, umum memahami fenomena ini mula dikenali pasca peristiwa hitam 9/11<sup>14</sup> apabila kemuncak kemarahan dan prejudis terhadap Islam dan umat Islam yang tidak dapat lagi dibendung. Dunia menuduh Islam – ibu kuasa kepada keganasan, terorisme dan radikal tanpa dalil dan pembuktian yang adil. Kes *Charlie Hebdo* dan serangan ganas di Nice, Perancis kembali menghangatkan perbincangan berkaitan Islam dan Muslim di Eropah. Ancaman dan letupan di Brussels, Perancis dan Jerman yang didalangi kelompok radikal ISIS telah memuncakkan lagi Islamofobia di kalangan warga Eropah. Lebih mengeruhkan lagi, krisis pelarian Syria yang masih belum reda turut mengangkat ke tengah perdebatan selingkar retorika umat Islam sedang “menguasai” Eropah.



Retorik-retorik anti-Muslim yang bertiup kencang di Eropah sedekad akhir ini, secara agresif telah melebarkan jurang melalui persepsi negatif, prejudis, diskriminasi dan keganasan daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah pemimpin politik. Misalnya, kenyataan Antal Rogán, pemimpin Hungaria/Magyar yang memberi amaran akan wujudnya ‘*United European Caliphate*’ di Eropah serta László L. Simon yang menyeru umat Kristian kembali kepada agamanya dan melahirkan bayi-bayi baru bagi mendepani kesan ‘budaya negatif’ natijah daripada migrasi massa umat Islam ke Eropah dilihat menggegarkan dunia Eropah.<sup>15</sup> Selain itu, kewujudan Parti Plus yang secara jelas ditubuhkan untuk memerangi Syariah Islam serta gerakan memartabatkan Islam di Belgium dilihat satu penentangan yang serius terhadap Islam di Eropah. Terbaru, *Brexit* dilihat satu gesaan yang kuat oleh majoriti rakyat Briton yang semakin menolak dasar kebanjiran pendatang asing dan kelompok pemimpin politik demokrat yang pro-integrasi dan pro-multibudaya hasil permainan sentimen perkauman dan Islamofobia yang ditiupkan kelompok-kelompok haluan jauh kanan (*far-right*). Di Amerika, kemenangan Donald Trump turut meningkatkan lagi sentimen anti-Muslim, anti-pendatang sebagai modal politiknya dan dilihat berjaya mempengaruhi kelompok terbesar rakyat Amerika. Di Belanda, beberapa calon pilihanraya berbangsa Turki telah menerima ugutan maut sebagai reaksi sentimen anti-Muslim dan anti-pendatang yang menguasai pilihanraya Eropah pada 2019 (Internet 20).

Menyorot keanggotaan Turki ke dalam Eropah, ia kini satu proses yang semakin sulit dan rumit. Ini berdasarkan bancian yang dijalankan oleh *Economic Development Foundation* (IKV), sebuah badan pemikir dari Turki terhadap apakah cabaran paling utama dalam keanggotaan Turki ke dalam KesE. Kajian IKV mendapati 61 peratus adalah cabaran ‘perbezaan budaya dan agama’, 41 peratus pula kerana bantahan negara-negara anggota KesE’ manakala 21 peratus disebabkan prejudis dan persepsi warga Eropah terhadap Turki (IKV 2016).<sup>16</sup> Tegasnya, isu-isu yang menyentuh imej “keislaman” dan populasi majoriti Muslim amat mempengaruhi perjalanan Turki menganggotai KesE.

Antara punca Islamofobia di Eropah dilihat semakin berleluasa disebabkan kegiatan kelompok pengganas yang

menunggang nama Islam serta kebangkitan kelompok haluan jauh kanan (*far-right*) di Eropah. Sentimen Islamofobia juga semakin tajam dengan peranan media massa yang telah menimbulkan suasana tegang dan permusuhan. Prinsip kewujudan bersama (*co-existence*) dan toleransi hidup bersama dalam masyarakat majmuk semakin hari semakin terhakis akibat angin Islamofobia yang bertiup kencang serta mempengaruhi pandangan awam masyarakat Eropah terhadap Islam dan umat Islam.

Kunci utama kepada fenomena ini adalah kerana kerjabaat kelompok pengganas yang kononnya mewakili Islam. Perlu ditekankan bahawa kejahatan sekelompok kecil ekstremis agama dan radikal seperti *ISIS* dan *Al-Qaeda* tidak boleh menyekat nilai-nilai agung Islam daripada dinikmati oleh umat manusia seluruhnya. Majoriti warga Eropah percaya bahawa isu imigrasi, radikalisme dan keselamatan negara adalah wacana yang melatari faktor permusuhan terhadap Islam dan umat Islam yang semakin memuncak.

Faktor kedua, retorik Islamofobia yang dijaja secara meluas dan diimani majoriti pemimpin politik Eropah telah menimbulkan suasana permusuhan yang kuat. Kebangkitan kelompok jauh kanan (*far-right*) dan populis di Eropah telah merancakkan tersebarnya sentimen *xenophobia*, Turkofobia<sup>17</sup>, Islamofobia, anti-imigran serta ketuanan orang putih (*white supremacy*). Wilson dan Hainsworth (2012:15) dalam *Far-Right Parties and Discourse in Europe: A Challenge for Our Times* menegaskan kelompok jauh kanan (*far-right*) semakin mendapat perhatian dan pengaruh akibat khurafat atau mitos yang disebarkan khususnya ketakutan berkaitan isu imigrasi umat Islam, terorisme dan identiti budaya. Ignazi (1996: 560) mendakwa kebangkitan kelompok jauh kanan (*far-right*) di Eropah akibat daripada kegagalan parti politik arus perdana dalam memuaskan hati pengundi. Ömer Celik, menteri hal ehwal KesE dari Turki mendakwa kelompok *far-right* di Austria semakin menguasai arus perdana dan berkuasa dengan bermodalkan isu anti-Turki dan Islamofobia.

Berdasarkan kajian *European Network Against Racism (ENAR)*, 48.63 peratus jenayah perkauman yang melibatkan parti politik dilakukan oleh kelompok jauh kanan (*far-right*). Perlakuan jenayah perkauman termasuklah diskriminasi, serangan jasmani,

ucapan kebencian, ugutan dan ancaman lisan, vandalisme dan pembunuhan (Nwabuzo, 2013).

Permusuhan terhadap Islam, Yahudi dan pendatang asing oleh kelompok jauh kanan (*far-right*) boleh menjurus kepada radikalisme dan keganasan. Ini terbukti dalam kes Breivik, seorang radikal jauh kanan (*far-right*) yang telah membunuh secara massa 69 orang anak-anak pimpinan parti buruh dalam satu kem belia dan mengakibatkan tujuh orang terbunuh dalam satu letupan van di bangunan pentadbiran parti buruh di Norway.<sup>18</sup> Dalam kejadian penuh trajis tersebut, kerajaan Norway amat tersentak dengan gerakan rasisme dan nasionalis ekstrim yang wujud dalam masyarakat Norway dan telah mengambil langkah-langkah menangani ancaman tersebut.

Kebuntuan seterusnya bagi Turki menganggotai KesE bukan hanya disebabkan persoalan budaya dan agama. Faktor perundangan dan iltizam untuk menyempurnakan agenda pengislahan (*reform*) dalam semua sistem KesE juga merupakan pra-syarat yang utama keanggotaan untuk dipenuhi. Sepanjang lebih 15 tahun perundingan antara Turki-KesE sejak 2005, Turki hanya berjaya membuka 16 bab daripada 35 bab dan menutup satu bab sahaja (iaitu Sains dan Penyelidikan) dalam mekanisma perundangan KesE dikenali *Acquis Communautaire* - satu proses yang amat perlahan dibandingkan dengan negara-negara anggota KesE yang lain seperti Croatia (8 tahun), Sepanyol (7 tahun) dan Polandia (5 tahun). Lebih mendukacitakan Turki, kejadian dalaman Turki yang tidak berkesudahan, cukup kuat mempengaruhi proses keanggotaannya dalam KesE kerana gagal menepati piawai, nilai-nilai Eropah dan syarat-syarat kemasukan yang termaktub dalam *Acquis Communautaire tersebut*. Misi Turki dalam agenda pengislahan khususnya sistem kehakiman dan perundangan, hak asasi dan kebebasan serta dasar luar dan keselamatan dilihat semakin 'goyang' dan terjejas teruk. Kesannya, defisit keyakinan dalam kalangan pemimpin KesE semakin meningkat.

Sebagai contoh, proses rundingan Turki-KesE telah dibekukan pada 2016 atas dakwaan telah berlakunya 'pelanggaran hak asasi terhadap kelompok *FETÖ*' pasca-cubaan kudeta di Turki.<sup>19</sup> Menurut laporan jawatankuasa KesE terhadap Turki yang diketuai APE Kati Piri, dakwaan terdapat 150,000 rakyat Turki

ditangkap, 152,000 penjawat awam dipecat serta beberapa wartawan dan tokoh masyarakat dipenjarakan, campurtangan politik dalam kehakiman serta 163 pusat media ditutup – menimbulkan persepsi yang buruk terhadap kewajaran dan iltizam kerajaan Turki mengangkat kedaulatan undang-undang, kebebasan media dan hak asasi.<sup>20</sup> Menurut Pierini (2017), hasil referendum rakyat pada 16 April 2017 yang mengubah sistem politik yang kepada sistem presiden telah ditafsirkan oleh ramai pihak sebagai mengukuhkan ‘cengkaman kuasa’ Presiden Erdoğan dalam politik Turki dan dianggap bermulanya kepimpinan ‘perintah seorang tunggal’ (*one-man rule*) dan autokratik (Pierini, 2017). Ini juga isyarat yang jelas bahawa Eropah ‘benar-benar serius’ mempertahankan nilai-nilai Eropah iaitu kehormatan kepada maruah dan hak-hak manusia, kebebasan, demokrasi, kesamarataan dan kedaulatan undang-undang.

Walaubagaimanapun, Turki menangkis semua dakwaan tersebut atas dasar mempertahankan demokrasi, keselamatan dan keamanan dalam negara. Pasca-cubaan kudeta, Turki telah mengisytiharkan darurat selama tiga bulan bagi mengetatkan keselamatan negara khususnya untuk menjejaki bukti dan ancaman yang dikaitkan dengan dalang cubaan kudeta tersebut. Turki dilihat berdepan dilema antara mengetatkan keselamatan negara dari ancaman keganasan melalui operasi tangkapan besar-besaran terhadap semua dalang yang disyaki dan tunduk dengan gesaan KesE agar melepaskan sejumlah besar pengikut Gulenis dalam sektor pertahanan awam dalam kalangan tentera dan polis; bidang kehakiman seperti pendakwaraya dan hakim; institusi pendidikan dan pengamal media yang telah dipenjarakan, dipecat dan disenaraihitam oleh pihak kerajaan atas alasan menyalahi hak asasi dan kebebasan media. Sebaliknya, Presiden Erdoğan mengambil sikap tegas terhadap semua sangkawan (yang tersangka) tersebut kerana cubaan kudeta tersebut merupakan satu tindakan pengkhianatan terhadap negara dan rakyat Turki berdasarkan angka korban dan kemusnahan yang telah berlaku. Melalui sistem keadilan, semua yang sabit dalam jenayah tersebut dijatuhkan hukuman yang berat.

Bagi majoriti rakyat Turki, tragedi 15 Julai tersebut merupakan titik hitam dalam sejarah demokrasi Turki dan hampir

semua spektrum politik termasuk kelompok sekularis tegar parti Republikan CHP, parti nasionalis MHP telah bersatu mengecam tindakan jahat cubaan rampasan kuasa tersebut. Namun, demokrasi Turki yang nyaris terkubur berjaya dipertahankan dengan pengorbanan rakyat yang terkorban dan “menundukkan” kelompok tentera pengkhianat tersebut.

## **Menangani Politik Islamofobia di Eropah: Pendekatan Dialog**

Fenomena Islamofobia khususnya ancaman kelompok jauh kanan (*far-right*) yang semakin berpengaruh di Eropah wajar ditangani dengan jalan damai dan mengelakkan serang-balas (*counter-attack*) berbau keganasan atau persengketaan. Penulis percaya jalan damai khususnya diplomasi awam melalui pendekatan dialog dan komunikasi politik amat diperlukan. Tanpa penyangkalan peranan dan sesuai dengan strategi menangani dampak (impak) Islamofobia secara perundangan dan penguasaan media, kami berusaha meninjau usaha-usaha dialog berstrategi yang dilaksanakan bagi membina jambatan kesefahaman antara pelbagai institusi agama, aliran fahaman, falsafah dan ideologi di Eropah. Usaha-usaha berstrategi telah digerakkan di pelbagai peringkat termasuk negara-negara Eropah dan Turki, badan tertinggi KesE, BBK, badan perisai pemikir dan bertindak (*think-and-do tank*) sehingga ke akar umbi melalui gerakan masyarakat madani.

Penyelesaian konflik melalui jalan damai merupakan seruan paling mulia dan terpuji berdasarkan *al-Qur’aan* (*al-Nahl:125*), Sunnah dan nilai-nilai sejagat. Pendekatan tersebut terbina atas prinsip-prinsip asasi Islam iaitu *rahmah* (kasih sayang) dan seruan berdakwah dengan jalan terbaik. Usaha meningkatkan persefahaman secara aman juga diiktiraf sebagai nilai-nilai sejagat yang menyuburkan gaya hidup bertoleransi walaupun berbeza latar belakang agama dan budaya. Ini dapat dilihat dalam sejarah ketamadunan manusia yang panjang serta peristiwa politik (*political event*) sejak berabad lamanya. Sebaliknya, perang dan konfrontasi hanya menjuruskan permusuhan, pembunuhan dan malapetaka kepada kemanusiaan.

Untuk mentakrifkan diplomasi awam, Kalm (2011) merujuknya sebagai alat komunikasi berstrategi yang berfungsi

untuk memahami, memaklumkan dan mempengaruhi masyarakat awam agar terbina bahasa komunikasi berstrategi berasaskan fakta dan kebenaran. Selanjutnya, komunikasi politik pula ditakrifkan sebagai mengeluarkan, menyebarkan, mengawal dan menggunakan maklumat oleh pelbagai negara, pertubuhan atau individu. Diplomasi awam amat bergantung kepada (1) komunikasi banyak hala, (2) interaksi bersaling dan; (3) pengutamaan unsur penting dalam proses komunikasi seperti ‘mendengar sebanyak mana bercakap’, ‘memahami sebanyak mana menjelaskan’ dan ‘berkomunikasi sebanyak mana memaklumkan’.

Swidler (2003) pula mentakrifkan dialog adalah satu istilah yang digunakan pada masa kini merujuk kepada satu pertemuan dan perbincangan antara individu atau kumpulan yang berlainan agama dan ideologi. Tujuan dialog ialah untuk saling mengenali dan mempelajari antara setiap peserta yang mengikuti sesuatu dialog sehingga setiap peserta boleh mengubah pandangan masing-masing kepada suatu pemahaman yang lebih baik dan dapat meningkatkan pengalaman mereka. Dialog juga merujuk kepada interaksi positif antara kelompok berlainan agama dan kepercayaan. Dialog bukan bertujuan untuk menang-kalah tetapi berusaha memahami keadaan atau kedudukan sebenar pihak-pihak yang terlibat dalam dialog tersebut.

Usaha menangani Islamofobia khususnya di Eropah masih baharu dan jauh daripada sasaran untuk menghentikannya sehingga ke akar umbi. Namun begitu, inisiatif pelbagai pihak daripada badan rasmi KesE sendiri seperti Suruhanjaya Eropah, Majlis Eropah sehinggalah badan pemikir dan BBK telah menggariskan pelbagai strategi, langkah dan program untuk menangani isu Islamofobia dan jenayah kebencian di Eropah.

Fasal 17 Perjanjian Lisbon misalnya, menjadi satu penanda aras (*benchmark*) penting di Eropah kerana secara langsung mengiktiraf pendekatan dialog antara institusi agama, badan aliran falsafah dan badan *non-confessional* (Internet 21). Suruhanjaya Eropah (SjE) melalui portfolio *Better Regulation, Inter-Institutional Relations, the Rule of Law and the Charter of Fundamental Rights* telah mengadakan siri dialog melibatkan pelbagai pemimpin agama, aliran falsafah dan bukan syahadah (*non-confessional*) khusus memupuk integrasi Eropah dan merefleksi aspek rohani dan etika.

Hubungan yang dibentuk secara rasmi antara institusi KesE dan badan keagamaan/kepercayaan seumpamanya ini telah bermula sejak 1994 oleh presiden Suruhanjaya Eropah, Jacques Delors melalui inisiatif '*Une âme pour l'Europe*' (Roh untuk Eropah).

Seterusnya, dialog politik peringkat tertinggi antara Turki dan Suruhanjaya Eropah (SjE) merupakan usaha yang penting dalam memperkukuh kerjasama erat Turki-KesE serta menyelesaikan polemik yang sulit dirungkaikan. Misalnya, pada 9 September 2016 telah berlangsung dialog politik antara Turki dan KesE di Ankara yang antara lain menzahirkan solidariti, kesetiakawanan dan dokongan KesE terhadap Turki pasca-cubaan kudeta 15 Julai 2016. Pertemuan ini diadakan berikutan hubungan dingin antara Turki dan KesE gara-gara pendirian KesE yang tidak jelas menyokong kejayaan rakyat Turki mempertahankan demokrasi daripada dirampas oleh kelompok tentera. Ekoran lawatan rasmi dan proses dialog politik ini dianggap berjaya menafikan tuduhan bahawa KesE mendokong kelompok kudeta yang ingin mencabul sistem demokrasi di Turki.

*White Paper on Intercultural Dialogue* telah diterbitkan di peringkat negara-negara anggota *Council of Europe* pada tahun 2005. Kertas ini menggariskan agenda termasuk mempromosi hak asasi manusia dan perpaduan sosial, kesaksamaan lapuan (*gender*), memerangi naratif nasionalisme yang melampau, menangani stereotaip media, menggalakkan multi-bahasa, mempromosi dialog antara fahaman agama, merancang suasana kondusif untuk berdialog serta mendokong usaha BBK yang melaksanakan dialog di peringkat akar umbi.

*European Islamophobia Report 2015* oleh Bayraklı dan Hafız (2016) telah diterbitkan oleh Yayasan Ekonomi, Politik dan Sosial (*SETAV*), sebuah badan perisai pemikir (*think tank*) Turki bagi menilai insiden Islamofobia yang berlaku dan kemajuan yang telah dicapai dalam menangani Islamofobia di 25 buah negara Eropah. Kajian juga bertumpu kepada kejadian yang melibatkan sektor-sektor utama seperti pekerjaan, pendidikan, politik, media dan dunia siber. Hasil dapatan dan analisis yang dibuat, laporan ini berusaha menjana inisiatif dan projek bagi menangani Islamofobia khusus di Eropah dengan penglibatan semua pihak termasuk masyarakat madani, pertubuhan belia, kerajaan dan media.

*Institute of Strategic Dialogue*, sebuah badan perisai fikiran dari London telah menerbitkan siri buku panduan kepada pembuat dasar di pelbagai peringkat bagi khususnya menangani ekstrimisme kelompok jauh kanan (*far-right*) di Eropah. Ramalingam (2014), dalam bukunya *On the Front Line: A Guide to Countering Far-Right Extremism*<sup>21</sup> telah menggariskan tujuh dasar utama menangani ekstrimisme kelompok jauh kanan (*far-right*) serta mendedahkan kajian kes dan usaha-usaha pelbagai pihak seperti BBK dan badan advokasi di sepuluh buah negara Eropah.

*Yunus Emre Foundation* merupakan yayasan yang ditubuhkan oleh kerajaan Turki bagi mempromosi budaya, bahasa dan warisan Turki di negara-negara luar Turki serta menjadi pusat penerangan dalam menyampaikan maklumat yang sahih berkaitan Turki. Menurut Karataş (2016), Turki menawarkan kepada tamadun dunia banyak kebaikan dan warisan khususnya budaya memuliakan tetamu dan membantu pihak yang dalam kesulitan (Karataş, 2016). Ini terbukti dalam sejarah apabila kerajaan Turki ‘Uthmaniyah menyelamatkan dan menawarkan perlindungan kepada umat Islam dan Yahudi yang dihalau dari Andalusia ketika *Reconquista*<sup>22</sup> pada tahun 1492. Terkini, bantuan kemanusiaan mencecah 33 bilion dolar Amerika yang disalurkan kepada 3.5 juta pelarian Syria membuktikan Turki sebuah negara yang mementingkan kebajikan manusiawi dan mempertahankan keamanan sejagat (Internet 22). Dalam konteks wacana Turki-KesE, Karataş menegaskan bahawa mengubah persepsi negara Eropah sangat sulit dilakukan dalam keadaan segala bebanan serta label negatif terhadap Muslim dan negara majoriti Muslim khususnya isu imigrasi dan ekstrimisme kelompok *ISIS* dan *al-Qaeda*. Kerajaan Turki melalui Kementerian Hal-Ehwal Eropah telah memperkenalkan sebuah rencana terperinci (*blueprint*) strategi yang dinamakan *European Union Communication Strategy* dan mempergiatkan diplomasi awam bagi menangani persepsi dan salah-anggapan terhadap Turki dalam KesE.

Di medan masyarakat madani, pelbagai BBK yang bergerak menangani Islamofobia dan rasisme melalui pendekatan dialog, perkongsian maklumat dan meningkatkan kesedaran awam. Antaranya *European Network Against Racism (ENAR)*, sebuah badan advokasi yang lantang menyuarakan penentangan terhadap ucapan kebencian dalam kalangan pemimpin politik dan orang



awam. Hasil advokasi BBK ini dengan kerjasama *European Parliament Anti-Racism and Diversity Intergroup*, *ILGA-Europe*, *Socialist and Democrat Rapporteur*, Richard Corbett serta parti-parti politik, satu undang-undang khusus telah berjaya digubal bagi memantau dan mengawal etika ahli-ahli parlimen Eropah, para pegawai kerajaan dan pelobi daripada memfitnah dan mengeluarkan kenyataan perkauman dan *xenofobia* serta mengganggu perjalanan parlimen KesE. Usaha *ENAR* dilihat satu kejayaan kerana mendapat kepercayaan *Council of Europe* melalui agensinya *European Commission Against Racism and Intolerance (ECRI)*, sebuah badan pemantau peringkat tertinggi di Eropah.

## **Kesimpulan**

Perjalanan diplomasi Turki-Eropah semakin rumit dan menyulitkan berpunca daripada pelbagai faktor dan insiden yang berlaku khususnya meningkatnya persepsi negatif terhadap Islam yang diimani oleh majoriti masyarakat dan pemimpin politik Eropah. Keputusan sidang Parlimen KesE pada 22 November 2016 yang membekukan rundingan keanggotaan Turki dilihat telah merencatkan proses keanggotaan tersebut dan pastinya mengambil masa yang cukup lama buat Turki dalam misinya menganggotai KesE. Pemberat kepada hambatan ini bukan semata-mata kerana kegagalan Turki memenuhi pra-syarat *Copenhagen Criteria* semata-mata, tetapi juga berkait rapat dengan tanggapan umum terhadap Turki sebagai ‘kuasa Islam’ yang berpotensi mempengaruhi lanskap dan sistem politik di Eropah. Tanggapan ini amat meresahkan KesE yang mahu mengekalkan nilai-nilai Eropah yang telah diwarisi sejak sekian lama. Hal yang demikian, proses integrasi antara Turki-Eropah memerlukan alat diplomasi melalui dialog di samping kerjasama, libat urus (*engagement*) dan semangat toleransi yang tinggi sebagai jambatan antara pihak-pihak yang terlibat tersebut. Kestabilan politik perlu diupayakan bagi menjamin kebaikan dan keamanan untuk segenap kemanusiaan.

## Rujukan

- Ali, W., Clifton E., Duss M., Fang, L., Keyes, S. & Shakir, F. (2011). *Fear, Inc.: The Roots of the Islamophobia Network in America*. Washington, D.C.: Center for American Progress. Diambil dari <http://www.americanprogress.org/issues/2011/08/pdf/islamophobia.pdf> (21 April 2017)
- Anon. (2016). *Austrian far right concerned by Turkish anti-coup rallies*. <http://www.hurriyetdailynews.com/austrian-far-right-concerned-by-turkish-anti-coup-rallies.aspx?pageID=238&nID=102862&NewsCatID=351> (9 September 2018).
- Anon. (2016). *Hungary passionately defends Turkey in EU, despite human rights violations*. <http://hungarianfreepress.com/2016/12/13/hungary-passionately-defends-turkey-in-eu-despite-human-rights-violations/> (6 Julai 2018).
- Anon. (2016). *Turkey's EU minister warns Austria over rise of far right*. <http://www.hurriyetdailynews.com/turkeys-eu-minister-warns-austria-over-rise-of-far-right.aspx?pageID=238&nid=106365&NewsCatID=510> (4 Julai 2018).
- Anon. (2018). *Turkey hosts 15 percent of world's 25 million refugees*. <http://www.dailysabah.com/turkey/2018/11/22/turkey-hosts-15-percent-of-worlds-25-million-refugees> (6 Januari 2019).

- Basaran, E. (2016). *Xenophobia, far-right on the rise in post-Brexit Europe as Italians opt for 'no' in crucial referendum*. Diambil dari <https://www.dailysabah.com/europe/2016/12/05/xenophobia-far-right-on-the-rise-in-post-brexit-europe-as-italians-opt-for-no-in-crucial-referendum> (1 Januari 2018)
- Bayliss, C. (2016). *Turkey has no place in EU following botched coup clean-up, furious Austrian minister warns*. Diambil dari <http://www.express.co.uk/news/world/697535/Turkey-austrian-minister-sebastian-kurz-Hans-Peter-Doskozil-coup-failed-european-union> (7 Januari 2017)
- Bayraklı, E. & Hafız, F. (pnyt). (2016). *European Islamophobia Report 2015*. Istanbul: SETAV.
- Brijavac, B. (2011). Turkey Entering the European Union through the Balkan Doors: In the Style of Great Power!? *Transition: Journal of Economic and Politics of Transition*. 13 (27), 3.
- Cengiz, Z., Görgülü, A., Ünlü, M. & Vesterbye, S.D. (2015). *Promoting Dialogue and Solutions: What European Legislators Think of Turkey*. Istanbul: TESEV.
- Davutoğlu, A. (2008). Turkey's Foreign Policy Vision: An Assessment of 2007. *Insight Turkey*. 10 (1), 77-96.
- EuroNews. (2007). Turkish-EU Membership Talks: What Lies Ahead? Diambil dari <https://www.youtube.com/watch?v=DQUkiu8R3Js>. (13 Mei 2015)
- Gel, D. (2012). *Xenophobia and Extremism in Europe: The Turkish Minority*. Diambil dari <http://www.osce.org/odihr/94912?download=true> (23 September 2018)

- Gündüz, Z. (2016). Wacana keanggotaan Turki dalam Kesatuan Eropah, Brussels. Temu bual, 8 Julai.
- Ignazi, P. (1996). The Crisis of Parties and the Rise of New Political Parties. *Party Politics*, 2 (4), 549-566.
- IKV. (2016). *Perception of Europe and Support for EU Membership in Turkish Public Opinion*. Istanbul: Economic Development Foundation (IKV).
- IKV. (2017). *IKV Report on Turkey-EU Relations: Keeping Together in the Face of Multiple Challenges*. Istanbul: Economic Development Foundation.
- Kalın, I. (2011). Soft Power and Public Diplomacy in Turkey. *Perceptions: Journal of International Affairs*, Autumn 2011, 16 (3), 5-23
- Karataş, M. (2016). Hubungan Turki dan Eropah, London. Temu bual, 12 Januari.
- Monceau, N. (2009). French Perceptions. Dlm. Aksit, Senyuva & Ustun (pnyt). *Turkey Watch EU Member States' Perceptions on Turkey Accession to the EU*. Ankara: Centre for European Studies, 16.
- Nwabuzo, O. 2013. *Racist Crime in Europe: ENAR Shadow Report 2013-2014*. Brussels: ENAR.
- Nye, J. (2004). *Soft Power: The Means to Success in World Politics*. New York: Public Affairs.
- Pierini, M. (2017). Wacana keanggotaan Turki dalam KE, Brussels. Temu bual, 24 Januari.

Pinder, J. (2001). *The European Union: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press.

Ramalingam, V. (2014). *On the Front Line: A Guide to Countering Far-Right Extremism*. London: Institute for Strategic Dialogue.

Rose, C. (2007). Nicolas Sarkozy "Turkey is not Europe!". Diambil dari [https://www.youtube.com/watch?v=7TrNZremC\\_s](https://www.youtube.com/watch?v=7TrNZremC_s) (12 Mei 2015).

Sjursen, H. (2006). *Questioning EU Enlargement: Europe in search of identity*. New York: Routledge.

Swindler, L. (2003). *Dialogue in Malaysia and The Global Scenario*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.

Taghian, S. (2013). *Recep Tayyip Erdoğan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*. Kuala Lumpur: Alam Raya Entrepise.

Verney, S & Ifantis, K. (pnyt). (2009). *Turkey's Road to European Union Membership: National Identity and Political Change*. New York: Routledge.

Wilson, R. & Hainworth, P. (pnyt). (2012). *Far Right Parties and Discourse in Europe: A Challenge of Our Time*. Brussels: European Network Against Racism.

Yüksel, K. (2016). Wacana keanggotaan Turki dalam Kesatuan Eropah, Ankara. Temu bual, 12 Januari

### ***Internet***

Internet 1. Demokrasi Sekular Pluralis merujuk model politik yang mengiktiraf partisipasi seluruh rakyat dalam proses menentukan keputusan berdasarkan nilai-nilai negara termasuk sekularisme yang meraikan keragaman aliran politik dan sosio-ekonomi dalam segmen rakyatnya. Rujuk [https://www.ab.gov.tr/brief-history\\_111\\_en.html](https://www.ab.gov.tr/brief-history_111_en.html).

Internet 2. *EU Envoy: Turkey A Key Ally In Fight Against Daesh*. <https://www.dailysabah.com/eu-affairs/2019/04/11/eu-envoy-turkey-a-key-ally-in-fight-against-daesh> (11 April 2019).

Internet 3. Turkey To Continue Working Toward Strategic Goal of Becoming Full Member Of EU, Erdoğan Says. <https://www.dailysabah.com/eu-affairs/2019/05/09/turkey-to-continue-working-toward-strategic-goal-of-becoming-full-member-of-eu-erdogan-says> (9 Mei 2019).

Internet 4. [https://ec.europa.eu/neighbourhood-enlargement/sites/near/files/pdf/key\\_documents/2014/20141008-turkey-progress-report\\_en.pdf](https://ec.europa.eu/neighbourhood-enlargement/sites/near/files/pdf/key_documents/2014/20141008-turkey-progress-report_en.pdf)

Internet 5. *Geert Wilders tells Turks: Turkey not welcome in Europe*. <https://www.youtube.com/watch?v=Y5EoMdwkpgY> (12 Januari 2017)

Internet 6. *Turkish EU accession is a threat to Britain - James Carver MEP*. <https://www.youtube.com/watch?v=Cya0njW8YzQ> (4 Mac 2017).

Internet 7. *Turkey's governing style unacceptable in EU': Accession postponed*. <https://www.youtube.com/watch?v=IJ6gQERFJd4> (21 Jun 2017).

Internet 8. *Turkish membership of the EU a dangerous folly - UKIP MEP Bill Etheridge*. [https://www.youtube.com/watch?v=e\\_FaVpMJ-Cw](https://www.youtube.com/watch?v=e_FaVpMJ-Cw) (12 April 2017).

Internet 9. *Turks Ready to Leave Austria Amid Rising Xenophobia*. <https://sputniknews.com/europe/201608241044601559-turks-ready-leave-austria/> (22 Jun 2017).

Internet 10. *Nicolas Sarkozy "Turkey is not European!* <https://www.youtube.com/watch?v=rBoBTdh9oa4> (11 Februari 2016).

Internet 11. French Far-right Leader Marine Le Pen: "Erdoğan is blackmailing us!". <https://www.youtube.com/watch?v=UhADWpl-6LM> (29 Julai 2019).

Internet 12. Daniel Hannan on Turkish membership to the EU. <https://www.youtube.com/watch?v=1MdrnyZusSc> (11 Februari 2016).

Internet 13. MEP Rebecca Harms on the EU-Turkey relations in the plenary on 22nd of November 2016. <https://www.youtube.com/watch?v=hLi4Cu5gvK0&feature=youtu.be> (21 Jun 2017).

Internet 14. Gianni Pittella on the EU-Turkey Deal. <https://www.youtube.com/watch?v=z8CI3UK5Ri4> (4 Jun 2017).

Internet 15. Are Turkey and the EU ready to sever relations? <https://www.youtube.com/watch?v=H58kFUmEwiA> (3 Jun 2017).

Internet 16. Austria calls for EU to get tough on Turkey. [www.hurriyetdailynews.com/austria-calls-for-eu-to-get-tough-on-turkey--105832](http://www.hurriyetdailynews.com/austria-calls-for-eu-to-get-tough-on-turkey--105832) (2 Disember 2017).

Internet 17. Hungary passionately defends Turkey in EU, despite human rights violations. <https://hungarianfreepress.com/2016/12/13/hungary-passionately-defends-turkey-in-eu-despite-human-rights-violations/> (6 Jun 2017).

Internet 18. Boris Johnson says UK will support Turkey's bid to join EU despite Brexit vote. <http://www.independent.co.uk/news/world/middle-east/boris-johnson-uk-support-turkey-ankara-bid-to-join-eu-despite-brexite-washing-machine-a7332651.html> (4 Jun 2017).

Internet 19. <http://www.islamophobia.org/>

Internet 20. *Turkish Politicians Receive Death Threats Ahead Of EP Elections*. <https://www.dailysabah.com/eu-affairs/2019/05/16/turkish-politicians-receive-death-threats-ahead-of-ep-elections> (16 Mei 2019).

Internet 21. Badan *confessional* atau syahadah merujuk kepada organisasi humanis, pemikir bebas, sekular dan *Freemason* yang terdapat di negara-negara Eropah. Rujuk juga [http://europa.eu/rapid/press-release\\_MEMO-13-942\\_en.htm](http://europa.eu/rapid/press-release_MEMO-13-942_en.htm).

Internet 22. [www.dailysabah.com/turkey/2018/11/22/turkey-hosts-15-percent-of-worlds-25-million-refugees](http://www.dailysabah.com/turkey/2018/11/22/turkey-hosts-15-percent-of-worlds-25-million-refugees)

---

<sup>1</sup> Pada 29 Oktober 1923, Republik Turki telah diisytiharkan. Pengasas dan Presiden pertama Republik Turki, Mustafa Kamal Atatürk telah melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang pro-barat dan aliran sekularisme telah mendominasi Turki secara total.

<sup>2</sup> Turki menjadi ahli bersekutu Komuniti Ekonomi Eropah (KEE) pada 1963. Turki memohon sebagai anggota penuh KE pada 14 April 1987. Secara rasmi menjadi calon anggota penuh KE pada 1999 dalam Sidang Kemuncak Majlis Eropah Helsinki. Pada tanggal 3 Oktober 2005, KE membuka rundingan kemasukan (accession negotiation) sebelum memutuskan keanggotaan Turki sebagai anggota penuh KE (Brijavac 2011).

<sup>3</sup> Pada 22 November 2016, satu cadangan oleh Kati Piri yang membentangkan isu-isu Turki bagi membekukan rundingan keanggotaan dinaikkan dalam Parlimen KE dengan hasil undian sebanyak 479 - 37 dari ahli-ahli Parlimen KE.

<sup>4</sup> Syarat-syarat kemasukan dalam KE termasuklah pengislahan politik domestik (*domestic reform*), layanan terhadap minoriti, hak asasi manusia, nilai politik, ekonomi, kedaulatan undang-undang (*rule of law*), kebebasan bersuara, kebebasan media dan keupayaan mengendalikankan tekanan persaingan. Lihat juga Pinder (2001).



<sup>5</sup> Walaubagaimanapun, Ahmet Davutoğlu telah meletakkan jawatan Perdana Menteri Turki pada 2016.

<sup>6</sup> Kerajaan ‘Uthmaniah telah mengamalkan diplomasi secara langsung dengan menubuhkan kedutaan tetap di London 1793, Austria 1794, Berlin 1795, Paris 1803, Athens 1840, Stockholm 1854 dan Brussels 1857 bertujuan mempelajari pemodenan Barat.

<sup>7</sup> Eurobarometer diasaskan sejak 1974 sebagai satu kaedah mengukur pandangan umum dalam pelbagai isu dalam Eropah. Ia dijalankan oleh *European Commission* salah satu daripada badan eksekutif tertinggi dalam KesE.

<sup>8</sup> Kuasa Lembut difahami sebagai kuasa yang mempengaruhi sesuatu pihak melalui cara pemujukan dan tarikan. Lihat Nye (2004).

<sup>9</sup> *Copenhagen Criteria* merujuk kepada peraturan-peraturan yang menentukan sesebuah negara layak sebagai anggota Kesatuan Eropah. Kriteria-kriteria yang diperlukan antara lain menuntut calon anggota KesE memiliki institusi yang memelihara perjalanan demokrasi dan hak asasi manusia, memiliki pasaran ekonomi yang berfungsi dan menerima tanggungjawab serta hasrat KesE. Kriteria tersebut digagaskan pada tahun 1993 dalam persidangan Majlis Eropah di Copenhagen, Denmark.

<sup>10</sup> *Acquis Communautaire* berasal dari perkataan Perancis. Ungkapan ini merujuk kepada himpunan peraturan, keputusan dan undang-undang KesE yang antara lain mengandungi syarat-syarat penyertaan menjadi anggota penuh KesE. Ungkapan ini juga dikenali sebagai *EU Acquis*.

<sup>11</sup> Xenofobia merujuk kepada sikap takut dan kebencian terhadap warga asing di dalam negara yang didiami.

<sup>12</sup>Antaranya Guy Verhofstadt, Marine Le Pen, Sophie Montel, Daniel Hannan, Laura Ferrara, Mario Borghezio dan ramai lagi.

<sup>13</sup> *Brexit* adalah singkatan kepada *British Exit* yang merujuk kepada referendum untuk Britain keluar dari KesE. Pada 23 Jun 2016, hasil referendum yang dijalankan mendapati majoriti rakyat Britain mengundi untuk keluar dari KesE.

<sup>14</sup> Peristiwa 9/11 merujuk kepada serangan keganasan dikaitkan oleh Amerika Syarikat angkara kumpulan *Al-Qaeda* yang mensasarkan beberapa bangunan strategi Amerika Syarikat seperti *World Trade Centre* dan *Pentagon* pada 11 September 2001.

<sup>15</sup> Rujuk *European Islamophobia Report 2016*, 8

<sup>16</sup> Bancian IKV dijalankan terhadap 1245 responden di 18 wilayah di Turki.

<sup>17</sup> Turkofobia merujuk kepada perasaan atau tindakan yang lahir kerana anggapan negatif, takut atau sangkaan kepada negara Turki atau yang berkaitan dengan Turki seperti rakyatnya, dasar-dasarnya dan pemimpinnya.

<sup>18</sup> Peristiwa hitam pada 22 Julai 2011 ini melibatkan seorang pesakit mental dan ekstremis haluan kanan, Anders Behring Breivik yang merancang dan melaksanakan operasi jenayah di Oslo dan Pulau Utøya di Norway.

<sup>19</sup> Pada 24 November 2016, satu usul membeku rundingan keanggotaan Turki dalam KesE telah diterima secara majoriti melalui undian di Parlimen KesE.

<sup>20</sup> Pada 15 Julai 2016, cubaan kudeta terhadap Turki telah ditumpaskan oleh rakyat Turki yang mempertahankan demokrasi daripada sebarang ambil alih kuasa tentera. Ekoran itu, kerajaan Turki telah mendakwa ribuan penjawat awam, ratusan tentera berpangkat jeneral dan anggota bawahan serta individu yang disyaki terlibat dengan kumpulan Gulen atau *FETÖ*.

<sup>21</sup> Kajian dijalankan dengan kerjasama Kementerian Keadilan Sweden dan *Institute of Strategic Dialogue* pada tahun 2012-2014 di 10 buah negara Eropah.

<sup>22</sup> *Reconquista* merujuk kepada penaklukan Andalus di Sepanyol oleh tentera salib daripada kerajaan Islam pada 1492 selepas Perang Granada. Kurang tiga bulan selepas penaklukan tersebut, *Alhambra Decree* telah diisytiharkan oleh Raja Ferdinand dan Ratu Isabella yang memaksa bangsa Yahudi memeluk Kristian atau dihukum buang negeri. Kira-kira 40,000-100,000 bangsa Yahudi telah melarikan diri ke Afrika Utara dan negara-negara taklukan kerajaan ‘Uthmaniah. Sultan Beyazid II telah mengarahkan tentera lautnya menyelamatkan pelarian Yahudi di lautan dan mengajak mereka berlindung di bawah kerajaan ‘Uthmaniah di Thessaloniki (Yunani), Izmir (Turki), dan negeri-negeri Balkan seperti Bulgaria, Bosnia dan Serbia.

# SEJARAH BUKIT PUTERI SEBAGAI TAPAK WARISAN KEBUDAYAAN SEMULAJADI DI NEGERI TERENGGANU

Mohd Nur Shafiq Harun \*  
Mohd Samsudin

*Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor*

## ***Abstract***

*Bukit Puteri is a natural cultural heritage site in Terengganu as the leading old defensive fort in the Terengganu Malay Sultanate in the 18th and 19th century AD. The focus of the study is to study the history of Bukit Puteri and types of relics of historical artifacts in Bukit Puteri. The data and information of this study is obtained from the interview method, field study in the Bukit Puteri area and the library study. The result shows that Bukit Puteri is used as a defence fort from the colonial threat of Britons and Siam as early as the 18th and 19th century AD which was proven based on the various types of relics of historical artifacts on Bukit Puteri. The relics are Genta Gergasi, canon, storage of bullets, forts, and the Sultan's throne. The pride of Bukit Puteri in Terengganu is desirable to be preserved not to lose identity as a natural cultural heritage site as a cultural history for future generations.*

**Keywords:** *Bukit Puteri, Terengganu Sultanate, artifacts of Terengganu heritage*

## **Abstrak**

Bukit Puteri merupakan tapak warisan kebudayaan tabii di Negeri Terengganu yang dikenali sebagai kubu pertahanan lama yang tersohor pada zaman Kesultanan Melayu Terengganu pada abad ke-18 dan ke-19 M. Fokus kajian adalah mengkaji sejarah Bukit Puteri dan jenis-jenis peninggalan artifak bersejarah di Bukit Puteri. Data dan maklumat kajian ini diperolehi daripada kaedah temubual, kajian lapangan di kawasan

---

\* Penulis untuk dihubungi: mohdnurshafiqharun@gmail.com  
eISSN 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban  
DOI: <https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol12no1.5>

Bukit Puteri dan kajian keperpustakaan. Hasil kajian menunjukkan Bukit Puteri dijadikan sebagai kota pertahanan daripada ancaman pihak penjajah iaitu Briton dan Siam seawal abad ke-18 dan 19 M yang dibuktikan berdasarkan pelbagai jenis peninggalan artifak bersejarah di atas Bukit Puteri yang terdiri daripada Genta Gergasi, Meriam, Tiang Bendera, tempat penyimpanan peluru bedil, Kubu Pertahanan dan Singhasana Sultan. Kemegahan Bukit Puteri di Negeri Terengganu wajar dipelihara agar tidak hilang identiti sebagai tapak warisan kebudayaan tabii sebagai sejarah budaya untuk generasi akan datang.

**Kata kunci:** Bukit Puteri, Kesultanan Melayu Terengganu, artifak warisan Terengganu

## Pendahuluan

Negeri Terengganu mempunyai tapak warisan kebudayaan semulajadi iaitu Bukit Puteri yang dijadikan sebagai kubu pertahanan pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Terengganu pada abad ke-18 dan 19 M yang terletak di pinggir kota Kuala Terengganu bersebelahan dengan Istana Maziah dan Pejabat Pos Kuala Terengganu yang menghala ke Sungai Terengganu dapat dibuktikan berdasarkan peninggalan artifak-artifak bersejarah di atas puncak Bukit Puteri seperti meriam, tiang bendera, genta dan rumah genta, tempat penyimpanan peluru dan senjata sebagai alat peperangan yang masih dipelihara dan dijadikan rujukan sehingga zaman kini. (Abu Bakar, 2018). Bukit Puteri merupakan sejarah warisan dan budaya di Negeri Terengganu pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Terengganu yang mempunyai nilai pensejarahan yang perlu dipelihara untuk dijadikan rujukan kepada penyelidik dan pihak berkepentingan.

Berdasarkan kajian awal, pengkaji mendapati bahawa sejarah Bukit Puteri telah dijalankan oleh para sejarawan tempatan. Umpamanya, Buyong (1982) membincangkan berkaitan sejarah Negeri Terengganu dan susur galur Kesultanan Melayu Terengganu yang mentadbir di atas Bukit Puteri pada abad ke-18 dan 19 M. Wan Zamri (1995) hanya membincangkan mengenai bilangan pelancong yang melawat ke Bukit Puteri, Roselan (1998) menyentuh tentang tapak-tapak bersejarah di daerah Negeri Terengganu termasuk Bukit Puteri pada abad ke-19 M, manakala Salleh (1978) mengkaji mengenai kegiatan perdagangan di Negeri Terengganu Bukit Puteri semasa pemerintahan Sultan Zainal

Abidin I pada abad ke-18 M. Namun begitu, hasilnya masih belum dapat merumuskan sejarah Bukit Puteri secara komprehensif dan menyeluruh tentang persejarahan kubu pertahanan lama dan fungsi pembinaan bahan artifak yang digunakan oleh golongan sultan yang memerintah di Negeri Terengganu pada abad ke 18 dan 19 M.

Oleh itu, makalah ini menjurus kepada sejarah Bukit Puteri sebagai kubu pertahanan terawal di Negeri Terengganu dan jenis bahan artifak bersejarah yang dibina mempunyai perbezaan fungsi mengikut pemerintahan sultan di Negeri Terengganu pada abad ke-18 dan 19 M berdasarkan beberapa sumber baru iaitu temubual dan kajian baru yang dilakukan oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Dalam konteks ini, takrifan warisan secara umum dijadikan panduan untuk mencapai objektif kajian. Takrif warisan dirujuk dalam (Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara, 2018) sebagai sesuatu permindahan warisan yang diperturunkan dari generasi terdahulu atau tinggalan nenek moyang serta tinggalan alam semulajadi yang perlu dipelihara nilainya bagi menggambarkan nilai sejarah, seni dan budaya dalam fahaman sesuatu kelompok masyarakat. Takrifan rasmi oleh Jabatan Warisan Negara selari dengan pandangan (Badaruddin, 2015) yang menjelaskan bahawa warisan merupakan tradisi, adat, budaya dan tempat bersejarah yang dipelihara oleh kelompok manusia dari sudut bentuk dan nilai kekeluargaan, amalan keagamaan dan tradisi lisan oleh setiap individu yang berminat dengan warisan seperti monumen, muzium, tapak peperangan dan bangunan lama. Takrifan warisan diperkukuhkan lagi berdasarkan penulisan Chan (2012) menjelaskan bahawa warisan adalah sesuatu yang diperturunkan kepada generasi berdasarkan turun temurun seperti adat, tradisi dan kepercayaan dalam sesuatu kelompok masyarakat.

Sejajar dengan itu juga, (Howard, 2003) menyatakan bahawa warisan adalah sesuatu yang bernilai dan perlu dipelihara daripada kemusnahan, kerosakan, kepupusan dan dicuri. Penyataan ini menjelaskan bahawa setiap khazanah warisan mempunyai nilai dan lambang ketamadunan sesuatu bangsa yang perlu dijaga daripada pelbagai unsur ancaman agar identiti dan nilai produk warisan terus wujud untuk generasi yang baru.

Samsudin (2013) menjelaskan bahawa setiap produk warisan berunsurkan tapak iaitu bangunan atau monumen adalah mudah untuk dikekalkan dan dibina pada zaman dahulu oleh kelompok manusia secara turun-temurun berdasarkan pemikiran manusia untuk membangunkan ketamadunan sesuatu kaum yang meliputi corak budaya masyarakat, tradisi, adat, kepercayaan dan tingkahlaku. Oleh itu, identiti dan keunikan

Bukit Puteri merupakan tapak warisan di Negeri Terengganu yang memenuhi takrifan warisan di atas yang masih perlu dikaji bagi mencapai objektif kajian.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan proses menganalisis segala data dan maklumat yang diperolehi daripada kajian lapangan di kawasan Bukit Puteri. Pengkaji akan meneliti setiap fungsi artifak bersejarah dan mendapatkan gambar setiap jenis artifak bersejarah yang terdapat di atas Bukit Puteri untuk dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah temubual secara lisan bersama dua orang informan daripada Pegawai Kurator Jabatan Muzium Negeri Terengganu untuk mengukuhkan lagi maklumat dan data mengenai sejarah Bukit Puteri sebagai kubu pertahanan lama dan fungsi setiap bahan artifak bersejarah di Bukit Puteri. Seterusnya, pengkaji menggunakan kajian perpustakaan bagi meneliti semua informasi yang berkaitan dengan objektif kajian ini iaitu dalam buku ilmiah, tesis-tesis sarjana, laman web rasmi dan majalah-majalah berbentuk ilmiah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu seperti Yayasan Sultan Mizan Zainal Abidin.

## **Sejarah Bukit Puteri**

Sejarah Terengganu membuktikan bahawa Bukit Puteri merupakan kawasan rujukan kegiatan perdagangan yang pesat semasa zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin Shah I pada tahun 1708 dengan pedagang luar seperti China, Arab, India dan Siam di sekitar Sungai Terengganu. Kegemilangan pemerintahan Sultan Zainal Abidin Shah I dalam kegiatan perdagangan telah memperkenalkan penggunaan wang syiling emas bagi memudahkan kegiatan menjual dan membeli barangan dagangan (Anwar, 2012). Wang syiling atau dikenali Kupang Emas Terengganu dicatatkan nama ‘Sultan Zainal Abidin Shah I’ pada bahagian hadapan syiling manakala pada bahagian belakang pula tercatat ‘Khalifatu’l Mu’minin 1120 bersamaan 1708 M. Selain itu, mata wang ini dinamakan ‘pitis’ yang mempunyai nilai ukur tara antarabangsa digunakan di Terengganu pada zaman pemerintahan Sultan Mansor I. Pernyataan ini dibuktikan melalui catatan oleh Lt. Pottier de l’Horne seorang pengembara Barat yang berhijrah ke Terengganu menjelaskan mengenai nilai mata wang syiling di Terengganu iaitu:

“Mata wang syiling dalam negeri ini adalah piastre dan rupee. Mata wang rupee tidak mempunyai nilai berkait dengan piastre kerana nilai piastre dibahagikan kepada 8 kupang, sedangkan rupee hanya dapat dibahagikan kepada tiga nilai kecil. Terdapat mata wang syiling kecil yang dinamakan pitis yang mana 400 kupang bersamaan dengan satu pitis, dan seterusnya 3200 piastre kepada satu pitis.”

(Anwar & Nik Anuar, 2011)

Berdasarkan petikan di atas, penggunaan mata wang syiling di Terengganu juga dibuktikan dalam catatan Abdullah Munshi yang berada di Terengganu pada tahun 1836 menyatakan kupang syiling yang digunakan oleh masyarakat awal di Terengganu dan pedagang luar adalah dikenali sebagai ‘Malikul Adil’. Malikul Adil adalah “nilai setiap kupang syiling yang dicatatkan oleh beliau adalah “Syahadan maka adalah wang belanja Negeri Terengganu itu tiga ribu delapan ratus empat puluh pitis timah yang termeterai di dalamnya Malikul Adil dipakai satu ringgit. Maka besarnya pitis itu seperti satu duit kita (dollar Selat) juga adanya.” (Norizan, 1990). Berdasarkan petikan ini dapat dikaitkan bahawa Bukit Puteri dikenali sebagai tempat rujukan sebagai pusat kegiatan perdagangan yang berhampiran dengan Sungai Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin Shah I. Sejarah Terengganu telah membuktikan bahawa kemasyhuran Bukit Puteri sebagai tapak warisan kebudayaan dan sejarah budaya masyarakat Melayu tempatan di Negeri Terengganu dari aspek pembangunan ekonomi bercorak tempatan.



Gambar 1. *Kupang Emas Terengganu* (Anwar & Nik Anuar, 2011)

Pada abad ke-18 M, Bukit Puteri dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan kubu pertahanan oleh tiga orang sultan yang memerintah Negeri Terengganu pada abad ke-18 M iaitu Sultan Mansur Syah II yang mentadbir Negeri Terengganu pada tahun (1831-1836), Sultan Muhammad Syah I (1836-1839) dan Sultan Umar II (1839-1876) berdasarkan penulisan dalam (Ghulam, 2010). Namun begitu, pemerintahan antara ketiga-tiga sultan ini berlaku konflik dalaman melibatkan perebutan takhta sebagai pemerintah dan perebutan Bukit Puteri dan kawasan sekitarnya untuk dijadikan sebagai kota pertahanan dan kawasan pentadbiran. Oleh itu, impak daripada konflik ini telah tercetusnya Perang Saudara yang berlaku di kawasan Bukit Puteri pada tahun 1831 antara Raja Mansur dengan Tengku Umar yang merebut takhta pemerintahan sebagai Sultan Terengganu (Buyong Adil, 1982).

Lantaran daripada konflik ini, Raja Mansur membina kubu pertahanan di Balik Bukit di Kuala Terengganu manakala Tengku Umar juga membentuk kubu pertahanannya di atas Bukit Puteri pada tahun 1831. Lanjutan daripada peristiwa ini, (Rahman, 2012) menjelaskan bahawa berlakunya pergolakan Sultan Muhammad Syah I dengan Tengku Umar apabila Tengku Umar bersama pasukan tenteranya menyerang Bukit Puteri sebagai kota pertahanan Sultan Muhammad Syah I pada tahun 1839 sebanyak tiga kali. Namun begitu, peperangan ini akhirnya tamat apabila Tengku Umar mengalami kekalahan seterusnya baginda dilucutkan sebagai pemerintah dan dihalau untuk meninggalkan daerah Terengganu (Wan Zamri, 1995).

Pada abad ke 19 M, sejarah Bukit Puteri dijadikan sebagai kubu pertahanan oleh Sultan Zainal Abidin III dilengkapi dengan senjata perang seperti meriam dan pembinaan dinding batu yang konkrit mengelilingi Bukit Puteri bertujuan mengelakkan ancaman pihak penjajah iaitu pihak Briton, Siam dan Jepun. Pada ke-19 M, Negeri Terengganu telah berlakunya ancaman daripada pihak Briton yang diketuai oleh Kolonel R. Macpherson telah membedil Bukit Puteri di Kuala Terengganu melalui Sungai Terengganu (Zakaria, 1996). Menurut (Ghulam, 1986) berpuluh-puluh das tembakan meriam dilepaskan ke arah Bukit Puteri dari kapal perang Briton dari tengah laut. Berdasarkan (Rahman, 2012), pengaruh Briton mula bertapak di Terengganu apabila termeterainya satu perjanjian antara kerajaan Siam dan British iaitu Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909. Kerajaan Siam menyerahkan Negeri Terengganu kepada pihak Briton sebagai tanda persahabatan dan kepentingan ekonomi di Siam. Pada tahun 1942 kedaulatan Negeri Terengganu semakin tercabar apabila pihak Jepun menyerang Terengganu untuk dijadikan sebagai negeri



taklukan daripada pihak Briton. Oleh itu, pihak Jepun berjaya menyingkirkan pengaruh Briton di Terengganu pada tahun 1942 dan mentadbir Terengganu atas bantuan Siam. Pihak Jepun telah memindahkan pentadbiran Terengganu kepada pentadbiran tentera Siam sebagai tanda kerjasama untuk mengalahkan pihak Briton di Terengganu. (Zakaria, 1996).

Oleh itu, semangat juang yang tinggi ditunjukkan oleh golongan sultan di Terengganu khususnya semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III demi menjaga kedaulatan dan mempertahankan keamanan Terengganu telah berjaya mengalahkan pentadbiran tentera Siam di bawah naungan pihak Jepun pada tahun 1945 apabila pihak Briton kembali menguasai semula Negeri Terengganu. Sejarah Terengganu menjelaskan bahawa Sultan Zainal Abidin III telah menjalinkan hubungan kerjasama secara dua hala bersama pihak Britain untuk menjatuhkan pentadbiran dan menyingkirkan pengaruh Siam dan Jepun di Terengganu sehingga kedaulatan dan keamanan di Negeri Terengganu kembali terjamin (Rogayah & Mariyam, 2006).

Impak daripada konflik peperangan ini, pelbagai artifak bersejarah telah djumpai di atas puncak Bukit Puteri oleh para sarjana dan budayawan tempatan sebagai bukti bahawa Bukit Puteri pernah dijadikan sebagai kubu pertahanan lama di zaman Kesultanan Melayu Terengganu pada abad ke-18 dan 19 M.

## **Jenis-Jenis Artifak Peninggalan Bersejarah Di Bukit Puteri**

Kegemilangan Bukit Puteri yang dijadikan sebagai kubu pertahanan lama pada abad ke-18 dan 19 M mempunyai pelbagai jenis peninggalan bahan artifak bersejarah yang dibina dan digunakan oleh setiap sultan yang mentadbir Negeri Terengganu (Saleh, 1978). Kajian mengenai artifak bersejarah di atas Bukit Puteri kurang dikaji oleh penyelidik dan budayawan pada abad ke-18 dan 19 M yang dinyatakan dalam penulisan. (Wan Zamri, 1995).

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan mengenai jenis dan fungsi bahan artifak bersejarah yang dibina dan digunakan pada zaman Kesultanan Melayu Terengganu pada abad ke-18 dan 19 M di atas Bukit Puteri yang perlu dikekalkan dan dipelihara keasliannya berunsurkan sejarah warisan dan budaya yang terdiri daripada genta dan rumah genta, meriam, tiang bendera, kubu pertahanan, tempat penyimpanan peluru bedil dan tempat persinggahan sultan.

## *Genta Gergasi*

Genta gergasi atau loceng besar dibina pada tahun 1908 semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III yang mentadbir Negeri Terengganu diperbuat daripada tembaga kuning diusahakan oleh Wan Ali Wan Awang seorang anak jati tempatan yang bekerja sebagai seorang tukang binaan bersama petukang yang lain menetap di kawasan Kampung Tanjung dan Kampung Paya berhampiran dengan Bukit Puteri. (Saleh, 1978). Genta ini mempunyai keluasan lilitan iaitu 91 inci dan ketinggian 31 inci digantung di dalam sebuah tempat yang dikenali sebagai Rumah Genta. Genta ini berfungsi sebagai alat kawalan untuk memaklumkan kepada masyarakat tempatan apabila berlakunya sesuatu kejadian seperti individu yang mengamuk, kebakaran atau kawasan diceroboh oleh musuh (Saleh, 1978).

Oleh itu, pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III loceng gergasi ini diawasi oleh kanak-kanak kerabat diraja ditugaskan untuk membunyikan genta gergasi ini sekiranya berlaku sebarang kejadian atau bencana buruk di Terengganu (Saleh, 1978). Berdasarkan (Wan Zamri, 1995), genta ini juga berfungsi sebagai alat rujukan menandakan masuknya waktu solat fardhu di kawasan yang terlibat melalui kedengaran bunyi pukulan pada genta setiap kali masuknya waktu solat. Fungsi genta gergasi dinyatakan oleh (Saleh, 1978) iaitu:

“Apabila masyarakat di sekitar kawasan Bukit Puteri kedengaran bunyi pukulan genta kencang maka sekalian penduduk bandar akan menutup pintu rumah mereka masing-masing, kedai-kedai pun berkemas dan bersiap sedia. Pembesar-pembesar raja dan segala hamba sahaya berlari menuju ke istana masing-masing dengan senjata sambil mencari khabar apa yang telah berlaku. Begitu juga bagi kaum lelaki di kampung masing-masing bersiap sedia dengan senjata serta berjaga-jaga jika ada orang mengamuk. Sebaliknya, jika berlaku kebakaran mereka akan datang menolongnya.”

(Saleh, 1978)

Pada abad ke-19 M, kegunaan genta hanya dipukul apabila akan tiba bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Pada bulan Ramadhan, loceng ini akan dibunyikan pada pukul enam petang sehingga masuk waktu berbuka puasa, waktu sahur dan waktu imsak bagi penganut agama Islam. (Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, 2018). Manakala,

genta akan dibunyikan secara berulang kali pada tepat jam dua belas tengah malam dikenali sebagai ‘Concang’ menandakan tiba waktu makan sahur diikuti dengan satu das tembakan meriam satu di atas Bukit Puteri. Selain itu, genta akan dibunyikan pada Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha secara bertingkah-tingkah pada waktu pagi menandakan bahawa masuknya waktu solat sunat hari raya dan keberangkatan Sultan ke Masjid untuk menunaikan solat berjemaah. (Azlaizie, 2018). Gambar 2 menunjukkan rumah genta dan genta di atas puncak Bukit Puteri.



(Kajian lapangan, 18 Mac 2018)



Gambar 2. *Rumah Genta dan Genta*

(Kajian lapangan, 18 Mac 2018)

## ***Meriam***

Meriam merupakan bahan artifak peninggalan bersejarah yang dijumpai di atas Bukit Puteri pada abad ke-18 M. Terdapat pelbagai jenis meriam yang dijumpai seperti Seri Buih, Seri Johor, Seri Jamblar dan Laila Majnun (Roselan, 1998). Meriam ini digunakan sebagai alat peperangan oleh Kesultanan Melayu Terengganu iaitu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III bersama angkatan tenteranya untuk menyelamatkan pusat pentadbiran dan kubu pertahanan daripada ancaman musuh iaitu Jepun British dan Siam pada abad ke-19 M. (Portal Arkib Negara Malaysia, 2018).

Oleh itu, keunikan meriam dalam pelbagai saiz dan bentuk ini sebagai peninggalan artifak bersejarah masih dikekalkan dan dipelihara di atas puncak Bukit Puteri sehingga zaman kini dikenali sebagai meriam beranak yang mempunyai saiz berbeza tetapi mempunyai rupa bentuk yang sama. Kedua-dua meriam ini diletakkan berhampiran untuk membezakan bahawa meriam kecil adalah anak kepada meriam besar yang dikenali sebagai meriam beranak. (Azuan, 2018).



Gambar 3. *Meriam Beranak*

(Kajian lapangan, 18 Mac 2018)

## ***Tiang Bendera***

Tiang bendera merupakan bahan peninggalan artifak bersejarah yang dibina di atas Bukit Puteri pada abad ke-18 M sebagai alat untuk menaikkan bendera oleh golongan bangsawan sempena Hari Pertabalan

Sultan Terengganu. (Ghulam, 2010). Tiang bendera dibina pada tahun 1899 semasa pemerintahan Sultan Umar yang berketinggi 54 kaki dan ditanam sedalam enam kaki. (Azuan, 2018).

Selain itu, pembinaan tiang bendera di atas Bukit Puteri berfungsi sebagai rujukan kepada para pedagang yang menjalankan kegiatan perdagangan di persisiran Sungai Terengganu pada pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, 2018). Gambar 4 di bawah menunjukkan tiang bendera di atas Bukit Puteri.



Gambar 4. *Tiang Bendera*

(Kajian lapangan, 18 Mac 2018)

### ***Tempat Penyimpanan Peluru Bedil***

Bukit Puteri juga mempunyai artifak peninggalan bersejarah iaitu tempat penyimpanan peluru bedil yang dibina pada abad ke-18 M semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin II yang berfungsi sebagai tempat menyimpan senjata dan peluru daripada berlaku kerosakan dan dimusnahkan oleh pihak musuh. (Buyong Adil, 1974). Sejarah Terengganu membuktikan bahawa tempat penyimpanan peluru bedil dibina bersebelahan dengan tiang bendera yang diperbuat daripada dinding konkrit, mempunyai penutup lubang yang diperbuat daripada jaring besi dan mempunyai atap batu untuk melindungi daripada panas matahari dan hujan lebat. Sehubungan dengan itu, tempat penyimpanan peluru bedil ini diperbuat daripada batuan-batuan keras agar dapat bertahan lama daripada serangan pihak musuh. (Roselan, 1998). Gambar

5 di bawah menunjukkan tempat penyimpanan peluru bedil di atas Bukit Puteri.



Gambar 5. *Lubang simpan peluru bedil*

(Kajian lapangan, 18 Mac 2018)

### ***Kubu Pertahanan***

Kubu pertahanan adalah artifak peninggalan bersejarah yang dibina pada abad ke-18 M di atas Bukit Puteri semasa zaman Kesultanan Melayu Terengganu. Kubu pertahanan ini menjadi simbol dan identiti terhadap sejarah kegemilangan Bukit Puteri di Terengganu sebagai pusat pentadbiran dan kota pertahanan. Kubu pertahanan ini dikelilingi oleh bahan binaan konkrit berasaskan batu-batu keras bagi menyukarkan serangan pihak musuh untuk menembusi kubu pertahanan. Pembinaan kubu pertahanan ini dibina oleh Sultan Zainal Abidin III bersama pengikut-pengikutnya semasa berlakunya konflik peperangan antara penjajah asing iaitu British, Siam dan Jepun pada abad ke-19 M yang ingin menjadikan Negeri Terengganu sebagai tanah jajahan takluknya. (Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, 2018). Pembinaan kubu pertahanan di atas Bukit Puteri di Terengganu dirujuk dalam penulisan (Buyong Adil, 1974) menjelaskan bahawa:

“di Tanjung itulah telah didirikan dua buah kota atau kubu yang kelihatan sangat ganjil; tak tahulah saya apa namanya yang hendak diberikan oleh orang-orang tentera terhadap kubu seperti itu. Kedua-dua buah kubu terdiri empat batang tiang yang kuat, lebih kurang empat puluh kaki tingginya dan pangkal tiang itulah dipasangkan papan tebal dan beratap seperti rumah. Di atas kubu itu ada diletakkan meriam panjang yang diberi berpedati; meriam

itu ialah jenis meriam 12-18 paun dan peluru meriam itu ada disusunkan berbaris di atas kubu itu. Kubu-kubu yang disebutkan ini, memang berguna bagi mempertahankan kuala sungai itu jika ada serangan dari laut. Tetapi sebuah pasukan tentera yang datang menyerang dari sebelah darat, akan dapat menghalaukan pasukan-pasukan yang bertahan dalam kubu-kubu itu kerana meriam itu tidak akan berguna.”

(Wan Zamri, 1995: 78)



Gambar 6. Kubu pertahanan dibina di atas Bukit Puteri

(Kajian lapangan, 18 Mac 2018)

### ***Singgasana Sultan***

Artifak peninggalan bersejarah di atas Bukit Puteri mempunyai singhasana atau singgasana sultan yang dibina secara bertingkat menggunakan bahan binaan daripada batu yang berkualiti pada zaman Kesultanan Melayu Terengganu pada abad ke-18 M iaitu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin II. (Buyong Adil, 1974). Singgasana ini dibina oleh golongan kerabat diraja sebagai tempat istirehat oleh golongan sultan yang memerintah dan para pembesar untuk berbincang hal ehwal pentadbiran dan merancang strategi peperangan supaya kota pertahanan ini menjadi kukuh dari segi benteng pertahanannya apabila diancam oleh musuh. (Wan Zamri, 1995). Selain itu, singgasana sultan ini dibina menggunakan batuan keras dan mempunyai atap yang bertutup bagi mengelakkan cuaca panas dan hujan. (Wan Zamri, 1995). Gambar 7 menunjukkan singgasana sultan di atas Bukit Puteri.



Gambar 7. *Kubu Lama di Atas Bukit Puteri dan Singgasana Sultan*

(Kajian lapangan, 18 Mac 2018)

## **Kesimpulan**

Keunikan sejarah Bukit Puteri pada abad ke 18 dan 19 M merupakan warisan kebudayaan tapak semulajadi menjadi simbol dan identiti keagungan sejarah budaya dan warisan bercorak tempatan pada zaman Kesultanan Melayu Terengganu. Bukit Puteri dijadikan sebagai kubu pertahanan dan pusat pemerintahan yang strategi untuk mentadbir dan mempertahankan Negeri Terengganu daripada ditakluki oleh pihak penjajah asing seperti Briton, Siam dan Jepun pada abad ke-19 M. Kemegahan Bukit Puteri sebagai kubu pertahanan lama dibuktikan jumpaan artifak bersejarah pada abad ke-18 dan 19 M yang dibina oleh golongan sultan mempunyai fungsinya yang tersendiri dan unik melambangkan sejarah Bukit Puteri sebagai produk warisan tapak semulajadi yang mesti dilindungi nilai estetikanya untuk generasi akan datang daripada diancam oleh desakan pembangunan, perubahan iklim dan oleh pihak berkepentingan yang akan melenyapkan sejarah Bukit Puteri yang dikenali sebagai kota pertahanan lama di Negeri Terengganu.



## Rujukan

- Abu Bakar, M. (2018). *Orang Terengganu Asal Usul, Arus hidup dan Arah Tuju*. Kuala Terengganu: Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
- Azuan, H. (2018). Temubual bersama Pegawai Kurator Negeri Terengganu di Muzium Negeri Terengganu. Pada 14 Februari 2018.
- Azlaizie, R. (2018). Temubual bersama Pegawai Kurator Negeri Terengganu di Muzium Negeri Terengganu. Pada 14 Februari 2018.
- Anwar, M.B.O.D & Nik Anuar, N.M. (2011). *Dirgahayu Tuanku: Sejarah Kesultanan Melayu Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu. Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Badaruddin, M. (2015). *Memartabatkan Warisan Sejangat Melalui Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Buyong, A. (1982). *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chan, K. L (2012). *Pemuliharaan Warisan Pendokumentasian Kajian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghulam, J.M.K (2010). *Buku Rekod Negeri-Negeri Terengganu*. Negeri Sembilan: Ainna's Publications.
- Howard, P. (2003). *Heritage: Management, Interpretation*. London: Continuum.
- Kajian Lapangan di Bukit Puteri. Pada 18 Mac 2018.
- Norizan, M. (1990). *Sejarah Terengganu 1900-1957. Tesis Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. (2018). [http://www.arkib.gov.my/web/guest/bukit\\_puteri](http://www.arkib.gov.my/web/guest/bukit_puteri). Latar belakang Bukit Puteri.
- Roselan, M.B.A.M. (1998). *Kesan Sejarah dan Tempat-Tempat Menarik Negeri Terengganu Darul Iman*. Petaling Jaya: Oscar Book International.
- Rahman, A.B.E. (2012). *Terengganu Merentasi Tiga Abad Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*. Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan Kuala Terengganu.
- Rogayah, A.H & Mariyam, S. (2006). *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saleh, M.B.H.A. (1978). *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Samsudin, M. (2013). Pengaruh Warisan Sejarah Dalam Industri Pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Wan Zamri, W.A. (1995). Sejarah Perkembangan Industri Pelancongan dan Kesannya ke Atas Terengganu 1970 hingga 1990. *Tesis Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria, A.B.G. (1996). *Terengganu Tokoh Pentadbiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

ISSN 1985-6296



9 771985 629005

Diterbit oleh:  
Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia